SURUHANJAYA
INTEGRITI
AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN TAHUNAN 2015 ANNUAL REPORT

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION

© Hak cipta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Hak Cipta ini adalah milik Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Anda perlu memaklumkan penggunaan.

Hak Cipta terpelihara.

© Copyright Enforcement Agency Integrity Commission

The copyright of this report belongs to the Enforcement Agency Integrity Commission. All or any part of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made or with the Commission's permission. The Commission assumes no responsibility, warranty and liability, expressed or implied by the reproduction of this publication done without the Commission's permission. Notification of such use is required. All rights reserved.

ISI KANDUNGAN CONTENTS

PERUTUSAN PENGERUSI 5
THE CHAIRMAN'S MESSAGE

PESURUHJAYA 17
THE COMMISSIONERS

MAKLUMAT KORPORAT 19
CORPORATE INFORMATION

OPERASI 27
OPERATIONS

PROJEK-PROJEK SIASATAN KHAS/PASUKAN PETUGAS 43
SPECIAL INVESTIGATION PROJECTS/TASK FORCES

PENDENGARAN AWAM 57
PUBLIC HEARING

PERUNDANGAN 63
LEGISLATION

AKTIVITI 69
ACTIVITIES

PENGUKUHAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA 137
STRENGTHENING AND RESTRUCTURING

PENTADBIRAN 143
ADMINISTRATION

PENGURUSAN KEWANGAN 157
FINANCIAL MANAGEMENT

LAMPIRAN 163
APPENDIXES

PERUTUSAN PENGERUSI

THE CHAIRMAN'S MESSAGE

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S MESSAGE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Illahi di atas kurnianya dapat saya sekali lagi melakarkan secara ringkas kata-kata aluan bagi Laporan Tahunan 2015 EAIC.

Sepanjang tahun 2015, EAIC telah memperlihatkan pencapaian yang sungguh memberangsangkan serta meraih pelbagai kesan positif hasil daripada aktiviti dan program yang telah dijalankan sejak awal tahun. Boleh dikatakan tahun 2015 adalah tahun pelaksanaan transformasi yang melibatkan pelbagai aspek yang merangkumi struktur, proses, dasar serta modal insan. Saya percaya seluruh warga kerja EAIC telah berjaya menyesuaikan diri dengan setiap perubahan dan transformasi yang dilaksanakan dalam usaha memenuhi aspirasi penubuhan EAIC.

PEMBANGUNAN KAPASITI

Bermula dengan usaha memantapkan lagi pembangunan kapasitinya (*capacity building*), EAIC pada suku pertama tahun 2015 telah membuat

Assalamualaikum W.B.T. and Salam Sejahtera

First and foremost, I offer my sincerest gratitude to Allah the Almighty, for bestowing me with an opportunity to pen a few words of welcome in the EAIC 2015 Annual Report.

Throughout 2015, EAIC has shown remarkable achievements and impact from the activities and programmes that it had run. In fact, 2015 could be said as a transformational year for EAIC, as it develops to cover major aspects such as structure, processes, policies and human capital. I believe that the EAIC family, in their effort to fulfill EAIC's aspirations, have succeeded in adapting to each of the challenges and transformations implemented.

CAPACITY BUILDING

In the first quarter of 2015, EAIC recruited its newly appointed investigation officers to support the current workforce and enhance its capacity building. A large

pengisian sepenuhnya perjawatan yang terdapat dengan pengambilan pegawai-pegawai siasatan baru sebagai tambahan kepada tenaga kerja sedia ada. Sebilangan besar pegawai-pegawai EAIC merupakan pegawai undang-undang yang dilantik menjadi pegawai penyiasat dan pegawai aduan yang mempunyai pengalaman bekerja sebagai peguambela dan peguamcara sebelum menyertai EAIC. Dengan memberi fokus kepada aspek kualiti dan pengalaman tersebut, diharapkan ianya akan dapat membantu meningkatkan dan memperkukuhkan keupayaan EAIC dalam memikul tugas dan fungsinya sepertimana diperuntukkan di bawah Akta 700.

number of EAIC's investigation and complaints officers were previously legal officers with experience as advocates and solicitors before joining EAIC. It is aspired that their knowledge and experiences would help strengthen EAIC's position and ability to fulfil its responsibilities and functions as provided under Act 700.

Sebilangan besar pegawai-pegawai EAIC merupakan pegawai undang-undang yang dilantik menjadi pegawai penyiasat dan pegawai aduan yang mempunyai pengalaman bekerja sebagai peguambela dan peguamcara sebelum menyertai EAIC.
A large number of EAIC's investigation and complaints officers were previously legal officers with experience as advocates and solicitors before joining EAIC.

Penstrukturan semula ke atas Bahagian Operasi EAIC (yang mengandungi Seksyen Siasatan dan Seksyen Aduan) telah mewujudkan unit-unit siasatan khusus yang akan menyiasat aduan salah laku yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasaan lain secara lebih fokus dan berasingan dalam usaha meningkatkan lagi keberkesanan operasi EAIC. Pengwujudan unit-unit siasatan khusus ini dilihat perlu memandangkan sebahagian besar daripada aduan-aduan yang diterima dan disiasat adalah melibatkan PDRM. Dalam hal ini, EAIC amat peka kepada saranan bahawa perlunya EAIC mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam membuat siasatan ke atas perkara-perkara yang diadukan oleh orang ramai yang bukan sahaja meliputi aspek salah laku tetapi juga pelanggaran undang-undang oleh pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang.

The restructuring of EAIC's Operations Division (which comprises both Investigation and Complaints Sections) has resulted in the formation of specific investigation units that investigate individual complaints of misconduct involving the Royal Malaysian Police (PDRM) and other enforcement agencies. Working within smaller units have definitely resulted in more focused and effective operations. The smaller units were introduced and therefore implemented as the majority of the complaints involved the PDRM and EAIC was aware of the need for it to have the ability and the skills to conduct investigations into the numberous complaints from the public which covers not only misconduct but also law violations by enforcement officers and agencies.

OPERASI EAIC

Sepanjang tahun 2015, EAIC telah menerima sejumlah 326 aduan yang didaftarkan mengikut agensi berkaitan salah laku terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 219 aduan adalah terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM), 66 aduan diterima terhadap agensi-agensi lain. Manakala 41 aduan lagi diterima terhadap agensi yang diluar daripada seliaan EAIC. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 74 aduan adalah diterima dari Wilayah Persekutuan, dan 67 aduan diterima dari negeri Selangor yang menjadi penyumbang terbesar jumlah aduan yang diterima. Bagaimana pun tahun 2015 melihatkan sedikit kemerosotan jumlah aduan jika dibandingkan dengan tahun 2014 di mana sejumlah 312 aduan diterima oleh EAIC.

EAIC'S OPERATIONS

In 2015, EAIC received a total of 326 complaints registered according agencies related to misconduct by enforcement officers and enforcement agencies under the supervision of EAIC as per the provisions of Act 700. Out of that total, 219 were against the Royal Malaysian Police (PDRM) while 66 were against the other enforcement agencies. Another 35 complaints were against agencies outside EAIC's supervision. Out of total complaints, 74 received were from the Federal Territory and 67 were from Selangor, making these two regions the biggest complaint contributors. However, in 2015, there was a decrease in the number of complaints.

Peratusan kes-kes aduan yang diselesaikan pada peringkat siasatan awal dan diputuskan oleh Jawatankuasa Aduan yang dibentuk di bawah Seksyen 26 Akta 700 dan keputusan Mesyuarat Suruhanjaya ke atasnya telah meningkat kepada 89% kadar penyelesaian bagi tahun 2015. Peratusan kadar penyelesaian tersebut melebihi daripada sasaran 85% yang ditetapkan awalnya. Penyelesaian aduan-aduan yang disiasat penuh juga telah melihat pencapaian yang memberangsangkan selari dengan hasrat EAIC bagi setiap aduan yang diterima, diselesaikan siasatan dan dibuat keputusan oleh Mesyuarat Suruhanjaya dalam tempoh 6 bulan hingga 12 bulan. Saya juga berpuas hati terdapat kepatuhan bagi keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Suruhanjaya disampaikan kepada pengadu dalam tempoh tiga hari dari tarikh keputusan tersebut. Kekerapan Mesyuarat Suruhanjaya juga telah dipertingkatkan kepada dua (2) kali pada setiap bulan secara langsung menyumbang kepada peningkatan keupayaan membuat keputusan dan melicinkan kecekapan pengurusan operasi EAIC.

The percentage of cases of complaint solved at the preliminary investigation stage, as determined by the Complaints Committee which were formed under Section 26 Act 700, and the Commission Meetings, rose to 89% in 2015. The number was bigger than the actual target of 85%. The number of complaints which were solved after full investigations were also encouraging as it was in line with EAIC's aspirations to receive and solve all complaints, upon the decision of the Commission Meetings, within 6 to 12 months. I am also pleased that the Commission Meeting's decisions were communicated to the complainants within three days after each Meeting. The Meetings were also being held more frequently i.e to two (2) times each month, which indirectly has resulted in an incease in decisions and thus facilitating EAIC's operations management efficiency.

SIASATAN TERHADAP KEMATIAN TAHANAN SEMASA DALAM JAGAAN PDRM

INVESTIGATIONS INTO THE DEATH OF DETAINEES WHILE BEING HELD UNDER PDRM CUSTODY

Pada tahun 2015, selain melaksanakan fungsi utama iaitu menerima dan membuat siasatan ke atas aduan daripada orang ramai berkaitan salah laku

In 2015, aside from performing its primary functions which were to receive and investigate complaints from the public regarding misconduct of enforcement

(misconduct) pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan yang disenaraikan di bawah Jadual Akta 700, EAIC turut memberikan perhatian yang serius terhadap kejadian kematian orang tahanan semasa berada di dalam lokap PDRM. Kes-kes kematian ini telah menimbulkan keresahan dan rasa marah orang ramai termasuk badan bukan kerajaan serta keluarga tahanan yang menuntut supaya siasatan segera dan telus dilakukan untuk mengenalpasti sebab kematian dan jika terdapat apa-apa salah laku oleh pegawai penguat kuasa terhadap orang tahanan.

officers and agencies scheduled in Act 700, EAIC also paid serious attention to cases involving custodial deaths in PDRM lockups. These deaths have caused anxiety and anger stirred not just among the general public but also non-govermental organisations and the victims' families, who have demanded that an immediate and transparent investigation be conducted to identify the causes of the deaths and if there had been any misconduct on the part of the enforcement officers towards the detainees.

Selari dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 28 Akta 700, EAIC memberikan perhatian serius kepada kes-kes kematian ini yang mana ia mempunyai kepentingan signifikan kepada orang ramai atau awam.

With the authority as provided under Section 28 Act 700, EAIC has focused on these custodial death cases as they had also raised significant public interest.

Sepanjang tahun 2015 ini, EAIC telah memberi perhatian kepada tujuh (7) kes kematian orang tahanan semasa dalam tahanan polis yang dilihat sebagai mempunyai kepentingan signifikan untuk dibuat siasatan. Daripada tujuh (7) kes berkenaan, EAIC telah membuat dedahan awam (public disclosure) terhadap dua (2) kes yang telah diselesaikan siasatan selari dengan kehendak subseksyen 30(5) Akta 700. Satu (1) kes lagi melibatkan pendengaran awam yang telah selesai dijalankan. Empat (4) lagi kes sedang dibuat penyiasatan awal (preliminary investigation).

In 2015, EAIC focused on seven (7) custodial death cases based on their significance to demand for a proper investigation. Out of the seven cases, EAIC has made a public disclosure of two (2) cases which has been completed in line with subsection 30(5) Act 700. Involving public hearing has been completed while the other four (4) cases are still in the preliminary investigation stage.

Kes pertama ialah kes kematian James Ramesh a/l Ramasamy yang berlaku di Lokap HQ, IPK, Pulau Pinang. Laporan penuh siasatan oleh EAIC telah diumumkan kepada orang ramai pada 30 Januari 2015. Laporan penuh siasatan ini juga telah dimuat naik ke laman sesawang EAIC di www.eaic.gov.my yang membolehkan orang ramai mendapat akses ke atasnya. Laporan siasatan juga dibuat serahan ke atas agensi-agensi penguatkuasaan yang mempunyai lokap untuk tindakan-tindakan penambahbaikan pengurusan lokap-lokap serta isu-isu jagaan dan kebajikan orang tahanan semasa di bawah tahanan pihak berkuasa.

The first case was the custodial death of James Ramesh a/l Ramasamy which occurred at the HQ Lockup, IPK Pulau Pinang. EAIC's full investigation report was announced to the public on 30 January 2015. The report was then uploaded to the EAIC website at www.eaic.gov.my which would enable the public to have access to it. The investigation report was also presented to other enforcement agencies with lockup facilities as a reference for better lockup and detainee well-being management.

EAIC juga telah selesai menjalankan siasatan kes kematian Syed Mohd. Azlan bin Syed Mohamed Nur semasa di dalam tahanan polis di Kota Tinggi, Johor. Hasil siasatan mendapati kematian Syed Mohd. Azlan tersebut mempunyai kaitan dengan kekerasan secara fizikal oleh pegawai dan anggota polis semasa tangkapan dan proses soal siasat. Siasatan juga mendapati terdapat salah laku lainnya oleh anggota penguat kuasa terlibat. Sehubungan itu, EAIC telah

EAIC also completed a full investigation into the death of Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur while being held under the police custody in Kota Tinggi, Johor. The investigation discovered that the death of Syed Mohd Azlan was caused by excessive use of force by the police during arrest and investigation. The investigation also discovered other misconducts by the officers. In line with that, EAIC has recommended that the PDRM Disciplinary

memperakukan kepada Pihak Berkuasa Patatertib (PBT) PDRM untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai dan anggota-anggota yang dikenal pasti kerana melakukan salah laku mengikut Seksyen 24 Akta 700. EAIC juga telah memperakukan kepada Pendakwa Raya Malaysia bagi pendakwaan jenayah dibawa terhadap pegawai dan anggota PDRM yang didapati melakukan kesalahan bersifat perlakuan jenayah berkaitan kematian Syed Mohd Azlan tersebut. Tidak ketinggalan, EAIC turut memperakukan kepada Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara untuk undang-undang tertentu dipinda bagi memasukkan peruntukan bersifat anggapan (presumption) dalam kes-kes sebegini.

Akta 700 juga memperuntukkan kuasa penyiasatan EAIC termasuk mengadakan siasatan secara pendengaran awam. Selari dengan kuasa tersebut, EAIC telah menjalankan pendengaran awam berhubung kes kematian Dharmendran a/l Narayanasamy yang mati ketika berada di dalam lokap D9, IPK Kuala Lumpur pada 21 Mei 2013. Pendengaran awam ini yang melibatkan 62 orang saksi adalah juga merupakan pendengaran awam pertama dijalankan oleh EAIC, telah berlangsung selama lima (5) sesi bermula pada hujung bulan Julai 2015, dan selesai pada 16 November 2015. Laporan penuh siasatan sedang disediakan oleh Pasukan Petugas EAIC dengan bantuan tiga (3) orang Perunding yang dilantik oleh EAIC. Dijangkakan laporan penuh dapatan siasatan berserta pengesyoran akan dapat dimuktamadkan dan diumumkan selewat-lewatnya pada bulan April 2016.

Di samping siasatan yang disebutkan di atas, EAIC juga telah selesaikan mengadakan siasatan ke atas aduan-aduan tentang ketiadaan penguatkuasaan undang-undang oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan yang dibuat oleh nelayan persisir pantai dan persatuan nelayan terhadap kejadian pencerobohan bot-bot "Kenka" di Kuala Kurau, Perak. Pencerobohan bot-bot "Kenka" tersebut dikatakan telah mendatangkan mudarat dan menjejaskan mata pencarian nelayan persisiran pantai dan ekosistem kehidupan laut di kawasan terlibat. Laporan EAIC berhubung siasatan dalam perkara ini telah dimuktamadkan dan akan dibuat dedahan umum dalam sedikit masa lagi.

PERUNDANGAN

EAIC telah mengenalpasti beberapa pindaan ke atas Akta 700 yang diperlukan dalam usaha mengukuhkan

Authority (PBT) to take disciplinary action towards the police officers for misconduct under Section 24 Act 700. EAIC also recommended that the Public Prosecutor brought criminal charges against the said officers. EAIC further recommended that the Ministry of Home Affairs and the AG's Chambers studies and review the feasibility of amending the law to include a presumption provision in similar cases.

Act 700 authorizes EAIC to conduct public hearings during the investigation process. In line with that, EAIC had conducted a public hearing for the case of Dharmendran a/l Narayanasamy who died while in Lockup D9, IPK Kuala Lumpur on 21 May 2013. The hearing involved a total of 62 witnesses. It was EAIC's first public hearing and there were five (5) sessions, commencing at the end of July 2015 and ended on 16 November 2015. The full investigation report is currently being compiled by the EAIC's Task Force with the assistance of three (3) Consultants whom were appointed by EAIC. The full report, including recommendations, is expected to be finalised and announced by April 2016.

Apart from the above investigations, EAIC also conducted investigations on complaints regarding the lack of enforcement by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM) and Department of Fisheries Malaysia towards the encroachment of the 'kenka' twin trawlers at Kuala Kurau, Perak. The complaints were issued by coastal fishermen and the fishermen associations. The encroachments were said to have jeopardised the livelihood of the coastal fishermen and threatened the surrounding marine ecosystem. EAIC's report of the investigation will be finalised and released to the public soon.

LEGISLATION

EAIC had identified a few amendments that needed to be made to Act 700 in order to further strengthen

Proses untuk menambah baik prestasi agensi-agensi penguatkuasaan terutama daripada aspek pematuhan integriti semestinya memerlukan komitmen yang tinggi dan konsisten daripada pucuk pimpinan setiap agensi penguatkuasaan, yang bukan sahaja melibatkan pembuatan dasar tetapi juga pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang yang terlibat dengan agensi berkaitan

The process of improving the performance of enforcement agencies, especially in the aspects of integrity, would require high and constant commitment from the respective leaders.

dan meningkatkan lagi keberkesanan fungsi dan peranan EAIC. Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Pindaan Akta 700 telah ditubuhkan dan menyelesaikan tugasannya. Jawatankuasa tersebut bukan sahaja ditugaskan untuk mengenalpasti pindaan-pindaan yang perlu, tetapi juga menyediakan draf pindaan Akta 700. Sehubungan dengan itu, satu draf pindaan Akta 700 telah digubal oleh EAIC dengan bantuan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan telah dipanjangkan kepada Jabatan Peguam Negara bagi semakan dan kelulusan sebelum dibawa kepada Kerajaan dan dijangka akan dapat dibentangkan di persidangan Parlimen pada sesi persidangan tahun 2016 yang akan datang. Pindaan tersebut termasuk bagi mengadakan peruntukan yang mewajibkan PBT memberitahu EAIC keputusan tindakan tatatertib hasil dari dapatan dan syor EAIC. Pindaan juga akan memperuntukkan kuasa bagi EAIC mengambil alih siasatan tatatertib yang didapati tidak memuaskan daripada agensi penguatkuasaan terlibat serta peruntukan yang akan membenarkan siasatan dan dapatan siasatan EAIC digunapakai bagi tindakan tatatertib oleh PBT. Ini akan dapat mengelakkan duplikasi siasatan yang berkaitan dengan prosiding tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib.

and enhance its effectiveness. As such, the Act 700 Amendment Committee was formed. The Committee was not only tasked with identifying necessary amendments but also with preparing the Act 700 amendment draft which was done with the assistance from the Public Service Department (JPA). The draft was forwarded to the AG's Chambers for its review and approval before bringing it up to the Federal government. It is scheduled to be presented at the first Parliamentary session in 2016. One of the amendments involved providing provisions which required the PBT to inform EAIC of the results of implementing EAIC recomendations. The amendment would also empower EAIC to take over a disciplinary investigation that is deemed unsatisfactory from the enforcement agency involved. Another amendment would allow for EAIC's investigations to be utilized for disciplinary action by the apropriate disciplinary body. This will prevent the duplication of investigation information by disciplinary bodies during disciplinary proceedings.

JALINAN KERJASAMA DENGAN PIHAK LUAR

Proses untuk menambah baik prestasi agensi-agensi penguatkuasaan terutama daripada aspek pematuhan integriti semestinya memerlukan komitmen yang tinggi dan konsisten daripada pucuk pimpinan setiap agensi penguatkuasaan, yang bukan sahaja melibatkan pembuatan dasar tetapi juga pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang yang terlibat dengan agensi berkaitan. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pada tahun 2015 ini, EAIC mengatur langkah lebih proaktif dalam mengadakan pertemuan melalui sesi-sesi dialog khusus antara para Pesuruhjaya EAIC dengan pengurusan tertinggi agensi-agensi penguatkuasaan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak sembilan (9) sesi dialog di peringkat pengurusan tertinggi telah diadakan membabitkan

ENGAGEMENTS WITH OTHER BODIES

The process of improving the performance of enforcement agencies, especially in the aspects of integrity, would require high and constant commitment from the respective leaders. This involves policy-making and the enforcement of laws related to the enforcement agencies. To accomplish that, this year, EAIC took definite proactive steps and organised dialogue sessions specifically between the EAIC Commissioners and the higher management of the enforcement agencies. Nine (9) dialogue sessions with the top management level were held with the following agencies: PDRM; Immigration Department of Malaysia; Royal Customs Departmet fo Malaysia; National Registration Department (JPN); Road Transport Department (JPJ); Ministry

PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Platform yang sama juga digunakan untuk membincangkan penambahbaikan yang boleh diambil yang menyentuh tatacara peraturan tetap operasi (SOP) agensi terlibat. EAIC menghargai maklum balas positif serta komitmen yang telah diberikan oleh agensi-agensi ini dan berharap input yang dipersetujui akan disalurkan kepada semua lapisan pegawai dan anggota penguat kuasa dan pelaksanaan ke atasnya dimanfaatkan dengan sebaiknya dan dengan penuh kepatuhan.

of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (KPDNKKK); Department fo Occupational Safety and Health (JKKP); National Anti-Drugs Agency (AADK) and Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM). The same platform was used to discuss ways to improve the agencies' Standard Operating Procedures (SOP). EAIC appreciates the feedback and commitment shown by the agencies and hoped that the input would be relayed to all enforcement officers and that it would be used in full compliance.

EAIC juga pada 2015 telah mengadakan sebanyak tiga (3) Majlis Sesi Dialog bersama semua wakil agensi penguatkuasaan bagi Zon Labuan, Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) dan Zon Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan), yang masing-masingnya diadakan pada bulan Mac, Jun dan September 2015. Pada tahun ini juga, satu (1) Majlis Dialog EAIC dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pengamal media telah diadakan pada 28 November 2015. Penyertaan oleh lebih daripada 20 NGO, pengamal media serta orang-orang persendirian yang mempunyai kepakaran masing-masing pastinya akan dapat membantu menjalinkan kerjasama baik antara EAIC dan NGO serta media samada sebagai *smart-partner* atau rakan strategik yang dapat sama-sama memantau dan mencegah salah laku (misconduct) di kalangan anggota penguat kuasa termasuk agensi penguatkuasaan itu sendiri.

In 2015, EAIC also held three (3) Dialogue Sessions with representatives from enforcement agencies from the Labuan Zone, the Sounthern Zone (Johor, Melaka and Negeri Sembilan) and the East-Coast Zone (Pahang, Terengganu and Kelantan), in March, June and September 2015, consecutively. In this year also, one (1) Dialogue Session was held between EAIC, Non-Government Organisations (NGO) and media practitioners on 28 November 2015. More than 20 NGO, media practitioners and private individuals attended the event aimed to enhance cooperation between EAIC and the attendees, with them as strategic partners to monitor and prevent misconduct amongst enforcement officers and even the agencies themselves.

Dalam masa yang sama, para Pesuruhjaya EAIC juga aktif mengambil bahagian dalam beberapa siri forum awam yang dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia yang telah membincangkan isu-isu berkaitan keberkesanan fungsi dan peranan EAIC dan isu akauntabiliti polis. Pendekatan bersemuka ini telah memberi berpeluang kepada EAIC mengemukakan maklumat berhubung inisiatif-inisiatif yang sedang giat dijalankan oleh EAIC sekaligus dapat menangani pandangan negatif berhubung keberkesanan EAIC serta idea sesetengah pihak yang masih mahukan penubuhan IPCMC. Jalinan kerjasama turut diadakan dengan pertemuan ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dengan ahli-ahli Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi membincangkan aspek-aspek yang memerlukan kerjasama kedua-dua

EAIC's Commissioners have been actively taking part in public forums organised by the Malaysian Bar Council to discuss the effectiveness of EAIC and its roles as well as the issue of police accountability. This face-to-face approach gave them the opportunity to share EAIC activities and initiatives while also dealing with negative opinions regarding EAIC's impact and the opinions of some parties that still supports the establishment of IPCMC. Another engagement has brought EAIC Commissioners with Commissioners from the Malaysian Human Rights Commission (SUHAKAM) to discuss on cooperation between the two bodies and strengthening their roles and functions respectively. The meeting was followed by a visit to the Immigration Detention Depot at Umboo, Melaka.

badan tersebut dalam memantapkan lagi peranan dan fungsi peranan masing-masing. Kerjasama ini telah membawa kepada sesi lawatan bersama oleh ahli-ahli dan pegawai kedua-dua badan tersebut ke atas Tahanan Imigresen di Machap Umboo, Melaka.

Jalinan kerjasama turut juga dipanjangkan oleh EAIC kepada Amnesty International Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), dan Jawatankuasa Khas Mengenai Kematian Dalam Tahanan Negeri Pulau Pinang melalui sesi-sesi pertemuan yang diadakan oleh ahli-ahli Pesuruhjaya dengan wakil-wakil badan terlibat khususnya dalam isu yang melibatkan kematian orang tahanan semasa di lokap polis.

EAIC also held sessions between representatives from Amnesty International Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) and the Special Committee on Custodial Deaths Pulau Pinang with EAIC Commissioners to discuss the issue of deaths of detainees while being held under the police custody.

LAWATAN KE LOKAP DAN DEPOT-DEPOT TAHANAN

Selari dengan fungsi EAIC sebagaimana digariskan di bawah subseksyen 4(1)(h) Akta 700, EAIC juga turut membuat lawatan ke lokap-lokap agensi pengutkuasaan dan Depot Tahanan Imigresen di Machap Umboo (Melaka), Semenyih (Selangor) dan Langkap (Perak). Susulan itu, EAIC juga mengemukakan syor-syor penambahbaikan kepada pengurusan lokap dan depot-depot tahanan untuk tujuan diambil tindakan oleh agensi-agensi dan Kementerian terlibat.

VISITS TO LOCKUPS AND DETENTION DEPOTS

In line with EAIC's functions as listed under subsection 4(1)(h) Act 700, EAIC visited enforcement agencies' lockups and the immigration detention depots at Machap Umboo (Melaka), Semenyih (Selangor) and Langkap (Perak). Following the visits, EAIC shared a few recommendations with the lockup and detention depot managements for further action by their agencies and Ministries.

PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN

EAIC terus mempertingkatkan usaha membenteras salah guna kuasa dan menanamkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa. Sepanjang 2015 ini, pegawai-pegawai EAIC juga memenuhi jemputan agensi-agensi penguatkuasaan bagi memberikan taklimat berkaitan budaya integriti bagi ditanamkan di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Pendekatan bersemuka melalui seminar, bengkel, sesi dialog, pameran dan perhubungan masyarakat terus dilaksanakan. Kaedah lain yang digunakan secara meluas ialah dengan mempertingkatkan usaha mempromosikan peranan EAIC melalui media elektronik, cetak dan sosial. Bermula pada 12 November 2015 hingga Januari 2016, iklan awam berkaitan fungsi EAIC disiarkan melalui TV1 dan TV2 dalam usaha meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai terhadap kewujudan dan peranan EAIC.

EDUCATION AND PREVENTION

EAIC continues in its efforts to eradicate abuse of power and to instil integrity amongst enforcement officers. In 2015, EAIC officers were invited to enforcements agencies to give talks about the integrity culture that needs to be sown in all enforcement officers and the agencies themselves. The face-to-face approach in seminars, workshops, dialogue sessions, exhibitions and public interactions continued throughout the year. Another popular approach was promoting the roles of EAIC through the electronic, print and social media. Beginning 12 November 2015 till January 2016, a public advertisement on the roles and functions of EAIC was broadcast on TV1 and TV2 as part of its efforts to raise public awareness on its existence and roles.

Selain itu, laman sesawang EAIC juga telah memperlihatkan peningkatan lebih daripada 300% jumlah pengunjung *(visitors)* dari 27,000 yang direkodkan pada 1 November 2014 kepada lebih

Visitors to the EAIC website has increased by more than 300%; from 27,000 as recorded on 1 November 2014 to more than 120,000 visitors at the end of 2015. The drastic increase within one year was

daripada 120,000 pengunjung pada akhir tahun 2015. Peningkatan drastik jumlah pengunjung tersebut walau dalam tempoh setahun adalah tanda aras yang jelas dalam memperlihatkan keberkesanan kempen-kempen awam EAIC dan minat orang ramai untuk mengetahui tentang EAIC. Tidak mahu ketinggalan dari aspek penggunaan laman sosial, EAIC juga aktif menggunakan laman-laman sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* dengan mengemaskini program-program yang diadakan oleh EAIC selain sentiasa peka dengan isu-isu dan liputan media berhubung salah laku yang melibatkan agensi dan pegawai penguatkuasa. Laman-laman sosial EAIC juga dilakukan penambahbaikan bagi menarik minat pengunjung untuk berinteraktif dan memberikan maklumat-maklumat yang berfaedah. Dengan kaedah ini, EAIC mengharapkan agar peranan dan fungsi EAIC bukan sahaja memberi kesan positif kepada agensi dan pegawai penguatkuasa tetapi juga kepada masyarakat secara amnya.

a clear indication of the effectiveness of EAIC's public campaigns as it successfully stirred public interest into wanting to know more about EAIC. Not wanting to be left out from social networking, EAIC is also now on Facebook and Twitter, continuously updating its programmes while being uptodate with the current hype and issues and media coverage on any misconduct that involves enforcement agencies or their officers. EAIC's website was also updated, being more interactive and providing useful relevent information, to atract more visitors. Ultimately, EAIC hopes to leave a positive impact, not just on the enforcement agencies or its officers, but also to the general public.

PERANCANGAN /STRATEGI 2016

Pengumuman oleh YAB Perdana Menteri di Parlimen semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) untuk menjadikan EAIC (disamping SPRM) sebagai salah satu badan yang akan diperkukuhkan bagi mempertingkatkan dan menjadi badan pengawasan integriti di kalangan anggota penguat kuasa merupakan pengiktirafan dan aspirasi Kerajaan terhadap fungsi dan peranan EAIC. Susulan itu, EAIC pada tahun 2016 telah merancang pelbagai aktiviti ke arah usaha tersebut bagi tujuan pemantapan pelaksanaan fungsi EAIC selaras dengan peranan dan tanggungjawab yang dipikul di bawah Akta 700. Selari dengan hasrat tersebut juga, EAIC telah menjalankan penstrukturan semula Bahagian Operasi EAIC yang berperanan utama dalam menerima aduan dan menyiasat aduan terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Selaras dengan hasrat tersebut juga, EAIC telah selesai menggubal undang-undang bagi pindaan ke atas Akta 700 yang pastinya akan berupaya meningkatkan lagi keberkesanan fungsi dan peranan EAIC.

2016 PLANS / STRATEGIES

The YAB Prime Minister's announcement in the Parliament during his presentation of the 11th Malaysia Plan (RMK 11), to reinforce EAIC (along with SPRM) and make it an integrity supervisory body to monitor integrity in enforcement agencies was an acknowledgement which underlined the federal government's aspirations towards EAIC's functions and roles. As such, for 2016, EAIC has planned various activities to further strengthen the implementation of its roles in line with its responsibilities as provided under Act 700. EAIC has also restructured its Operations Division which functions mainly to receive and investigate complaints against enforcement officers and agencies. Furthermore, EAIC has finalised the amendments of Act 700 which would increase the effectiveness of its functions and roles.

EAIC beriltizam untuk meningkatkan lagi kualiti program-program kesedaran yang dilaksanakan di kalangan pegawai dan agensi-agensi penguatkuasaan serta masyarakat. Perkongsian maklumat mengenai saluran dan prosedur aduan serta kempen mengenai fungsi dan bidang kuasa EAIC turut akan dijalankan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap

EAIC aims to increase the quality of its public awareness programmes which are held for enforcement officers and agencies as well as the public. Sharing information regarding complaint channels and procedures as well as running campaigns on EAIC functions and roles will be done continuously to increase public awareness of EAIC's services as well as integrity issues while

khidmat dan peranan EAIC serta isu-isu integriti, di samping meningkatkan kredibiliti EAIC.

simultaneously enhancing EAIC's credibility.

EAIC telah merancang lebih banyak kolaborasi aktiviti dan program pengukuhan integriti bersama agensi-agensi penguatkuasaan serta kesatuan-kesatuan sekerja agensi penguatkuasaan bagi mendapatkan penglibatan dan komitmen berterusan daripada pengurusan atasan dan pegawai penguat kuasa serta memperluaskan sesi *engagement* bersama Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) termasuk persatuan-persatuan pengguna. Justeru, program Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan Seliaan mengikut Zon khususnya bagi Zon Utara, Zon Tengah, negeri Sabah dan Sarawak serta *engagement* bersama NGOs akan terus diadakan pada tahun 2016.

EAIC has planned many more collaborative activities and integrity enhancement programmes with enforcement agencies and associations to secure long-term involvement and commitment from the upper management and enforcement officers while expanding engagement sessions with NGOs including consumer associations. As such, the Dialogues with Enforcement Agencies under EAIC supervision programme, especially in the Northen Zone, Middle Zone, Sabah and Sarawak as well as engagements wih NGOs will continue in 2016.

EAIC mengharapkan supaya semua pihak termasuk agensi-agensi penguatkuasaan serta masyarakat secara amnya dapat memberi kerjasama dan sokongan kepada EAIC ke arah menjayakan hasrat tersebut.
EAIC hopes that all parties including enforcement agencies and the general public will continue to support it in its journey towards fulfiling its aspirations.

Pada tahun 2016, suatu kajian berhubung impak dan keberkesanan EAIC akan dimulakan oleh pakar perunding yang dilantik. Pelaksanaan kajian ini adalah bagi menyediakan suatu landskap hala tuju jangka pendek dan jangka panjang EAIC dalam merangka pelan perancangan strategik antaranya dengan mengambil kira input pandangan orang ramai serta amalan terbaik (best practices) agensi-agensi yang menjalankan fungsi yang hampir serupa di peringkat nasional dan antarabangsa.

In 2016, a study on the impact and effectiveness of EAIC will be conducted by appointed Consultants. The study aims to pave both short term and long term strategic plans for EAIC while considering public feedback and best practices of similar at both national and international levels.

HARAPAN DAN ASPIRASI

HOPES AND ASPIRATIONS

Kejayaan dan pencapaian EAIC sepanjang tahun 2015 merupakan manifestasi komitmen tinggi yang diberikan dalam usaha mendukung misi dan visi EAIC agar penyampaian perkhidmatan yang sedia ada berada pada tahap yang lebih cemerlang serta boleh dibanggakan. Sehubungan itu, EAIC beriltizam untuk terus menerajui penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan di Malaysia yang berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

EAIC's success and achievements throughout 2015 was the manifestation of its deep commitment in its efforts to realize its vision and mission in order to render its services on an even more commendable level. As such, EAIC aims to continue to lead in the enforcement, transformation, integrity embodiment amongst enforcement agencies in Malaysia based on professionalism and best practices.

EAIC mengharapkan supaya semua pihak termasuk agensi-agensi penguatkuasaan serta masyarakat secara amnya dapat memberi kerjasama dan sokongan kepada EAIC ke arah menjayakan hasrat tersebut.

EAIC hopes that all parties including enforcement agencies and public as a whole will continue to support it in its journey towards fulfiling its aspirations.

PESURUHJAYA

THE COMMISSIONERS



1. YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam
   (Pengerusi | *Chairman*)
2. YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan
   (Timbalan Pengerusi | *Deputy Chairman*)
3. YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan
   (Pesuruhjaya | *Commissioner*)
4. YBrs. Encik Lee Sow Siong
   (Pesuruhjaya | *Commissioner*)
5. YBrs. Dr. Anis Yusal bin Yusoff
   (Pesuruhjaya | *Commissioner*)
6. YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu
   (Pesuruhjaya | *Commissioner*)
7. YBrs. Puan Leong May Chan
   (Pesuruhjaya | *Commissioner*)

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

PENERANGAN LOGO EXPLANATION OF THE LOGO

SURUHANJAYA
INTEGRITI
AGENSI PENGUATKUASAAN

	3 bentuk yang diolah dari kuku harimau yang menunjukkan keberanian melindungi kepentingan orang ramai. 3 bentuk yang bertindih tersebut menunjukkan semangat dalam memupuk integriti dan saling membantu antara EAIC, orang ramai, dan agensi- agensi penguatkuasaan;	*The tiger claw figuration in the logo symbolises the Commission's intrepidity in protecting public interest. These shapes which intersect with each other reflect the co-operation amongst the Commission, the public at large and the enforcement agencies in inculcating integrity;*
	3 warna iaitu merah, emas dan hitam adalah simbolik kepada EAIC ini;	*The 3 colours which are red, gold and black symbolize the Commission;*
	Warna merah melambangkan ketegasan EAIC dalam memperkasakan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan;	*Red reflects the assertiveness and firmness of the Commission in forging integrity amongst the enforcement agencies;*
	Warna emas melambangkan EAIC memandang berat dan menganggap penting setiap fungsi yang diamanahkan kepada EAIC melibatkan integriti; dan	*Gold reflects the Commission's seriousness in executing its functions;*
	Warna hitam melambangkan keberanian EAIC dalam bertindak tanpa rasa takut dan bimbang; dan	*Black reflects the Commission's boldness in acting dutifully without fear or favour; and*
	3 bucu tepat bertembung menunjukkan EAIC yang mengamalkan ketegasan, ketelusan, dan efisien dalam melaksanakan tugas.	*The edge of the tiger claws that meet each other reflects the Commission's assertiveness, transparency and efficiency in carrying out its duties.*



Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

Pioneer in enforcing, transforming and inculcating integrity amongst the Malaysian Enforcement Agencies based on professionalism and best practices.

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti di kalangan agensi penguatkuasaan melalui pengendalian aduan secara telus, berani, bertanggungjawab dan profesional.

Strengthening the service delivery system with integrity amongst the Malaysian Enforcement Agencies through the anagement of complaints and investigations in a transparent, bold, dutiful and professional manner.

(a) Menerima, menyiasat dan memutuskan semua aduan yang diterima secara adil, saksama dan telus berdasarkan kuasa yang diberikan oleh undang-undang dalam tempoh masa 6 hingga 12 bulan dari tarikh aduan diterima.

(a) To receive, investigate, and decide all complaints in a fair, equitable and transparent manner based on the power conferred by law within six to twelve months from the date of the complaint receipt;

(b) Menyemak, mengaudit dan melengkapkan cadangan penambahbaikan terhadap sistem atau tatacara kerja dalam tempoh 90 hari bekerja dari tarikh dokumen dan maklumat diterima.

(b) To review, audit, and provide recommendations for improvements to the system and work procedure within 90 working days from the date of document and information received; and

(c) Memaklumkan kepada pengadu keputusan muktamad Suruhanjaya ke atas aduan yang diputuskan dalam masa 3 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Suruhanjaya.

(c) To ensure that the findings by the Commission be presented to the complainant within 3 days of the Commission Meeting.

Telus, Tegas dan Efisien

Assertive, Transparent, Efficient

OBJEKTIF OBJECTIVES

(a) Menerima, mengurus dan menyiasat setiap aduan berhubung salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dengan cekap, adil, telus dan berkesan;

(b) Mencapai kecemerlangan operasi penyampaian perkhidmatan melalui inovasi, teknologi dan saluran yang efisien;

(c) Memfokuskan pengurangan kes- kes salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dari semasa ke semasa;

(d) Menggalakkan kesedaran dan melaksanakan penambahbaikan melalui program-program pendidikan dan tindakan-tindakan pencegahan;

(e) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan mengesyorkan langkah-langkah pentadbiran kepada kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan;

(f) Menyemai amalan tadbir urus yang baik di dalam agensi penguatkuasaan melalui pendidikan berterusan; dan

(g) Membangun dan memelihara imej yang cemerlang.

(a) To receive, manage, and investigate every complaint of misconduct in enforcement agencies and their officers in an efficient, fair, transparent, and effective manner;

(b) To achieve operational excellence in service delivery through innovation, technology and efficient channels;

(c) To focus on the reduction of misconduct cases among enforcement officers and law enforcement agencies;

(d) To promote awareness and the implemention of improvements through educational programmes and prevention methods;

(e) To assist the Government in formulating legislation and to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency;

(f) To inculcate good governance practices in law enforcement agencies through continuous education; and

(g) To establish and maintain an excellent image.

FUNGSI FUNCTIONS

Fungsi EAIC yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah:

(a) Menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;

(b) Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;

(c) Melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;

(d) Mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;

(e) Menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;

(f) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;

(g) Mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan

(h) Membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

The functions of the Commission as provided under Section 4 (1) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700] are:

(a) To receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;

(b) To formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;

(c) To protect the interest of the public by preventing and dealing with misconduct of enforcement officers;

(d) To provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the operations and procedures of an enforcement agency;

(e) To promote awareness of, enhancement of, and education in relation to, integrity within an enforcement agency and to reduce misconduct amongst enforcement officers;

(f) To assist the Government in formulating legislation, or to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency, in the promotion of integrity and the abolishment of misconduct amongst enforcement officers;

(g) To study and verify any infringement of enforcement procedures and to make any necessary recommendations relating thereto; and

(h) To make site visits to the premises of an enforcement agency, including visiting police stations and lockups in accordance with the procedures under any written law, and make any necessary recommendations relating thereto.

STRUKTUR ORGANISASI ORGANIZATIONAL STRUCTURE



PENGURUSAN EKSEKUTIF
EXECUTIVE MANAGEMENT

SETIAUSAHA/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pelantikan Setiausaha kepada EAIC adalah dibuat oleh Suruhanjaya ini menurut Seksyen 13 (2) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Di bawah Seksyen 13 (2) Akta 700 tersebut, Setiausaha EAIC adalah juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya. Dalam perkara ini, mesyuarat ahli- ahli Pesuruhjaya Suruhanjaya ini pada 6 November 2014 telah mempersetujukan pelantikan En Kamal Baharin bin Omar, pegawai kanan yang dipinjamkan daripada Jabatan Peguam Negara sebagai Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif EAIC bagi tempoh lantikan selama 2 tahun. Selaku Setiausaha/ Ketua Pegawai Eksekutif, beliau bertanggungjawab dalam memastikan kelancaran Mesyuarat Suruhanjaya dan tindakan sewajarnya diambil berdasarkan keputusan mesyuarat. Selain itu, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif juga berperanan menguruskan segala hal pentadbiran dan kewangan termasuk hal berkaitan pegawai dan kakitangan EAIC.

SECRETARY/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

EAIC's Secretary is appointed by the Commission according to Section 13(2), Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 (Act 700). Under Section 13(2) of the Act, EAIC's Secretary is also the Chief Executive Officer of the Commission. On that note, the Commissioner's Meeting on 6 November 2014 had agreed upon the appointment of En Kamal Baharin bin Omar, a senior officer on secondment from Attorney General's Chambers, as Secretary and EAIC Chief Executive Officer for a term of 2 years. As Secretary/Chief Executive Officer, he is responsible for the Commission Meetings and to ensure that the appropriate actions are taken according to decisions of the Meetings. In addition, the Secretary/Chief Executive Officer also manages administrative and financial issues which include matters involving EAIC officers and staff.

Dari kiri: Puan Norhaizan binti Abdul Rashid (Pengarah Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi),Puan Nasreena binti Hailani (Ketua Unit Pentadbiran), Cik Noor Furzanne binti Alias (Juruaudit Dalam), Puan Zulezah binti Baharoldin (Ketua Unit Siasatan Lain-lain Agensi), Puan Hafizah binti Hassan (Akauntan), Encik Mohd Shukor bin Yong (Ketua Unit Aduan PDRM), Encik Ahmad Razif bin Mohd Sidek (Pengarah Bahagian Operasi), Encik Kamal Baharin bin Omar (Setiausaha/ Ketua Pegawai Eksekutif), Puan Nazatul Shyma binti Hasaan (Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia), Puan Jamilah binti Hanafi (Timbalan Pengarah Operasi, Sekysen Siasatan), Puan Eda Mazuin binti Abdul Rahman (Penasihat Undang-undang), Puan Wahayu binti Abddul Wahab (Pengarah Seksyen Komunikasi Korporat), Cik Noor Farahani binti Norizan (Pegawai Khas Pengerusi), Puan Noormazlinah binti Abdul Mutalib (Ketua Unit Aduan Lain-lain Agensi) dan Puan Shukriah Hamidah binti Mohamad (Timbalan Pengarah Operasi, Seksyen Aduan)

BAHAGIAN DIVISIONS

Akta 700 memberi kuasa kepada EAIC untuk menubuhkan beberapa Bahagian bagi tujuan membantu perlaksanaan fungsi-fungsi yang telah diperuntukkan oleh Seksyen 4 Akta 700.

Bahagian-bahagian yang telah ditubuhkan ialah :

(a) Bahagian Operasi;
(b) Bahagian Undang-Undang dan Komunikasi Korporat;
(c) Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi;
(d) Bahagian Khidmat Pengurusan; dan
(e) Bahagian Keselamatan dan Urus Setia.

Act 700 authorizes EAIC to form several Divisions in order to facilitate the execution of its functions as provided by Section 4 Act 700.

The Divisions are as follows:

(a) *Operations Division;*
(b) *Legal and Corporate Communication Division;*
(c) *Policy, Research and Innovation Divsion;*
(d) *Management Division; and*
(e) *Security and Secretariate Division.*

OPERASI

OPERATIONS

ADUAN

PROSES ADUAN

Penerimaan Aduan

EAIC merupakan badan bebas yang berfungsi sebagai badan yang menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta 700.

Proses pengendalian aduan

Setiap aduan yang diterima akan melalui proses siasatan awal oleh Seksyen Aduan bagi memastikan kesahan aduan. Setelah siasatan awal selesai, Kertas Pertimbangan yang mengandungi hasil siasatan dan syor tindakan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan. Sekiranya hasil dapatan siasatan awal dan syor dalam Kertas Pertimbangan dipersetujui, Kertas Pertimbangan tersebut akan dibawa kepada Mesyuarat Suruhanjaya untuk pertimbangan dan keputusan Pesuruhjaya. Antara keputusan yang boleh diputuskan dalam Mesyuarat Suruhanjaya adalah:

(i) aduan dirujuk kepada PBT yang berkenaan;
(ii) aduan dirujuk kepada SPRM;
(iii) aduan dirujuk kepada PBT dan SPRM;
(iv) aduan disiasat penuh; dan
(v) aduan ditolak.

Sekiranya aduan diputuskan untuk disiasat sepenuhnya, Seksyen Siasatan akan menyiasat aduan tersebut. Hasil dapatan siasatan seterusnya akan dibentangkan semula di Mesyuarat Suruhanjaya untuk pertimbangan dan keputusan Pesuruhjaya. Setelah mempertimbangkan aduan, Mesyuarat akan membuat salah satu daripada keputusan di bawah:

(i) salah laku tidak dapat disahkan;
(ii) salah laku merupakan kesalahan tatatertib dan dirujuk kepada PBT; dan
(iii) salah laku merupakan kesalahan jenayah dan dirujuk kepada Pendakwa Raya.

COMPLAINT

COMPLAINT PROCESS

Receiving Complaints

EAIC is an independent body that functions as a body that receives complaints regarding misconduct from the public at large against any enforcement officer or enforcement agency as stated under Section 4, Act 700.

The process of managing complaints

All received complaints will go through a process of preliminary investigation conducted by the Complaints Division to ensure the validity of the complaint. After the initial investigation is concluded, a Paper containing the outcome of the complaint as well as recommendations will be presented first at the Complaint Committee Meeting. If the findings from the preliminary investigation and recommendations from the Paper are approved, the Paper will then be brought to the Commission's Meeting for the Commissioners' deliberation and decision. Amongst the decisions that can be made at the Commission Meetings are as follows:

(i) complaints to be referred to a relevant PBT;
(ii) complaints to be referred to the SPRM;
(iii) complaints to be referred to PBT and SPRM;
(iv) complaints to be fully investigated; and
(v) complaints to be rejected/declined.

If it is decided that a complaint has to be fully investigated, the Investigation Division will conduct an investigation into the complaint. The findings of the investigation will subsequently be presented at the Commission's Meeting for the Commissioners' deliberation and the decision. After the deliberation of a complaint, the Commission will then make one of the following decisions:

(i) the misconductis unable to be verified;
(ii) the misconduct is of disciplinary in nature and will be referred to the relevant PBT; and
(iii) the misconduct is of criminal in nature and will be referred to the Public Prosecutor.

Carta di bawah menerangkan secara ringkas pengendalian aduan.

The chart below describes briefly the process of managing complaints.



STATISTIK

STATISTICS

Graf 1: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Sumber Aduan Bagi Tahun 2015
Graph 1: The Breakdown of Registered Complaints According to the Source of Complaints for the year 2015



Berdasarkan kepada jadual di atas, terdapat beberapa saluran yang disediakan untuk orang awam membuat aduan kepada EAIC berhubung salah laku pegawai penguat kuasa di bawah seliaan EAIC.

Sumber aduan terbanyak diterima adalah melalui surat rasmi diikuti dengan kehadiran pengadu ke pejabat EAIC dan e-mel. Walau bagaimanapun, atas dasar keterbukaan EAIC dalam menerima aduan, EAIC turut mengambil kira aduan-aduan orang awam melalui *Facebook*, surat layang dan media massa. Selain itu juga, aduan turut diterima melalui rujukan oleh agensi Kerajaan yang lain kepada EAIC.

Based on the above table, there are a number of channels for the public to lodge their complaints to EAIC on matters involving the misconduct of an enforcement officer/agency under the purview of EAIC.

The highest number of complaints received was via formal correspondences followed by the complainants who came in person to EAIC's office and through e-mails. However, in line with its open policy in receiving complaints, EAIC also receives complaints made by the public via Facebook, anonymous letters and the mass media. Apart from these, there were also complaints which were received through referrals from other government agencies to EAIC.

Graf 2: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Bulan Bagi Tahun 2015

Table 2: The Breakdown of Registered Complaints according to Month in the Year 2015



Graf 3: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2015

Graph 3: The Breakdown of Registered Complaints According to States for the Year 2015



Berdasarkan jadual di atas, Selangor dan Kuala Lumpur masih mencatatkan bilangan aduan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Faktor-faktor utama yang mempengaruhi rekod aduan berkenaan adalah jarak pengadu dengan kedudukan pejabat EAIC dan peratusan/ kepadatan jumlah penduduk berbanding negeri-negeri lain.

Based on the table above, Selangor and Kuala Lumpur recorded the highest number of complaints compared to other states. Two main contributing factors were the distance between the complainant and EAIC's office in the two regions and the percentage/density of the population compared to other states.

Jadual 1: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Agensi Bagi Tahun 2015

Table 1: The Breakdown of Registered Complaints According to Agencies in the Year 2015

Agensi ***Agency***	**Jumlah Aduan** ***The Total Number Of Complaints***
Polis Diraja Malaysia *Royal Malaysian Police*	**219**
Jabatan Imigresen Malaysia *Immigration Department Of Malaysia*	**17**
Jabatan Pengangkutan Jalan *Road Transport Department*	**9**
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan *Ministry Of Domestic Trade, Co-Operatives And Consumerism*	**10**
Kastam Diraja Malaysia *Royal Customs Department Of Malaysia*	**3**
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Penguatkuasaan) *Ministry Of Housing And Local Government (Enforcement)*	**1**
Jabatan Pendaftaran Negara *National Registration Department*	**5**
Kementerian Kesihatan Malaysia (Penguatkuasaan) *Ministry Of Health (Enforcement)*	**1**
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia *Malaysian Maritime Enforcement Agency*	**2**
Jabatan Tenaga Kerja *Labour Department*	**2**
Jabatan Alam Sekitar *Department Of Environment*	**1**
Ikatan Relawan Rakyat Malaysia *Ikatan Relawan Rakyat Malaysia*	**5**
Agensi Antidadah Kebangsaan *National Anti-Drugs Agency*	**2**
Jabatan Perhubungan Perusahaan *Industrial Relations Department*	**4**
Jabatan Perikanan *Fisheries Department*	**0**
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja *Department Of Occupational Safety And Health*	**2**
Kementerian Pelancongan Malaysia (Penguatkuasaan) *Ministry Of Tourism Malaysia (Enforcement)*	**0**
Jabatan Penerbangan Awam *Civil Aviation Department*	**1**
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara *Department Of Wildlife And National Parks*	**1**
Agensi Di Luar Bidang Kuasa *Agencies Outside The Jurisdiction Of EAIC*	**41**
JUMLAH ***TOTAL***	**326**

* *Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat aduan melibatkan lebih daripada satu agensi yang diadu.*

* *The total number shown here differs from the number of registered complaints as some of the complaints involved more than a single agency.*

Jadual 2: Pecahan Aduan Mengikut Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya 2015 Selepas Siasatan Awal
Table 2: The Breakdown of Complaints According to the Decisions of the 2015 Commission's Meetings after preliminary investigations

Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya ***Commision Meeting Decision***	**Jumlah Aduan** ***Total number of complaints***
Ditolak *Rejected*	**264**
Dirujuk Kepada SPRM *Referred to MACC*	**3**
Dirujuk Kepada PBT *Referred to PBT*	**19**
Dirujuk Kepada PBT dan SPRM *Referred to PBT and MACC*	**5**
Siasatan Penuh *Full Investigation to be Carried Out*	**90**
Dalam Tindakan Siasatan Awal *Currenctly in Preliminary Investigation Stage*	**145**
JUMLAH* ***TOTAL ** **	**526**

* *Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan (mengikut agensi) kerana terdapat 200 aduan belum selesai yang dibawa daripada tahun sebelumnya.*
* *The total number differs from the number of registered complaints (according agencies) as there were 200 unresolved complaints that had been brought from year before.*

Setakat 31 Disember 2015, sebanyak 145 aduan masih belum dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya memandangkan aduan-aduan tersebut masih lagi dalam peringkat siasatan awal di bawah Seksyen 25 Akta 700.

Up to 31 December 2015, a total number of 145 complaints have yet to be brought into the Commission's Meeting as the complaints were still in the preliminary investigation stage under Section 25 Act 700.

Jadual 3: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Bulan Bermula Tahun 2011-2015
Table 3: The Breakdown of Registered Complaints according to Month from 2011-2015

BULAN *MONTH*	TAHUN *YEAR*					JUMLAH *TOTAL*
	2011	2012	2013	2014	2015	
JANUARI *JANUARY*	0	13	36	25	26	100
FEBRUARI *FEBRUARY*	0	11	23	26	20	80
MAC *MARCH*	0	45	14	23	20	102
APRIL *APRIL*	0	31	26	37	23	117
MEI *MAY*	0	44	24	42	24	134
JUN *JUNE*	0	27	32	27	17	103
JULAI *JULY*	0	25	44	21	12	102
OGOS *AUGUST*	0	19	16	19	40	94
SEPTEMBER *SEPTEMBER*	4	23	25	21	32	105
OKTOBER *OCTOBER*	3	34	27	20	31	115
NOVEMBER *NOVEMBER*	4	25	14	29	38	110
DISEMBER *DECEMBER*	7	32	20	19	24	102
JUMLAH *TOTAL*	18	329	301	309	307	1264

Aduan tertinggi yang diterima oleh EAIC pada tahun 2015 masih lagi melibatkan aduan terhadap PDRM diikuti dengan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dapat dilihat jumlah aduan yang direkodkan adalah berkait rapat dengan bidang kuasa agensi serta penglibatan pegawai dan anggota penguatkuasa dengan orang ramai.

The highest number of complaints received by EAIC in 2015 mainly involved complaints against the PDRM, followed by the Malaysian Department of Immigration, the Road Transport Departmentand the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism. It could also be surmised that the number of complaints recorded was closely related to the jurisdiction of the agency as well as the level of interaction between the enforcement officers and members of the public.

Pada tahun ini, EAIC telah menerima sejumlah 41 aduan terhadap agensi-agensi di luar bidang kuasa Akta 700. Walau bagaimanapun, aduan tersebut telah disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan susulan.

This year, EAIC received a total of 41 complaints against agencies outside the jurisdiction of Act 700. However, the complaints have been handed over to the relevant agencies for further action.

Berdasarkan jadual di atas, Selangor dan Kuala Lumpur mencatatkan bilangan aduan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Faktor utama yang mempengaruhi rekod aduan berkenaan adalah jarak pengadu dengan kedudukan pejabat EAIC dan peratusan/ kepadatan jumlah penduduk yang tinggi berbanding di negeri-negeri lain.

Based on the table above, Selangor and Kuala Lumpur recorded the highest number of complaints as compared to other states. Two main contributing factors were the distance between the complainant and the EAIC office in these two regions and the percentage/density of the population compared to other states.

Jadual 4: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Agensi Tahun 2011-2015

Table 4: Breakdown Of Complaints According To Enforcement Agency For The Year 2011-2015

AGENSI *AGENCY*	TAHUN *YEAR*					JUMLAH *TOTAL*
	2011	2012	2013	2014	2015	
Polis Diraja Malaysia *Royal Malaysian Police*	17	253	215	222	219	926
Jabatan Imigresen Malaysia *Immigration Department Of Malaysia*	0	17	15	16	17	65
Jabatan Pengangkutan Jalan *Road Transport Department*	0	12	10	11	9	42
Kastam Diraja Malaysia *Royal Customs Department Of Malaysia*	0	7	3	10	3	23
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan *Ministry Of Domestic Trade, Co-Operatives And Consumerism*	0	2	4	4	10	20
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Penguatkuasaan) *Ministry Of Housing And Local Government (Enforcement)*	0	9	2	2	1	14
Jabatan Pendaftaran Negara *National Registration Department*	0	4	1	3	5	13
Kementerian Kesihatan Malaysia (Penguatkuasaan) *Ministry Of Health (Enforcement)*	0	3	3	1	1	8
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia *Malaysian Maritime Enforcement Agency*	0	2	3	0	2	7
Jabatan Tenaga Kerja *Labour Department*	0	0	3	1	2	6
Jabatan Alam Sekitar *Department Of Environment*	0	1	1	2	1	5
Ikatan Relawan Rakyat Malaysia *Ikatan Relawan Rakyat Malaysia*	0	1	0	1	5	7
Agensi Antidadah Kebangsaan *National Anti-Drugs Agency*	0	1	1	1	2	5
Jabatan Perhubungan Perusahaan *Industrial Relations Department*	0	0	1	2	4	7
Jabatan Perikanan *Fisheries Department*	0	0	1	1	0	2
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja *Department Of Occupational Safety And Health*	0	1	0	0	2	3
Kementerian Pelancongan Malaysia (Penguatkuasaan) *Ministry Of Tourism Malaysia (Enforcement)*	0	0	1	0	0	1
Jabatan Penerbangan Awam *Civil Aviation Department*	0	0	0	0	1	1
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara *Department Of Wildlife And National Parks*	0	0	0	0	1	1
Agensi Di Luar Bidang Kuasa *Agencies Outside The Jurisdiction Of EAIC*	1	44	42	35	41	163
*** JUMLAH *TOTAL***	18	357	306	312	326	1319

**Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat aduan melibatkan lebih daripada satu agensi yang diadu*

**The total number differs from the number of registered complaints as complaints may involve more than a single agency.*

Jadual 5: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2011-2015

Table 5: The Breakdown of Registered Complaints According to State for Year 2011-2015

NEGERI *STATE*	TAHUN *YEAR*					JUMLAH *TOTAL*
	2011	2012	2013	2014	2015	
SELANGOR	2	82	88	68	67	307
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR *FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR*	10	92	63	72	74	311
PERAK	1	17	18	31	22	89
JOHOR	0	20	26	21	19	86
KEDAH	0	18	17	24	20	79
PULAU PINANG	3	21	17	19	14	74
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA *FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA*	0	15	21	13	16	65
NEGERI SEMBILAN	0	21	14	14	14	63
KELANTAN	0	4	10	11	11	36
PAHANG	0	11	9	6	13	39
SABAH	0	7	4	10	118	139
MELAKA	0	12	5	6	9	32
SARAWAK	2	6	5	4	6	23
TERENGGANU	0	0	4	5	5	14
PERLIS	0	2	1	5	3	11
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN *FEDERAL TERRITORY OF LABUAN*	0	1	0	0	0	1
JUMLAH *TOTAL*	18	329	302	309	411	1369

* *Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah yang didaftarkan kerana terdapat aduan melibatkan lebih daripada satu negeri yang diadukan.*

* *The total number may differ from the number of registered complaints as some complaints involved more than one state.*

Jadual 6: Keputusan Keseluruhan Yang Dibuat Oleh Mesyuarat Suruhanjaya Pada Tahun 2011-201

Table 6: Overall Decisions Made At Commission's Meetings in 2011-2015

KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA *COMMISSION MEETING DECISION*	JUMLAH ADUAN *THE TOTAL NUMBER OF COMPLAINTS*
DITOLAK *REJECTED*	264
DIRUJUK KEPADA SPRM *REFERRED TO MACC*	3
DIRUJUK KEPADA PBT *REFERRED TO PBT*	19
DIRUJUK KEPADA PBT DAN SPRM *REFERRED TO PBT AND MACC*	5
SIASATAN PENUH MENGIKUT AGENSI *FULL INVESTIGATION ACCORDING THE AGENCY*	90

SIASATAN

PROSES SIASATAN

Selari dengan fungsi EAIC sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 4 (1) (a) iaitu untuk menerima dan menyiasat aduan, Seksyen Siasatan EAIC menggalas tanggungjawab untuk menjalankan siasatan penuh apabila Mesyuarat Suruhanjaya memutuskan bahawa sesuatu aduan tersebut mempunyai asas sepertimana diperuntukkan di bawah subsekyen 27 (4) Akta 700. EAIC juga turut menjalankan siasatan penuh bagi kes-kes berkepentingan awam atas inisiatif EAIC sendiri setelah diputuskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya mengikut Seksyen 28 Akta 700. Selanjutnya, dapatan siasatan serta cadangan/syor akan dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya bagi tujuan mendapatkan keputusan Suruhanjaya berkenaan siasatan yang telah dijalankan. Keputusan dan dapatan siasatan seterusnya akan dimaklumkan kepada pengadu.

Dari segi siasatan, keterangan boleh diperolehi sama ada melalui rakaman percakapan dan dokumen sokongan atau melalui pendengaran awam. Secara ringkasnya, selepas sesuatu Kertas Siasatan (KS) dibuka, pegawai penyiasat akan mengambil keterangan pengadu dan saksi-saksi pengadu serta mendapatkan dokumen atau bahan bukti bagi menyokong dakwaan pengadu. Dalam keadaan tertentu pegawai penyiasat akan turut melawat tempat kejadian dan mengambil gambar tempat kejadian

INVESTIGATION

INVESTIGATION PROCESS

In line with EAIC's function as provided under subsection 4(1)(a) which is to receive and investigate complaints, EAIC's Investigation Division is responsible for conducting a full investigation once the Commission deems that a complaint is valid by the virtue of subsection 27(4) Act 700. EAIC also conducts full investigations on cases of public interest on its own initiative as decided by the Commission's Meeting in accordance with Section 28 Act 700. Furthermore, the findings of the investigations as well as suggestions / recommendations will be presented at the Commission's Meeting to obtain the approval of the Commission regarding the investigation that had been carried out. The outcome and findings of the investigation will then be communicated to the complainant.

During the investigation, evidence may be obtained either through recordings of statements and supporting documents or through public hearings. In short, after an Investigation Paper (IP) is opened, the investigating officer will record statements from the complainant and material witnesses related to the complaint and also obtain relevant documents or evidence to support the complainant's allegations. In certain situations, EAIC's investigation officers will



serta membuat sitaan apa-apa dokumen berkaitan atau bahan bukti selaras dengan peruntukan Akta 700.

go to the scene where the misconduct had taken place, take pictures of the scene and when needed, confiscate any relevant documents or evidences in

STATISTIK *STATISTICS*

Graf 4: Pecahan Jumlah Siasatan Penuh Tahun 2015 Mengikut Bulan

Graph 4: The Breakdown of the Number of Full Investigations in Year 2015 According to Month



Graf 5: Pecahan Jumlah Siasatan Penuh Tahun 2015 Mengikut Negeri

Graph 5: The Breakdown of the Number of Full Investigations in Year 2015 According to State



**KS:62/8/2015 mempunyai 1 Agensi (PDRM) tetapi melibatkan 2 Negeri berbeza iaitu W.P.Putrajaya dan Selangor*
**KS:62/8/2015 has 1 Agency (PDRM) but involves 2 different states: Putrajaya and Selangor*

Graf 6: Pecahan Jumlah Siasatan Penuh Tahun 2015 Mengikut Agensi

Graph 6: The Breakdown of the Number of Full Investigations in Year 2015 According to Agency



*** 1 kertas siasatan tahun 2015 melibatkan aduan terhadap 2 agensi berlainan.*
** Sebanyak 1 Kertas Siasatan tahun 2015 mempunyai 1 Agensi tetapi melibatkan 2 negeri berlainan.*
*** 1 investigation paper in 2015 involves complaints towards 2 different agencies.*
** 1 investigation paper in 2015 has 1 agency but involves 2 different states.*

Jadual 7: Pecahan Jumlah Siasatan Penuh Tahun 2015 Mengikut Status KS

Table 7: The Breakdown of the Number of Full Investigations in Year 2015 According to IP Status

Tahun *Year* / Tindakan Siasatan *Investigation Decision*	Jumlah Siasatan *The Total Number Of Investigation*	Bilangan Siasatan Yang Dibawa Dari Tahun Sebelumnya *The Total Number Of Investigation Brought Forward From Previous Years*	Jumlah Siasatan Terkumpul The Total Number Of Accumulated Investigation
2012	60	2	58
2013	75	3	61
2014	65	93	14
2015	95	98	1
Jumlah Kertas Siasatan Dibuka Dari Tahun 2012 Hingga 2015 *The Total Number Of Investigation From 2012 Until 2015*	267	133	134

Jadual 8: Pecahan Status Kertas Siasatan 2015

Table 8: Breakdown Of Investigation Paper Status 2015

Status Kertas Siasatan 2015 *2015 Investigation Paper Status*	Jumlah *Total*
Kertas Siasatan Yang Telah Di Bawa Ke Mesyuarat Suruhanjaya (2012-2015) *Investigation Papers That Were Brought To The Commission Meeting (2012-2015)*	196
Kertas Siasatan Yang Masih Dalam Tindakan Pegawai (2012-2015) *Investigation Papers That Were Still With The Officers (2012-2015)*	99
Jumlah Kertas Siasatan *Total Number Of Investigation Papers*	295

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 196 kertas siasatan telah diselesaikan manakala terdapat 99 kertas siasatan masih dalam tindakan.

Throughout 2015, a total of 196 investigation papers were resolved while the other 99 investigation papers were still in progress.

Jadual 9: Pecahan Jumlah Siasatan Penuh Tahun 2015 Mengikut Keputusan EAIC (Agensi)

Table 9: The Breakdown of the Number of Full Investigations in Year 2015 According to EAIC (Agency) Decision

Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya ***Commission Meeting Decision***	**Jumlah Siasatan Penuh** ***The Total Number Of Full Investigation***
Dirujuk Kepada PBT Di Bawah subseksyen 30(1)*(B)* Akta 700 *To Be Referred To PBT Under subsection 30(1)(B) Act 700*	21
Tindakan Secara Pentadbiran *Administrative Action*	11
Ditutup Di Bawah Seksyen 30(1)*(A)* Akta 700 *Closed Under Section 30(1)(A) Act 700*	62
Ditutup Di Bawah Seksyen 29 Kerana Salahlaku Yang Diadukan Telah Diambil Tindakan Oleh PBT *Closed Under Section 29 Due To The Fact That The Misconduct Had Already Been Taken Action Against By The PBT*	4
Jumlah ***Total Number***	**98**

Jadual 10: Alasan Aduan Ditolak Selepas Siasatan Penuh Bagi Tahun 2015

Table 10: Reasons for Rejection of Complaints after Full Investigation in Year 2015

Siasatan Ditutup Dibawah Akta 700 ***Closed Investigations Under The Act 700***	**Agensi Yang Disiasat** ***Agencies Investigated***	**Jumlah** ***Total***
Aduan Ditarik Balik Oleh Pengadu *Complaints Withdrawn By The Complainant*	PDRM	1
	JIM	1
Salah Laku Tidak Disahkan *Misconduct Not Verified*	PDRM	46
	KASTAM	2
	JPJ	1
	IMIGRESEN	9
	JPN	2
	APMM	4
	PERIKANAN	1
Keputusan Telah Diambil Oleh PBT / Seksyen 29 *Decision Made By The PBT/ Section 29*	PDRM	4
Kes Berlaku Sebelum Kuatkuasa Akta 700 *Cases That Happened Before The Enforcement Of Act 700*	PDRM	0
Jumlah Keseluruhan Siasatan Yang Telah Ditutup *The Total Number Of Closed Investigation*		**71**

Jadual 11: Perbandingan Pencapaian Mengikut Tahun

Table 11: Comparision Achievement According To Year

Tahun *Year*	Bilangan Kertas Siasatan Yang Dibuka *The Number Of Open Investigation Papers*	Bilangan Kertas Siasatan Yang Dibawa Dari Tahun Sebelumnya *The Number Of Investigation Papers Brought Forward From The Previous Years*	Jumlah Kertas Siasatan Terkumpul *The Total Number Of Accumulated Investigation Papers*	Jumlah Selesai Siasatan *The Total Number Of Full Investigation*	Peratus (%) *Percentage (%)*
2012	60	0	60	2	3.3
2013	75	58	133	3	2.26
2014	65	130	195	93	47.7
2015	95	102	197	98	49.7

TINDAKAN SELEPAS SIASATAN PENUH

FOLLOW-UP ACTION FOLLOWING FULL INVESTIGATION

Jadual 12: Jenis Salah Laku Yang Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Selepas Selesai Siasatan Penuh Bagi Tahun 2012-2015

Table 12: Types of Misconduct Referred to Disciplinary Authorities after Full Investigationsin Year 2012-2015

Jenis Dapatan *Types of Findings*	Tahun *Year*			
	2012	2013	2014	2015
Gagal Mengambil Tindakan yang Munasabah menurut subseksyen 24(1)*(b)* *Failure to take approppriate action according to subsection 24(1)(b).*	1	0	8	20
Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguatkuasa yang dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan atau pertimbangan yang tidak berkaitan menurut subseksyen 24(1)*(c)* *Any action or inaction of an enforcement office which is committed with improper motives, irrelevant grounds or irrelevant consideration according to subsection 24(1)(c)*	0	0	0	1
Gagal mengikut Undang-Undang yang telah ditetapkan menurut subseksyen 24(1)*(d)* *Failure to act according to the written Law as stated in subsection 24(1)(d)*	0	0	2	0
Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguatkuasa yang alasan patut diberikan tetapi tidak diberikan menurut subseksyen 24(1)*(e)* *Any act or inaction of an enforcement officer of which grounds should have been given but were not given as according to subsection 24(1)(e)*	0	0	2	0
Kegagalan Pegawai Penguatkuasa untuk mengikut kaedah dan tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang atau oleh pihak berkuasa yang berkenaan menurut subseksyen 24(1)*(f)* *Failure of the the Enforcement Officer to follow rules and procedures laid down by law or by the appopriate authority according to subsection 24(1)(f)*	0	0	0	4*
Jumlah ***The total number***	**1**	**0**	**12**	**25**

PROJEK-PROJEK SIASATAN KHAS/ PASUKAN PETUGAS

SPECIAL INVESTIGATION PROJECTS/ TASK FORCES

SIASATAN TERHADAP KES KEMATIAN JAMES RAMESH A/L RAMASAMY SEMASA DALAM TAHANAN PDRM

Pada 26 Mei 2013 lebih kurang jam 10.30 pagi, James Ramesh a/l Ramasamy (JR) berusia 39 tahun seorang tahanan narkotik Cawangan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang telah ditemui tidak sedarkan diri di dalam sel No. 5 (sel yang menempatkan JR) Lokap HQ, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.

Pada jam 11.16 pagi 26 Mei 2013 , Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Pulau Pinang telah tiba di sel No. 5 dan membuat pemeriksaan ke atas JR lalu mendapati JR telah meninggal dunia. Kes kematian JR telah mendapat perhatian umum melalui laporan oleh akhbar-akhbar dan media sosial.

Pada 26 Mei 2013 Mesyuarat Khas Suruhanjaya telah memutuskan bahawa selaras dengan fungsinya di bawah Seksyen 4 Akta 700 dan demi kepentingan awam, suatu penyiasatan di bawah Seksyen 26 Akta 100 akan dilakukan ke atas kematian JR tersebut.

Pada 11 Jun 2013 , satu Pasukan Petugas EAIC telah ditubuhkan di bawah Seksyen 17 Akta 700 untuk menjalankan siasatan di bawah Seksyen 28 Akta yang sama. Selaras dengan Seksyen 15 Akta 700, EAIC juga telah bersetuju melantik dua orang perunding bagi membantu Pasukan Petugas. Satu kenyataan media bertarikh 11 Jun 2013 telah dikeluarkan oleh Setiausaha EAIC berkaitan perkara tersebut termasuk terma-terma rujukan (*terms of reference*) dan keahlian Pasukan Petugas.

Pasukan Petugas telah ditubuhkan di bawah Seksyen 17 Akta 700 bagi menyiasat kematian tersebut dengan terma rujukan (*term of reference*) seperti berikut:

(i) Untuk mengenal pasti dan mengkaji peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, '*Standard Operating Procedures*' (SOP) dan apa-apa mekanisme lain yang diguna pakai oleh PDRM ke atas orang yang ditahan ('*person in detention*') dan orang dalam jagaan ('*person in custody*').

THE INVESTIGATION INTO THE DEATH OF JAMES RAMESH A/L RAMASAMY WHILEBEING HELD UNDER THE ROYAL MALAYSIAN POLICE (PDRM) CUSTODY

On 26 May 2013 at approximatey 10.30 am, James Ramesh a/l Ramasamy (JR), aged 39, a detainee of the Narcotics Criminal Investigation Division, North-Eastern Region Police Heaquarters, Pulau Pinang, was found unconscious in cell No. 5 (the cell where JR had been placed), HQ Lockup, Pulau Pinang Contingent Headquarters (IPK Pulau Pinang).

At 11.16 am on 26 May 2013 , the Assistant Medical Officer, Emergency and Trauma Department, Hospital Pulau Pinang,arrived at cell No. 5 and upon examining JR, he declared him dead. The death of JR has received a lot of public attention through reports in newspapers and the social media.

On 26 May 2013 , a Special Commission's Meeting declared that in line with its function as provided by Section 4 of Act 700 and for the sake of public interest, an investigation into the death of JR would be conducted, as per Section 26 of Act 700.

On 11 June 2013 , an EAIC Task Force was formed by virtue of Section 17 of Act 700, to launch an investigation under Section 28 of the same Act. In line with the provisions of Section 15 of Act 700, EAIC thereupon agreed to elect two (2) Consultants to assist the Task Force. A press release dated 11 June 2013 was issued by the EAIC's Secretary with regards to the matter, including the terms of reference and the membership of the Task Force.

The Task Force was formed under Section 17 of Act 700 to investigate the said death based on the following terms of reference:

(i) To identify, study the rules, regulations, Standard Operating Procedures (SOP) and other mechanisms adopted by PDRM on persons in detension and persons in custody;

(ii) Untuk menentukan sama ada telah berlaku apa-apa perlanggaran terhadap peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme tersebut yang membawa kepada kematian si mati;

(ii) To rule-out if there was any breach of rule, regulation, SOP or mechanisms that led to the death of the victim;

(iii) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut.

(iii) To rule-out if there had been any misconduct, as provided under Section 24 Act 700, by PDRM officers while handling the detainee;

(iv) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:

(a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
(b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
(c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.

(iv) To rule-out if there had been misconduct, to rule-out and identify:

(a) how and why such misconduct occurred;
(b) whether the rules, regulations, SOP or mechanisms had caused or led to the act of misconduct; and
(c) the individuals who were responsible for the misconduct.

(v) Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang.

(v) To recommend improvements or amendments to the current rules, regulations, SOP or mechanisms to ensure that the misconduct does not reccur;

(vi) Untuk melakukan semua perkara yang bermanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700.

(vi) To take all possible and reasonable actions in, or incidental to, performing its functions in the investigation of the death, in line with the provisions of Act 700; and

(vii) Untuk menyedia dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

(vii) To prepare and distribute a report based on the results of the investigation.

Pasukan Petugas juga menganalisa rakaman kamera keselamatan litar tertutup (CCTV) di lokap Balai Polis Central Pulau Pinang dan menghadiri prosiding inkues yang dijalankan di Mahkamah Koroner Georgetown yang memutuskan kematian JR sebagai suatu *'misadventure'* dan tiada sebarang perlakuan jenayah terhadap simati.

The Tast Force had also analised the closed circuit security cameras (CCTV) at the Pulai Pinang Central Police Station and attended the inquest at the Coroner's Court, Georgetown which declared the death of JR as a misadventure and that no criminal actions had been taken against him.

Pasukan Petugas EAIC dalam menjalankan siasatan telah mengambil keterangan daripada 32 orang saksi, termasuk anggota polis yang bertugas menahan JR, pegawai perubatan, tahanan lain serta anggota keluarganya.

During the investigation process, the EAIC Task Force recorded statements from 32 witnesses, which included the arresting officers, the medical assistant, other detainees and JR's family members.

Selain melawat lokap Balai Polis Central, Pulau Pinang, dimana JR ditemui mati, Pasukan Petugas turut meneliti dan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan termasuk Buku Perharian Balai, Buku Daftar Keluar Masuk Orang KenaTuduh (OKT), Buku Lawatan Pegawai Lokap, Buku Daftar Makanan, laporan bedah siasat dan laporan kimia berserta gambar-gambar post-mortem simati (JR).

Apart from inspecting the Pulau Pinang Central Police Station lockup where JR was found dead, the Task Force also studied all relevant documents which included the Station Log, the Detainee Registration Book, the Lockup Officer Visitation Book, the Food Registration Book, the autopsy report, the chemical report and post-mortem photos of the deceased (JR).

Berdasarkan analisa dan penilaian terhadap keterangan yang diperolehi, Pasukan Petugas mendapati tiada penggunaan kekerasan fizikal oleh anggota polis ketika penangkapan dan semasa dalam tempoh penahanan dalam lokap.

Based on the analysis and evaluation of the statements that it had obtained, the Task Force concluded that the police officers had not used excessive force either during arrest or during the detention period in the lockup.

Autopsi dan laporan kimia menunjukkan bahawa kematiannya adalah berpunca daripada penyakit hati kronik yang gagal berfungsi iaitu akibat pengambilan alkohol dan dadah yang berlebihan. Hasil pemeriksaan mendapati tiada sebarang kecederaan luaran atau dalaman yang dialami oleh JR.

The autopsy and chemical report concluded that the deceased's death was due to cronic liver failure as a result of excessive alcohol and drug usage. Further examination found no external or internal injuries on the deceased.

Sehubungan itu, EAIC telah mengenalpasti beberapa syor dan cadangan penambahbaikan berkaitan pengurusan lokap polis untuk perhatian dan tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk agensi-agensi lain yang mempunyai lokap orang tahanan bagi mengelakkan kejadian kematian semasa dalam tahanan berulang. Antara syor yang dikemukakan oleh EAIC termasuklah:

As such, EAIC presented a few recommendations for better lockup management to PDRM as well as other agencies that has similiar lockup facilities to avoid custodial death incidents from recurring. Among the recommendations were:

(a) Klasifikasi tahanan penagih dadah tegar hendaklah dikelaskan sebagai 'pesakit' dan bukannya 'penjenayah' dan selepas tangkapan, mereka hendaklah dibawa ke pusat perubatan bagi pemeriksaan dan rawatan, seterusnya ditempatkan di wad atau lokap khas yang membolehkan rawatan pemeriksaan berterusan oleh pegawai perubatan dilakukan.

(a) Hardcore drug users should be classified as 'patient', instead of 'criminal' and after an arrest, they should be taken to a medical centre for thorough examination and proper treatment, thereupon either warded or taken to a specified lockup to allow further treatment by approved/licensed medical officers.

(b) Penekanan kepada pematuhan Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lokap 1953 yang

(b) Emphasis should be given in observing Procedure 10 of Lockup Procedures 1953,

menghendaki pegawai perubatan membuat pemeriksaan kesihatan ke atas tahanan ketika mula ditahan di lokap.

which states that a medical officer has to conduct a medical examination on detainees upon detention.

(c) Suatu mekanisme yang mudah dan efektif diwujudkan bagi membolehkan orang tahanan dapat membuat aduan ke atas jenis penyakit atau kecederaan yang dialaminya agar dapat diuruskan dengan berkesan oleh pegawai penjaga lokap bagi membolehkan tahanan mendapat rawatan segera.

(c) There should be a simple yet effective mechanism which would allow detainess to lodge complaints upon any illnesses or injuries so the lockup officer could arrrange for immediate medical treatment.

(d) Kursus dan latihan baharu yang berterusan secara berkumpulan dan berperingkat diadakan kepada semua anggota lokap berkaitan pengurusan lokap dan dokumen protokol yang terpakai dalam pengurusan lokap dan orang tahanan.

(d) There should also be on-going training and courses, conducted in groups and in stages for all lockup officers regarding lockup management and protocol documents used in managing lockup and detainees.

(e) Mengadakan tatacara Prosedur Standard Operasi (SOP) khusus untuk mengendalikan tahanan narkotik atau penagih alkohol dan mabuk dan lain-lain seperti kanak-kanak dan orang trauma diadakan.

(e) There should be a Standard Operating Procedure to cater for narcotic or alcohol addicts and intoxicated detainees, as well as other detainees including children and traumatized victims.

(f) Lokap-lokap dibekalkan dengan kemudahan dan jagaan yang lebih sempurna termasuk keperluan asas bilik air seperti sabun mandi dengan mengambil kira faktor keselamatan dan menentukan pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi bagi lokap.

(f) The lockups should be equiped with better facilities which would include basic toilet amenities such as bathing soap while also taking into account other safety factors, as well as better ventilation and lighting.

(g) Kekerapan rondaan oleh anggota lokap dengan mengambilkira peranan kamera litar tertutup (CCTV) dan jumlah keanggotaan lokap perlu dikaji semula.

(g) The frequency of patrol officers making rounds, taking into account the use of the CCTV and the number of lockup officers, needs to be reviewed.

(h) Pihak berkaitan harus memastikan keluarga orang tahanan diberitahu jika terdapat tahanan jatuh sakit dan menerima rawatan hospital.

(h) The relevant party needs to ensure that detainees' families are informed if the detainees fall sick and requires to be medically attended to the hospital.

(i) Keperluan pematuhan pegawai dan anggota bertugas lokap ke atas Perintah-perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian A118 dan Perintah Tetap Ketua Polis Daerah serta Kaedah-kaedah Lokap 1953.

(i) Lockup officers must adhere to the Standing Orders of the Chief Inspector-General of Police A118, the Standing Orders of the Chief District Officer and the Lockup Procedures 1953.

EAIC mendesak agar syor-syor yang telah diutarakan diberi perhatian serius oleh semua agensi penguatkuasaan yang mempunyai lokap dan tindakan penambahbaikan dilaksanakan segera bagi mengelakkan kejadian berulang.

EAIC strongly urged that the recommendations be given serious attention by all enforcement agencies that are equiped with lockup facilities and the improvements be carried out immediately to avoid reccurrence of deaths of detainees.

Laporan penuh bagi siasatan ke atas Kematian James Ramesh a/l Ramasamy Semasa dalam Tahanan Polis boleh didapati di pautan berikut:

http://www.eaic.gov.my/sites/default/files/29012015_laporan_suruhanjaya_integriti_agensi_penguatkuasaan_ke_atas_kematian_james_ramesh_0.pdf

The full report of investigation of the death of James Ramesh a/l Ramasamy while in police custody can be retrieved from the followed site:

http://www.eaic.gov.my/sites/default/files/29012015_laporan_suruhanjaya_integriti_agensi_penguatkuasaan_ke_atas_kematian_james_ramesh_0.pdf

SIASATAN TERHADAP ADUAN PENCEROBOHAN BOT-BOT PUKAT 'KENKA' DI KUALA KURAU, PERAK

INVESTIGATION INTO COMPLAINTS OF ENCROACHMENTBY 'KENKA' TRAWLERS AT KUALA KURAU, PERAK

EAIC juga telah menerima aduan oleh nelayan-nelayan dan persatuan nelayan-nelayan pantai terhadap kelemahan atau ketiadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan perlesenan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia terhadap pencerobohan bot-bot pukat tunda 'kenka' di kawasan persisiran pantai di Kuala Kurau, Perak.

EAIC also received complaints from local fishermen and the coastal fishermen association regarding the flaw or lack of legal and licensing regulations enforcement by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM) and the Department of Fisheries Malaysia towards the encroachment along the coastal areas of Kuala Kurau, Perak.

Bot-bot 'kenka' yang dilesenkan oleh Jabatan Perikanan bagi menjalankan aktiviti penangkapan ikan bagi kawasan perairan negara ke atas kawasan yang melebihi lima (5) batu nautika dari pantai telah dikatakan secara berterusan menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut dalam lingkungan lima (5) batu nautika yang melanggari syarat-syarat perlesanan.

'Kenka' trawlers which are licensed by the Fisheries Department to conduct fishing activities in waters which are more than five (5) nautical miles from the coast, were said to be continuously conducting fishing activities within five (5) nautical miles which is in breach of the licensing conditions.

Kesan aktiviti penangkapan ikan oleh bot-bot pukat 'kenka' tersebut telah menjejaskan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan-nelayan persisir pantai serta menghakis ekosistem hidupan laut.

As a result of the uncontrolled fishing activities of the trawlers, the coastal fishermen found their hauls and livelihood jeopardised, while the eco-system of the marine life is also at risk of being destroyed.

Sepanjang tempoh Januari 2012 hingga Oktober 2013 sejumlah 86 aduan telah dibuat kepada pihak APMM Pengkalan Kuala Kurau, Perak bagi penguatkuasaan dan tindakan diambil terhadap masalah pencerobohan oleh bot-bot 'kenka' tersebut. Bagaimana pun tidak terdapat langkah-langkah atau penguatkuasaan undang-undang diambil secara berkesan atau efektif oleh agensi penguatkuasaan

From January 2012 to October 2013, 86 complaints were filed at APMM Pengkalan Kuala Kurau, Perak for enforcement and action to be taken with regards to the matter of the encroachment of the 'kenka' trawlers. However, as at todate, no effective action or legal enforcement is beingtaken by the enforcement agency against the trawlers which continues to encroach within the five nautical mile radius. As a

terlibat yang melihatkan bot-bot "kenka" berterusan menceroboh kawasan tangkapan di dalam lingkungan lima batu nautika. Akibatnya berlaku hubungan yang tegang dan perselisihan antara nelayan pantai dan penguasaha bot-bot "kenka" yang mengancam keharmonian hidup masyarakat setempat.

result, tension arises between the coastal fishermen and the trawl operators, threatening the harmony of the local community.

EAIC mendapati perkara pengaduan tersebut mempunyai kepentingan yang signifikan terhadap orang ramai dan bahawa ia adalah demi kepentingan awam untuk penyiasatan penuh dilakukan bagi mendapatkan keterangan dan dapatan-dapatan berkaitan kelemahan atau ketiadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan perlesenan yang berkaitan dengan bot-bot pukat 'kenka' tersebut. APMM dan Jabatan Perikanan Malaysia adalah di antara 21 agensi penguatkuasaan yang tergolong di bawah kawal selia oleh EAIC di bawah Akta 700.

EAIC felt that the matter was of great significance to the community and for the sake of public interest, a full investigation should be conducted to obtain relevant information with regards to the legal and licensing regulations enforcement problems in relation to the 'kenka' trawlers. APMM and the Department of Fisheries Malaysia are among the 21 enforcement agencies listed under the purview of EAIC under Act 700.

Oleh itu, selaras dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 28 Akta 700, EAIC memutuskan agar suatu siasatan penuh diadakan terhadap pengaduan yang diterima itu. Saksi-saksi daripada persatuan nelayan pantai terlibat dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan terlibat telah dipanggil bagi memberi keterangan.

As such, in line with the authority as provided by Section 28 Act 700, EAIC launched a full investigation into the matter. Witnesses, which included members from the coastal fishermen association, and officers from relevent enforcement agencies, were called to give their statements.

Berdasarkan hasil siasatan dan keterangan-keterangan yang diperolehi, secara keseluruhannya didapati bahawa terdapat kelemahan, kekurangan dan ketidakberkesanan penguatkuasaan agensi-agensi yang berkaitan secara keseluruhan. Bagi menangani isu-isu tersebut, EAIC mengemukakan beberapa pengesyoran bagi pihak yang berwajib termasuk APMM, Jabatan Perikanan dan Polis Marin supaya mengambil tindakan penguatkuasaan secara holistik, bersepadu dan sistematik bagi mengatasi dan seterusnya menyelesaikan isu pencerobohan bot-bot "kenka" termasuk mengkaji semula keperluan pengeluaran lesen bot-bot "kenka" yang hanya terdapat di negeri Perak.

Based on the investigation and the statements obtained, there appeared to be a weakness in the enforcement agencies' system in general. To resolve the matter, EAIC put forward few recommendations to the responsible parties, which included APMM, Department of Fisheries Malaysia and the Marine Police, to enable them to take enforcement action, in a unified and systematic manner to handle the 'kenka' encroachment issue and at the same time, review the 'kenka' licensing issuance, which, incidentally, is only found in Perak.

SIASATAN TERHADAP KES KEMATIAN SYED MOHD AZLAN BIN SYED MOHAMED NUR SEMASA DALAM TAHANAN PDRM

INVESTIGATION INTO THE DEATH OF SYED MOHD AZLAN BIN SYED MOHAMED NUR UNDER THE PDRM CUSTODY

Pada 3 November 2014, lebih kurang jam 3.30 pagi, bertindak di atas maklumat, sepasukan polis seramai

On 3 November 2014, at approximatly 3.30 am, acting upon information received, a squad of 13 policemen,

13 orang anggota yang diketuai oleh seorang pegawai berpangkat Inspektor telah membuat serbuan ke atas sebuah bilik sewa di rumah bernombor 62, Kampong Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor dan telah menangkap Syed Mohd Azlan (si mati). Tiada apa-apa senjata api dijumpai dari si mati.

led by an Inspector of Police, raided a rented room at house No. 62, Kampong Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor and arrested Syed Mohd Azlan (the deceased). No weapons were found on him.

Selepas ditangkap, si mati telah dibawa balik ke Balai Polis Sungai Rengit untuk disoal siasat berkaitan kejadian pergaduhan yang berlaku dua bulan sebelum itu yang melibatkan beberapa orang dan pemilikan senjata api. Walaubagaimanapun, masih tiada senjata api ditemui walau pun pihak polis telah membuat penggeledahan di rumah bapa si mati.

Upon his arrest, the deceased was taken to Sugai Rengit Police Station for interrogationpurposes over an armed altercation that occurred two months earlier. However, no weapons were found even though the police had conducted a thorough search at the deceased's father's house.

Pada jam lebih kurang 7.10 pagi pada hari yang sama, si mati telah dibawa oleh pihak polis menaiki kenderaan polis dari Balai Polis Sungai Rengit untuk pergi ke ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi bagi tujuan menguruskan permohonan reman ke atas si mati berkaitan kes di mana si mati ditangkap yang disiasat di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan bersabit Sg. Rengit Rpt:816/2014.

At about 7.10 am on the same day, the deceased was taken in a police vehicle, from Sungai Rengit Police Station to the Kota Tinggi Region Police Headquarters (IPD) to process his remand application on his case which was being investigated under Section 148 of the Penal Codewith regards to Sg. Rengit Rpt: 816/2014.

Semasa dalam perjalanan ke IPD Kota Tinggi, anggota polis yang mengiringi si mati mendapati si mati berada di dalam keadaan yang lemah dan tidak bermaya serta tidak memberikan sebarang respon kepada panggilan/pertanyaan yang dibuat oleh anggota pengiring tersebut. Anggota pengiring tersebut serta merta memaklumkan keadaan si mati kepada pegawai tangkapan yang ikut sama di dalam kereta tersebut.

On the way to the Kota Tinggi IPD, the police officer escorting the deceased found him weak and unresponsive. He then immediately informed the arresting officer, who was also in the same vehicle.

Di atas arahan pegawai tersebut, mereka terus menuju ke klinik berdekatan iaitu Klinik Kesihatan Bandar Penawar. Setibanya mereka di Klinik tersebut pada jam lebih kurang 8.30 pagi, pegawai perubatan bertugas iaitu Dr. Mohd Mahdzan bin Mazelan telah melakukan pemeriksaan ke atas si mati dan mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia.

Upon the officer's orders, they headed towards the nearest clinic, which was Klinik Kesihatan Bandar Penawar. When they reached the clinic, at approximately 8.30 am, the medical officer on duty, Dr Mohd Mahdzan bin Mazelan, examined the deceased and had declared him dead.

Satu laporan polis tentang kematian si mati telah dibuat oleh pegawai iaitu ketua pasukan tangkapan pada 3 November 2014, jam 10.15 pagi (hari yang sama) melalui Bandar Penawar Report No 002169/14.

A report on the death of the deceased was made by the officer who was the lead during the arrest on 3 November 2014, 10.15 am (the same day), in the Bandar Penawar Report No 0002169/14.

Tahanan mati: PDRM perlu ambil tindakan

SHAH ALAM - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Malaysia (EAIC) mengesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib ke atas anggotanya yang terbukti terlibat dengan kematian seorang tahanan, Syed Mohd Azlan Syed Mohamed Nur di Sungai Rengit, Pengerang, Johor pada November 2014.

Pengerusinya, Datuk Yaacob Md Sam berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati berlaku perlakuan bersifat jenayah ketika siasatan dijalankan.

"Suruhanjaya mengesyorkan kepada polis untuk tindakan tatatertib terhadap pegawai dan anggota yang dikenal pasti melakukan salah laku seperti mana skop salah laku yang diberikan di bawah Seksyen 24 Akta 700.

"EAIC juga mengesyorkan kepada pendakwa raya bagi pendakwaan jenayah dibawa terhadap pegawai dan anggota PDRM yang didapati telah melakukan salah laku itu," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Pada 3 November tahun lalu, Syed Mohd Azlan ditahan pihak polis selepas serbuan dilakukan di sebuah bilik sewa di Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor.

Selepas ditangkap, mangsa dibawa ke Balai Polis Sungai Rengit untuk disoal siasat berkaitan kejadian pergaduhan dan penyimpanan senjata api.

Bagaimanapun, tiada senjata api ditemui walaupun polis telah membuat penggeledahan di rumah bapanya.

Kemudian, mangsa dilaporkan oleh pegawai pengiring dalam keadaan tidak bermaya dan tidak memberi sebarang tindak balas ketika dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi bagi tujuan permohonan reman berkaitan kes.

Mangsa seterusnya dibawa ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar dan disahkan telah meninggal dunia.

Susulan kejadian itu, EAIC mengesyorkan PDRM menambah baik prosedur operasi standard (SOP) berkaitan tangkapan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kualiti pengurusan orang tahanan atau orang tangkapan.

Yaacob berkata, PDRM perlu mengadakan kursus secara berkumpulan dan berperingkat kepada semua pegawai dan anggota terlibat.

"Ini bagi memastikan pegawai dan anggota memahami dan mengamalkan kehendak serta tatacara yang diperuntukkan dalam kes-kes tangkapan atau operasi yang berkaitan dengan tangkapan," katanya.

Beliau berkata, PDRM perlu memperketat dan menjalankan pemantauan ke atas pematuhan oleh pegawai dan anggota khususnya berkaitan soal siasat ke atas orang tahanan, penyitaan barang kes dan kewajipan menyediakan borang geledah atau borang bongkar.

Tidak lindungi pegawai, anggota

Johor Bahru: Polis Daerah Kota Tinggi akan bertindak berhubung hasil siasatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan tidak akan melindungi mana-mana anggota atau pegawai yang terbabit dalam kes kematian seorang tahanan polis pada September tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Rahmat Othman berkata, siasatan terhadap kes terbabit masih berjalan dan kertas siasatan yang dibuka sudah diambil alih Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor untuk siasatan lanjut.

"Sejurus kes itu berlaku tahun lalu, kita menjalankan siasatan dan ia sudah diserahkan kepada pihak IPK untuk siasatan selanjutnya, namun kita sentiasa bersedia dengan apa saja arahan dari IPK yang mungkin memerlukan siasatan terperinci di peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

"Kita mengambil perhatian berhubung hasil siasatan EAIC yang mengesahkan kematian seorang tahanan polis itu ada kaitan dengan kekerasan fizikal dan jika menerima arahan daripada IPK, kita akan mengambil tindakan dan lakukan siasatan terperinci," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, tidak akan ada mana-mana anggota atau pegawai yang dilindungi sekiranya hasil siasatan menunjukkan mereka ada kaitan yang menjurus kepada kematian suspek terbabit.

Pada 4 November 2014, bedah siasat (post mortem) telah dijalankan ke atas mayat si mati oleh Dr. Rohayu binti Shahar Adnan di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru yang mengesahkan punca kematian adalah akibat daripada trauma hentakan tumpul pada dada (blunt force trauma to chest). Pemeriksaan juga mendapati si mati mengalami 61 jenis kesan luka/lebam/calaran (bruises) pada tubuh badan termasuk pada bahagian muka, badan dan kedua-dua belah kaki si mati. Satu laporan *post mortem* telah disediakan oleh doktor pakar tersebut.

On November 2014, a post morten was conducted on the deceased by Dr. Rohayu binti Shahar Adnan di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru who confirmed the cause of death was a blunt force trauma to the chest. Further examination revealed that the deceased had 61 cuts/bruises/scratches on his body including his face, torso and legs.The post-mortem report was prepared and verified by the pathologist.

Berita tentang kematian si mati tersebut telah mendapat liputan meluas oleh akhbar dan portal media sosial.

The news regarding the death of the deceased received a tremendous coverage through newspapers and social media portals

Melalui keputusan Mesyuarat Suruhanjaya bil 7/2014 kertas pertimbangan kes tersebut dibawa dan telah dikputuskan sebagai terdapat unsur kepentingan awam berkaitan isu kematian tersebut. Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 28 Akta 700, suatu siasatan awal perlu dijalankan oleh EAIC bagi memperdalami latar belakang kejadian dan sebab yang membawa kepada kematian tahanan tersebut dan untuk mengenal pasti jika terdapat apa-apa perlakuan salah laku oleh anggota atau pegawai polis terhadap kematian tahanan tersebut.

Through the decision made in the Commissioners' Meeting No 7/2014, after consideration, it was decided that the death was of significant interest to the public. In line with the provisions of Section 28 Act 700, a preliminary investigation had to be conducted by EAIC to scrutinize the background of the incident, what brought about the custodial death of the deceased and to identify if there had been any misconduct by the police officers which led to the death of the deceased.

Lanjutan daripada dapatan siasatan awal yang dijalankan oleh Pegawai Penyiasat EAIC, pada 2 Julai 2015, Mesyuarat Suruhanjaya telah memutuskan selaras dengan Seksyen 17 Akta 700 supaya ditubuhkan satu Pasukan Petugas (Task Force) bagi melakukan siasatan penuh ke atas kematian tersebut dengan terma-terma rujukan berikut:

(i) Untuk mengenal pasti dan mengkaji peraturan-peraturan, kaedah- kaedah, '*Standard Operating Procedures*' (SOP) dan apa-apa mekanisme lain yang diguna pakai oleh PDRM ke atas orang yang ditahan ('*person in detention*') dan orang dalam jagaan ('*person in custody*').

(ii) Untuk menentukan sama ada telah berlaku apa- apa perlanggaran terhadap peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme tersebut yang membawa kepada kematian si mati;

(iii) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut.

(iv) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:

(a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
(b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
(c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.

(v) Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang.

(vi) Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu

Following the preliminary report by EAIC Investigating Officers, on 2 July 2915, through the Commissioner's Meeting, it was decided that in accordance with Section 17 of Act 700, EAIC will establish a Task Force to conduct a full investigation into the death of the deceased with the following terms of references:

(i) To identify, study the rules, regulations, Standard Operating Procedures (SOP) and other mechanisms utilised by PDRM on persons in detension and persons in custody;

(ii) To rule-out if there was any breach of rule, regulation, SOP or mechanism that led to the death of the victim;

(iii) To rule-out if there had been any misconduct, as provided under Section 24 Act 700, by PDRM officers while handling the detainee;

(iv) If there had been misconduct, to rule-out and identify:

(a) how and why the misconduct occurred;

(b) what rules, regulations, SOP or mechanisms had caused or led to the misconduct incident; and

(c) the individuals who were responsible for the misconduct.

(v) To recommend improvements or amendments to the current rules, regulations, SOP or mechanisms to ensure that the misconduct does not reccur;

(vi) To take all possible and reasonable actions in, or incidental to, performing its functions in

bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700.

the investigation of the death, in line with the provisions of Act 700;

(vii) Untuk menyedia dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

(vii) To prepare and distribute a report based on the results of the investigation.

Lanjutan daripada penubuhan Pasukan Petugas tersebut, tindakan-tindakan seperti berikut telah diambil :

The EAIC Task Force then took the following actions:

(a) Mengambil keterangan daripada 35 orang saksi (termasuk anggota polis berkaitan penangkapan dan tahanan si mati, pegawai perubatan, orang awam dan juga ahli keluarga si mati).

(a) Recorded statements from 35 witnesses (including the arresting officers, the medical assistant, members of the public and the deceased's family members;

(b) Melawat dan memeriksa tempat kejadian di mana Syed Mohd Azlan telah ditangkap;

(b) Inspected the location where Syed Mohd Azlan was arrested; and

(c) Meneliti dan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan termasuk laporan polis berkenaan tangkapan, catatan Buku Perharian Balai, laporan bedah siasat dan laporan kimia beserta gambar-gambar berkaitan.

(c) Studied relevant documents which included the arrest report, the Station Diary, the autopsy report, and the chemical report as well as relevant photos.

Siasatan kes kematian si mati tersebut telah selesai dijalankan oleh Pasukan Petugas EAIC dan diterima oleh EAIC selari dengan terma-terma rujukan siasatan. Dapatan (*findings*) siasatan adalah seperti berikut :

The EAIC Task Force concluded the investigation and its findings were accepted by EAIC in line with the terms of reference. The findings were as follows:

(a) kematian si mati mempunyai kaitan dengan penggunaan kekerasan secara fizikal oleh pihak polis yang menjalankan tangkapan dan soal siasat ke atas di mati;

(a) The deceased's death was clearly related to excessive force inflicted by the police during both arrest and interrogation processes

(b) Pakar Perunding dan Ketua Jabatan, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati mendapati kematian Syed Mohd Azlan disebabkan oleh trauma hentakan tumpul (blunt force trauma to the chest) ke atas dada si mati tersebut. Pemeriksaan juga mendapati si mati mengalami 61 jenis kecederaan di bahagian muka, badan dan

(b) The Consultant and Head of Department, Forensic Medicine Department, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, who performed the autopsy, concluded that the death of Syed Mohd Azlan was due to blunt force trauma to the chest. Further examination also revealed that the deceased had 61 different injuries on his face, torso and legs. Some of the injuries were consistent with self-defence injuries as a

kedua-dua belah kaki. Sebahagian daripada kecederaan yang dialami oleh si mati konsisten dengan kecederaan semasa berusaha mempertahankan diri daripada kekerasan fizikal yang dilakukan ke atasnya oleh anggota-anggota polis.

result of the resistance by the deceased while being attacked by the police officers.

(c) Terdapat perlakuan gangguan terhadap bahan bukti yang material oleh anggota polis iaitu (i) membersihkan tempat kejadian sebelum dilawati dan diperiksa oleh pegawai perubatan, (ii) melupuskan tikar getah dan karpet yang dipercayai mempunyai kesan darah si mati di tempat kejadian tangkapan, dan (iii) perlakuan memyembunyikan/menghilangkan saksi mata (*eye witness*) yang melihat kejadian tangkapan si mati;

(c) There was an act of tampering of material evidence by the police:which includes the following (i) cleaning the crime scene before the arrival of the medical officer, (ii) disposing the rubber mat and carpet, from the crime scene, which was believed to have had bloodstains of the deceased, and (iii) hiding/getting rid of eye witnesses who witnessed the arrest;

(d) Terdapat anggota tangkapan yang menggunakan gari milik persendirian anggota tersebut yang bukan dibekalkan oleh PDRM bagi menggari si mati selepas ditangkap yang telah menyumbang kepada berlakunya kecederaan di pergelangan tangan si mati;

(d) The arresting officer used a non-standard handcuffs instead of the ones used by PDRM which accounted for the injuries on his wrists;

(e) Terdapat beberapa pemecahan serius (*serious breach*) ke atas *Standard Operating Procedure* (SOP) PDRM berkaitan dengan tatacara tangkapan dan pengendalian orang tangkapan, sitaan barang kes dan integriti keterangan (SOP Tangkapan Jabatan Siasatan Jenayah PDRM); SOP Jabatan Siasatan Jenayah (Prosedur Penggeledahan dan Rampasan) telah dilakukan oleh pegawai dan anggota pasukan serbuan yang dikenalpasti oleh siasatan ini;

(e) There were several serious breaches of RMP's Standard Operating Procedures (SOP) committed in relation to the arresting procedures, handling of detainees and seized goods and information integrity (PDRM's Criminal Investigation Department's Arrest SOP);Criminal Investigation Department SOP (Search and Seizure Procedures)by the officers and the raid team.

(f) Terdapat perlakuan serangan bersifat jenayah yang melibatkan unsur niat bersama atau subahat (abetment) oleh anggota PDRM yang terdiri daripada anggota pasukan tangkapan bagi melakukan kekerasan fizikal secara sengaja ke atas si mati yang telah mengakibatkan kecederaan dan kematian ke atas si mati, dan perlakuan ini adalah merupakan jenis kesalahan bersifat jenayah di bawah undang-undang, khususnya kesalahan di bawah Seksyen 302 dan Seksyen 325

(f) The attack committed exhibited common intent and abetment among the PDRM officers, namely the arresting team, with exerted voluntary and excessive force upon the deceased which resulted in injuries and subsequently, death. These actions were deemed criminal offences in the eyes of the law, as provided under Section 302 and Section 325 of the Penal Code to be read in conjunction with Section 34 of the Penal Code or alternatively, with Section 107 of the same Code;

Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan atau secara alternatif Seksyen 107 Kanun yang sama;

(g) Selaras dengan peruntukan Seksyen 30(1)(b) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan [Akta 700], EAIC mengesyorkan kepada PBT PDRM agar tindakan tatatertib dibawa terhadap pegawai dan anggota-anggota yang dikenalpasti di dalam laporan penuh EAIC yang didapati telah melakukan salah laku seperti mana skop salah laku yang diberikan di bawah Seksyen 24 Akta 700;

(g) In line with the provisions of Section 30(1)(b) Enforcement Agency Integrity Commission Act [Act 700], EAIC recommended that the PBT of PDRM take disciplinary action against the officers identified in the EAIC report as having committed misconduct as within the scope of misconduct under Section 24 Act 7000;

(h) Selaras dengan subseksyen 30 (1)(c) Akta 700, EAIC mengesyorkan kepada Pendakwa Raya (Peguam Negara) bagi pendakwaan jenayah di bawa terhadap pegawai dan anggota PDRM yang didapati telah melakukan salah laku bersifat kesalahan jenayah seperti yang dikenalpasri di dalam laporan penuh siasatan ini.

(h) In line with the provisions of subsection 30(1)(c) Act 700, EAIC recommended that the Public Prosecutor (Attorney General) brings criminal charges against the PDRM officers found to have committed the misconduct which constituted a criminal offence as identified in the investigation report.

Sebagai tambahan, EAIC juga sebagai tambahan mengemukakan syor dan cadangan berikut kepada PDRM sebagai penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kualiti pengurusan orang tahanan atau orang tangkapan bagi mengelakkan insiden kematian orang tahanan atau orang tangkapan semasa berada di dalam tahanan:

EAIC also proposed recommendations to PDRM to buck up on their efficiency and detainee management quality to avoid custodial deaths from recurring:

(a) PDRM perlu menambahbaik SOP berkaitan dengan tangkapan. Jika sekiranya orang tangkapan didapati mengalami kecederaan fizikal (walaupun kecederaan nampak seperti tidak serius), maka suspek itu hendaklah dirujuk terus kepada mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan bagi memastikan tahap keseriusan kecederaan serta status kesihatan suspek tersebut;

(a) PDRM should improve its SOP relating to arrest With regards to arrest, If the suspect (arrastee) is found to have a physical injury (even if the injury does not look serious), the suspect must be referred immediately to a Government Medical Officer to ascertain the severity of the injury as well as the overall health status of the suspect;

(b) PDRM perlu mengadakan 'refresher course' atau 'refresher training' yang berterusan secara berkumpulan dan berperingkat kepada semua lapisan pegawai dan anggota yang terlibat di dalam operasi serbuan/tangkapan untuk memastikan supaya pegawai dan anggota

(b) PDRM should conduct refresher courses or trainings consistently instages to all levels of officers involved in raids and arrest operations to ensure that they understand and practise the requirements and procedures provided for in cases of arrest or operations related to arrests.

benar-benar memahami dan mengamalkan kehendak serta tatacara yang diperuntukkan dalam kes-kes tangkapan atau operasi yang berkaitan dengan tangkapan.

(c) PDRM perlu memperketatkan dan menjalankan pemantauan dengan lebih berkesan ke atas pematuhan oleh pegawai dan anggota ke atas SOP Jabatan Siasatan Jenayah atau Perintah Tetap khususnya berkaitan soal siasat ke atas orang tahanan, penyitaan barang kes dan kewajipan menyediakan borang geledah atau borang bongkar. Berhubung perkara ini, terdapat SOP yang melarang sebarang penggunaan kekerasan ke atas orang tahanan semasa disoalsiasat (PTKPN A 118); dan

(c) PDRM should tighten and more effectively monitor the compliance of its officers towards the Criminal Investigation Department SOP or Standing Orders in relation to suspect interrogation, confiscation of case exhibits and preparation of search forms. It was noted that there is an SOP which prohibits the use of any force on suspects during interrogation (PTKPN A118); and

(d) PDRM perlu mengemaskini SOP yang berkaitan bagi melarang sama sekali mana-mana pegawai atau anggota dari menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan atau peralatan yang bukan dibekalkan oleh PDRM dalam apa-apa operasi tangkapan.

(d) PDRM should update its SOP which strictly prohibits any of its officer from utilising equipment that are not permitted or not standardized in any of PDRM's arrest operation.

Selain itu, EAIC juga mengesyorkan supaya kajian dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara ke atas kesesuaian untuk meminda peruntukan Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan peruntukan anggapan (presumption) yang akan meletakkan beban bukti ke atas pihak yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas orang tahanan sebagai bertanggungan ke atas kecederaan atau kematian orang tahanan sehingga diakaskan atau dibuktikan sebaliknya. Ini akan dapat mengimbangi keadaan di mana keterangan hanya dimonopoli oleh pihak yang melakukan tahanan ke atas si mati atau mangsa bagi kes-kes kejadian kematian dan kecederaan orang tahanan di bawah jagaan mana-mana pihak berkuasa berkaitan.

EAIC also recommended that a study by the Ministry of Home Affairs and the AG's Chambers on the feasibility of amending the provisions in the current Penal Code and the Evidence Act 1950 to include a presumption provision which would place the burden of proof on the party that has custody and control of the detainee, making them responsible and accountable for any injury or death of the detainee until proven otherwise. This would offset the current situation whereby the statements from arresting officers hold monopoly in custodial death and injury cases.

Naskah laporan penuh siasatan telah dikemukakan oleh EAIC kepada Ketua Polis Negara, Bukit Aman, Peguam Negara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada forfolio integriti.

The full investigation report was presented by EAIC to the Chief Inspector-General, Bukit Aman; the Attorney General; the Ministry of Home Afairs, and, the Minister in the Prime Minister's Department responsible for the integrity folio.

Laporan bagi siasatan kes ini boleh diperolehi dengan mengakses laman sesawang EAIC di alamat www.eaic.gov.my.

The report of the investigation may be accessed on EAIC's website at www.eaic.gov.my.

PENDENGARAN AWAM

PUBLIC HEARING

PENDENGARAN AWAM SIASATAN KES KEMATIAN DHARMENDRAN A/L NARAYANASAMY SEMASA DALAM TAHANAN PDRM

Pada 12.05.2013 N. Dhamendran (ND) bersama tiga lagi lelaki telah ditangkap oleh pihak polis berkaitan dengan kes pergaduhan berkumpulan yang berlaku pada 11.05.2013 di Jalan Budiman 19, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. ND berumur 31 tahun ketika itu.

Lanjutan daripada tangkapan tersebut, pada keesokan harinya, pihak polis telah mendapatkan perintah tahanan reman ke atas ND yang dikeluarkan oleh Tuan Majistret Kuala Lumpur bagi tempoh 5 hari mulai 12.05.2013 hingga 16.05.2013 bagi membolehkan pihak polis menjalankan siasatan.

Berdasarkan perintah reman tersebut, pada jam 12.45 tengahari 13.05.2013 tersebut, ND telah dimasukkan ke dalam lokap D9 Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur (IPK, KL) bagi soal siasatan penglibatan beliau di dalam pergaduhan kes tersebut.

Walau bagaimanapun pihak polis tidak dapat menyelesaikan siasatan dalam tempoh reman tersebut. Oleh itu pada 16.05.2015 pihak polis telah memohon perintah reman lanjut daripada Puan Majistret Kuala Lumpur bagi membolehkan ND ditahan lanjut selama 5 hari lagi mulai 16.05.2013 hingga 21.05.2013. Pihak polis kemudiannya meneruskan sesi soal siasatan ke atas ND yang ditempatkan di lokap D9, IPK Kuala Lumpur.

Pada 21.05.2015 pada jam 4.15 petang, seorang anggota polis yang bertugas menjaga lokap telah mendapati ND terbaring di atas lantai lokap. Anggota tersebut telah meminta bantuan perubatan dihantar.

Pada jam lebih kurang 5.00 petang hari yang sama, pembantu perubatan dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) telah tiba bersama ambulan. Pembantu perubatan tersebut telah memeriksa denyutan nadi di pergelangan tangan, di leher dan denyutan jantung ND dan tidak mendapati tiada apa-apa denyutan. Pemeriksaan ke atas anak mata juga tidak melihatkan sebarang tindak balas. ND disahkan telah meninggal dunia.

PUBLIC HEARING IN THE INVESTIGATION INTO THE DEATH OF DHARMENDRAN A/L NARAYANASAMY WHILE UNDER THE POLICE CUSTODY

On 12.05.2013 N. Dhamendran (ND) along with three other men were arrested by the police in relation to a gang fight which occurred on 11.05.2013 at Jalan Budiman 19, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. ND was 31 at that time.

Following the arrest, the police obtained a 5-day remand order for ND from a Kuala Lumpur Court Magistrate; from 12.05.2013 to 16.05.2013 to allow the police to conduct investigation.

Based on the remand order, at 12.45 pm on 13.05.2013, ND was placed in lockup D9 at Kuala Lumpur Police Head Quarters (IPK, KL) for interrogation on his involvement in that particular case.

However, the police were unable to complete their investigation within the remand period. As such, on 16.05.2015 the police applied for and obtained a remand extension from another Kuala Lumpur Court Magistrate in order for ND to be in their custody for another 5 days; from 16.05.2013 to 21.05.2013. The police then continued their interrogation on ND who was placed again in lockup D9, IPK KL.

On 21.05.2015 at 4.15 pm, the police officer on duty at the lockup found ND lying on the floor of his cell. The officer immediately requested for medical assistance.

At approximately 5.00 pm on the same day, a medical assistant from Hospital Kuala Lumpur (HKL) arrived with an ambulance. The medical assistant examined ND's pulse at his wrist, neck and heart but he could not find a heartbeat. There was also no response when further examination was made on ND's eyes and he was declared dead.

Pada 22.05.2015 jam lebih kurang 2.00 petang, Pakar Patologi HKL menjalankan bedah siasat ke atas mayat ND. Pakar Patologi tersebut mendapati terdapat 52 jenis kecederaan pada tubuh badan ND termasuk calaran dan kesan-kesan lebam. Hasil daripada bedah siasat tersebut Pakar Patologi membuat kesimpulan bahawa ND mati akibat "*Diffuse tissue injuries due to multiple blunt force trauma*".

On 22.05.2015 at approximately 2.00 pm, the HKL Pathologist conducted an autopsy on ND. The pathologist discovered 52 types of injuries on the body, including scratches and bruises. From the autopsy, the Pathologist concluded that ND's death had been caused by diffused tissue injuries due to multiple blunt force trauma.

Pada 28.05.2013, Suruhanjaya selaras dengan peruntukan Seksyen 28 Akta 700 telah memutuskan untuk menjalankan siasatan terhadap kematian ND. Bagi memulakan siasatan, Suruhanjaya telah menubuhkan Pasukan Petugas pada hari yang sama menurut Seksyen 17 Akta 700.

On 28.05.2013, The Commission, in line with the provision under Section 28 Act 700, made the decision to conduct an investigation into the death of ND. For that purpose, the Commission established a Task Force on the same day as per Section 17 Act 700.

Terma rujukan pasukan petugas adalah seperti berikut:

The Task Force's terms of reference were as follows:

(i) Mengenalpasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai/ anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) semasa mengendalikan tahanan tersebut;

(ii) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenalpasti:
   (a) Bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
   (b) Apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures* atau mekanisma yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
   (c) Individu yang bertanggungjawab terhadap salah laku tersebut;

(iii) Mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang;

(iv) Melakukan perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700; dan

(v) Menyedia dan mengedarkan laporan tentang hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

(i) To identify if there had been misconduct as provided under Section 24 Act 700, by PDRM officers while handling the prisoner;

(ii) If misconduct is discovered, they are to be ascertained and identified;
   (a) Why and how the misconduct occured;
   (b) The rules, regulations, Standard Operating Procedures (SOP) or mechanisms that could have caused or instigated the misconduct; and
   (c) The individuals responsible for the misconduct;

(iii) To propose improvements or adjustments of rules, regulations, SOP or mechanisms to ensure that the misconduct is not repeated;

(iv) To take suitable and effective actions which are deemed necessary in or in addition to, executing its functions in the investigation into the custodial death as provided under Act 700; and

(v) To prepare and distribute report on the outcome of the investigation.

Walaubagaimanapun, siasatan pada waktu tersebut ditangguhkan sementara memandangkan terdapat pertuduhan jenayah dibawa oleh Pendakwa Raya terhadap empat pegawai dan anggota polis terlibat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Pada bulan Disember 2014 Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur telah melepas dan membebaskan keempat-empat tertuduh tanpa pembelaan diri dipanggil apabila Yang Arif Hakim memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap keempat-empat tertuduh.

However, the investigation had to be postponed as criminal charges were brought against four police officers by the Public Prosecutor under Section 302 of the Penal Code. In December 2014,the High Court of Malaya in Kuala Lumpur acquitted all four accused without calling for defence when the Judge ruled that the prosecutor had failed to establish a prima facie case against all four defendants.

Berdasarkan kepada pembebasan orang-orang tertuduh oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur (Perbicaraan Jenayah No. WPPJ 46B-02-09/2013 dan Perbicaraan Jenayah No. WPPJ 46B-03-09/2013), EAIC membuat keputusan supaya siasatan secara pendengaran awam kes kematian N. Dharmendran diteruskan untuk mengenalpasti jika terdapat salah laku oleh pegawai dan anggota terhadap si mati tersebut.

Following the acquittal of the accused by the High Court of Malaya (Criminal Trial No. WPPJ 46B-02-09/2013 and Criminal Trial No. WPPJ 46B-03-09/2013), EAIC decided to continue with the investigation into the death of N. Dharmendran through public hearings to ascertain if there was actual misconduct by the officers towards the victim.

EAIC telah mengadakan lima (5) sesi pendengaran bermula pada 27 Julai 2015 dan berakhir pada 16 November 2015. Sesi pendengaran awam tersebut

EAIC held five (5) hearing sessions, from 27 July 2015 till 16 November 2015. The first three sessions were held at Bilik Pendengaran Aras 13, Menara

telah dijalankan di Bilik Pendengaran Aras 13, Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur (premis SUHAKAM) bagi sesi pertama hingga ketiga dan di Bilik Pendengaran EAIC bertempat di Menara Usahawan, Presint 2, Putrajaya bagi sesi keempat dan kelima.

TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur (SUHAKAM premises) while the fourth and fifth sessions were held at Bilik Pendengaran EAIC at Menara Usahawan, Presint 2, Putrajaya.

Memandangkan ini merupakan pendengaran awam pertama yang dijalankan oleh EAIC, persediaan-persediaan yang rapi dan teliti telah dijalankan merangkumi aspek penyediaan Garis Panduan Peraturan-Peraturan, Prosedur dan Amalan Pendengaran Awam (versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), pelantikan Urus setia, pegawai-pegawai prosiding, penyediaan soalan dan dokumen-dokumen yang berkaitan, aturan tempat pendengaran, penyewaan sistem audio-visual dan lain-lain persediaan yang berkaitan.

As this was the first time EAIC was conducting a public hearing, special attention was paid to the preparations which included preparing the Rules, Procedures and Practises (Malay and English versions), appointing the Secretariate and proceedings officers, preparing questions and relevant documents, arranging the venue, and renting an audio-visual system.

Prosiding-prosiding pendengaran awam tersebut telah dipengerusikan oleh panel Pasuruhjaya iaitu YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam (Pengerusi EAIC), YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan (Pesuruhjaya), YBrs. Puan Leong May Chan (Pesuruhjaya) dan YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu (Pesuruhjaya).

The proceedings were chaired by a panel of Commissioners comprising of YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam (EAIC Chairman), YBrs. Encik Vinayak Prabhakar Pradhan (Commissioner), YBrs. Puan Leong May Chan (Commissioner) dan YBhg. Dato' Sri Robert Jacob Ridu (Commissioner).

Sepanjang sesi Pendengaran awam berlangsung, ia turut dibantu oleh tiga (3) orang Perunding khas yang dilantik oleh EAIC iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Jamil Johari yang merupakan mantan Timbalan Ketua Polis Negara, YBhg. Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Binti Syed Hasan Shahabudin yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan, dan En. Lim Chee Wee yang merupakan pengamal undang-undang serta mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia.

Throughout the hearing session, they were assisted by three (3) Consultants appointed by EAIC: YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Jamil Johari, former Deputy Inspector-General of Police; YBhg. Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Binti Syed Hasan Shahabudin, leading medical expert; and En. Lim Chee Wee, legal practitioner and former President of the Malaysian Bar Council.

Bagi memastikan pendengaran awam ini dapat dijalankan dengan telus, EAIC juga turut menjemput pihak-pihak yang berkepentingan untuk turut serta menyertai pendengaran awam. Pihak-pihak berkepentingan yang telah dijemput adalah keluarga si mati (ND) /peguam yang dilantik, wakil PDRM, wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN), wakil Majlis Peguam Malaysia dan wakil SUHAKAM. Peguam yang mewakili pihak-pihak yang berkepentingan telah dibenarkan untuk melakukan pemeriksaan ke atas saksi-saksi yang dipanggil dan dokumen-dokumen eksibit yang dikemukakan dalam pendengaran awam tersebut.

Since being transparent has always been an important aspect, EAIC also invited parties with vested interest to paticipate in the public hearings. Amongst them were the family of the deceased (ND)/an elected solicitor, and representatives from PDRM, Ministry of Home Affairs (KDN), Malaysian Bar Council and SUHAKAM. The solicitor representing the relevant parties were allowed to examine the witnesses and document exhibits which were presented during the course of hearing.

Pendengaran awam tersebut telah selesai pada 16 November 2015 setelah saksi ke 62 selesai memberi keterangan. Laporan penuh siasatan sedang disediakan oleh Pasukan Petugas EAIC dan dijangka akan dimuktamadkan bagi dedahan umum pada bulan April 2016.

The hearing was concluded on 16 November 2015 following the statements of 62 witnesses.The full investigation report is currently being prepared by the EAIC's Task Force and is expected to be ready for public viewing in April 2016.

PERUNDANGAN

LEGISLATION

PINDAAN AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700]

EAIC telah mengambil langkah proaktif untuk mengkaji semula Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] bagi memastikan fungsi dan mandat yang diberikan kepada EAIC dapat dijalankan dengan lebih efektif dan berkesan seiring dengan kehendak dan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan integriti semua pegawai penguatkuasa dan agensi-agensi penguatkuasaan.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Pindaan Akta 700 di peringkat EAIC telah dibentuk untuk mengkaji kelemahan peruntukan-peruntukan dalam Akta sedia ada bagi tujuan penambahbaikan dan membuat penggubalan undang-undang pindaan Akta 700.

Pada 5 Januari 2015, satu Mesyuarat Khas Suruhanjaya Bil. 1 Tahun 2015 telah diadakan bagi membincangkan draf awal pindaan yang telah dicadangkan Jawatankuasa Pindaan Akta 700. Mesyuarat tersebut telah bersetuju agar YBrs. Puan Leong May Chan dilantik mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pindaan Akta 700. Mesyuarat telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada 21 Januari 2015 dan 6 Februari 2015 bagi melihat semula semua cadangan pindaan yang telah dibuat.

Cadangan pindaan kemudian telah dikemukakan semula dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 4 Tahun 2015 pada 26 Mac 2015 di mana beberapa cadangan pindaan telah diminta untuk dilihat semula. Pada 23 April 2015 satu lagi Mesyuarat Jawatankuasa Pindaan Akta 700 yang turut dihadiri oleh Penasihat Undang-undang (PUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), telah diadakan bagi mendapatkan pandangan berkaitan pindaan tersebut. Dalam perbincangan tersebut, PUU JPM telah menasihatkan agar EAIC mendapatkan maklumbalas daripada agensi-agensi berkaitan terlebih dahulu sebelum pindaan ini dibawa ke peringkat seterusnya.

Susulan daripada perbincangan ini juga, EAIC telah menghantar surat bertarikh 19 Mei 2015 kepada semua agensi seliaan EAIC termasuk SPRM bagi mendapatkan pandangan awal berkenaan dengan

AMENDMENTS TO THE ENFORCEMENT AGENCY INTEGRTY COMMISSIONACT 2009 [ACT 700]

EAIC has taken steps to review the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 7000] to ensure the functions and mandates bestowed upon EAIC could be conducted more effectively, in line with the aspirations and objectives of the Government to enhance the integrity of all enforcement officers and enforcement agencies.

As such, the Act 700 Amendment Committee at EAIC level, was formed to study the weaknesses in the provisions of the Act in order to improve and make the necessary legislative amendments to Act 700.

On 5 January 2015, a Special Commision Meeting (No. 1 Year 2015) was convened to discuss the initial amendment draft which had been reccommended by the Act 700 Amendment Committee. The Meeting agreed that YBrs. Puan Leong May Chan be appointed to chair the Act 700 Amendment Committee meetings. Two (2) more meetings were held particularly on 21 January 2015 and 6 February 2105 to review the recommendations of amendments.

The recommendations of amendments were then presented again in the 4th Commission Meeting in 2015 during which a few of the recommendations were asked to be further reviewed. On 23 April 2015, another meeting of the Act 700 Amendment Committee was held. Also in attendance was the Legal Advisor (PUU) from the Prime Minister's Department (JPM) who gave his views on the recommendations. The PUU suggested that EAIC seek feedback from the relevant agencies prior to taking the recommendations of amendements to the next level.

Following the meeting, EAIC issued letters dated 19 May 2015 to all agencies under its purview including SPRM to obtain initial feedback on the amendments to Act 700 which would be further discussed during

pindaan-pindaan dasar kepada Akta 700 yang akan dibincangkan secara terperinci dalam Bengkel Kajian Semula Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] yang diadakan pada 17 Jun 2015.

the Enforcement Agency Integrity Commission act 2009 [Act 700] Review Workshop which was held on 17 June 2015.

Pada 10 Jun 2015, wakil Suruhanjaya juga turut mengadakan perbincangan bersama Penasihat Undang-undang, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk mendapatkan pindaan awal berkenaan cadangan pindaan yang melibatkan perkara-perkara dasar.

On 10 June 2015, a Commission representativeheld a discussion with Legal Advisors from the Public Service Department (JPA) and representatives from the Public Service Commission (SPA) on matters regarding the initial ammendments that involved policies.

Pada 17 Jun 2015, bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya satu Bengkel Kajian Semula Akta 700 telah diadakan yang telah dihadiri oleh seramai 49 orang peserta yang merupakan Pegawai-pegawai Kanan agensi-agensi penguatkuasaan seliaan EAIC, wakil daripada agensi-agensi yang berkepentingan seperti PUU JPM, wakil daripada JPA, wakil daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan wakil daripada Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM.

On 17 June 2015, a Workshop on Reviewing Act 700 was held at Bangi-Putrajaya Hotel. The 49 attendees comprised of senior officials from enforcement agencies under the purview of EAIC, representatives from related agencies such as the PUU from JPM, JPA, AG's Chambers (AGC), the Integrity and Standards Compliance Department, and PDRM.

Semasa Bengkel ini, perkara-perkara dasar yang dicadangkan untuk dipinda telah dibentangkan kepada semua peserta bagi tujuan mendapatkan input dan maklumbalas peserta berhubung pindaan yang dicadangkan.

During the course of Workshop, the policies that were being considered for amendments were presented to the participants to get their input and feedback on the recommended amendments.

Berdasarkan maklumbalas tersebut, segala pindaan ditambahbaik semula dan kemudiannya telah dipanjangkan semula kepada pihak PUU JPM dalam format rang undang-undang untuk diteliti. Dengan penambahbaikan daripada pihak PUU JPM, draf Rang Undang-undang ini kemudiannya telah dipanjangkan kepada Bahagian Gubalan, AGC melalui Pejabat PUU, JPM. Satu mesyuarat berkenaan pindaan ini

Based on the feedback, the amendments were rewritten and forwarded back to the PUU JPM in bill format. Upon further adjustments by the PUU JPM, the bill drafted was sent to the Drafting Section, AGC via the PUU Office, JPM. A meeting was then held on 8 September 2015 to discuss on the amendments. Attendees included representatives from the Drafting Section, AGC and PUU, JPM. During the meeting, the

juga telah berlangsung dengan dihadiri oleh wakil Bahagian Gubalan, AGC dan PUU, JPM pada 8 September 2015 dan pada mesyuarat tersebut wakil AGC telah meminta EAIC untuk menambahbaik beberapa cadangan pindaan sebelum ia dihantar untuk diteliti semula. Rentetan daripada perbincangan tersebut, satu lagi perjumpaan dengan Bahagian Pendakwaan, AGC telah diadakan pada 8 Oktober 2015.

AGC representative requested that EAIC improves on a few of the proposed amendments before being sent for review. Following the discussion, another meeting with the Prosecution Division was held on 8 October 2015.

Pada 3 November 2015, wakil daripada EAIC telah dijemput untuk satu perbincangan dengan cadangan pindaan yang bersangkutan dengan Bahagian Pendakwaan telah diadakan dengan kehadiran YBhg. Datuk Seri Timbalan Peguam Cara Negara I, Jabatan Peguam Negara. Lanjutan daripada perbincangan tersebut, satu mesyuarat dengan wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bahagian Gubalan AGC dan PUU JPM telah diadakan pada 11 November 2015 dipengerusikan oleh YA Datuk Pengerusi EAIC untuk membincangkan isu yang bersangkutan dengan bidang kuasa JPA dan kemas kini draf telah dilakukan berdasarkan persetujuan wakil-wakil agensi terlibat.

On 3 November 2015, an EAIC representative was invited to attend a discussion, held in the presence of YBhg. Datuk Seri Deputy Solicitor General I, AG's Chambers, on the proposed amendments which involved the Prosecution Division. Following that a meeting with representatives from the Public Service Department (JPM); the Drafting Division, AGC; and PUU, JPM was held on 11 November 2015. The meeting was chaired by YA Datuk Chairman EAIC and it aimed to discuss issues related to the jurisdiction of JPA and an updated amendment was drafted based on the agreement of all agencies involved.

Rang Undang-undang ini dikemukakan semula kepada Jabatan Peguam Negara bagi semakan lanjut dan akan dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan dan seterusnya dijangkakan akan dapat dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen yang akan datang pada bulan Mei tahun 2016.

The Bill was then presented again to the AG's Chamber for further revision. It will then be presented for approval at the Cabinet Meeting and it is expected to be presented during the Parlimentary session in May 2016.

ARAHAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Pada 1 Julai 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya satu Arahan Ketua Setiausaha Negara dikeluarkan kepada semua agensi-agensi penguatkuasaaan yang disenaraikan dalam Jadual kepada Akta 700 bagi menghendaki Pihak Berkuasa Tatatertib agensi memberitahu EAIC ke atas semua keputusan tatatertib yang telah diambil berdasarkan kepada syor dan perakuan EAIC. Pada 21 Julai 2015, satu Arahan Ketua Setiausaha Negara telah dikeluarkan kepada pihak berkuasa tatatertib bagi menyampaikan keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri yang mengarahkan supaya Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi-agensi di bawah seliaan EAIC memberitahu EAIC ke atas semua keputusan tatatertib yang diambil berdasarkan dapatan dan syor yang telah dikemukakan oleh EAIC. Selain itu, PBT juga hendaklah memastikan bahawa tindakan dan alasan mengenai keputusannya dimaklumkan kepada EAIC dalam tempoh masa yang ditetapkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 30(2) Akta 700.

CHIEF SECRETARY'S ORDERS

On 1 July 2015, the Cabinet agreed that the Chief Secretary would issue an order to all enforcement agencies listed in the Scheduled in Act 700 to have their PBT inform EAIC of all the disciplinary decisions that had been made based on EAIC's recommendations. On 21 July 2015, the Chief Secretary's Order was issued to all relevant agencies' PBT. At the same time, the PBT were also required to justify their actions to EAIC within the stipulated time as provided for in Section 30(2) Act 700.

KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Telefon : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 3382

Ruj. Kami : JPM.KSN. 100-2/2/5(1)
Tarikh : 21 Julai 2015

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

USAHA MENINGKATKAN KEBERKESANAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (SIAP) MELALUI PEMATUHAN PENGESYORAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH SIAP

Dengan sukacitanya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/ Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*]. SIAP menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana yang termaktub di bawah seksyen 4 Akta 700 yang merangkumi penerimaan aduan salah laku oleh pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan, menyiasat aduan salah laku tersebut dan seterusnya membuat pengesyoran kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan yang disenaraikan dalam Jadual kepada Akta 700 termasuk hukuman yang patut dikenakan terhadap pegawai yang didapati melakukan salah laku seperti mana yang dinyatakan dalam seksyen 30 (1) Akta 700.

3. Bagi memastikan bahawa keberkesanan SIAP dapat ditingkatkan dan objektif penubuhannya dapat dicapai selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan sebagai mana yang telah digariskan dalam Racangan Malaysia ke-11 (RMK11), Kerajaan telah, menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 1 Julai 2015, memutuskan supaya PBT agensi-agensi di bawah seliaan SIAP hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap dapatan-dapatan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh SIAP dalam membuat sesuatu keputusannya. Selain itu, PBT hendaklah memastikan bahawa tindakan dan alasan mengenai keputusannya dimaklumkan kepada SIAP dalam tempoh masa yang ditetapkan sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 30 (2) Akta 700.

4. Sehubungan itu, saya berharap YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/ Datuk/Dato'/Tuan/ Puan dapat memberi keutamaan kepada perkara ini dan mengambil tindakan segera bagi melaksanakannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI DR. ALI HAMSA)

AKTIVITI

ACTIVITIES

Sepanjang tahun ini, EAIC meneruskan beberapa aktiviti utama yang berteraskan pencegahan salah laku dan pengukuhan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Tumpuan dan perhatian juga diberikan terhadap aktiviti-aktiviti promosi dan jalinan hubungan luar bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan, NGO, media massa, dan golongan pemimpin. Program dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Throughout this year, EAIC continued to conduct its main activities which are based on prevention of misconduct and strengthening integrity amongst enforcement officers and agencies. Focus was also given on promotional activities and fostering relations with various parties including government agencies, non-government organisations (NGOs), the media and community leaders. The programmes and activities that were conducted are as follows:

PROGRAM PENCEGAHAN

Tiga program utama bermatlamatkan pencegahan salah laku di kalangan agensi penguatkuasaan telah diselaraskan oleh Seksyen Komunikasi Korporat dengan kerjasama Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi, dan Bahagian Operasi iaitu dialog bersama pengurusan tertinggi, dialog bersama agensi penguatkuasaan seliaan mengikut zon serta lawatan kerja ke agensi-agensi seliaannya di seluruh negara.

PREVENTION PROGRAMMES

The three main programmeson theprevention of misconduct, conducted by the Corporate Communication Section with the cooperation of the Policy, Research and Innovation Division and the Operations Divisions, were dialogues with top management, dialogues with enforcement agencies according to zone and a working visit to agencies under EAIC supervision throughout the nation.

I. DIALOG BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN

Sepanjang tahun 2015, EAIC telah mengadakan beberapa siri dialog pengurusan tertinggi agensi penguatkuasaan seliaan yang telah diketuai oleh Pengerusi EAIC Yang Arif Datuk Yaacob bin Md Sam dan disertai oleh barisan Pesuruhjaya, Setiausaha dan Pengarah-Pengarah Bahagian EAIC.

Objektif utama sesi dialog ini adalah untuk membincangkan isu-isu, tatacara dan peraturan sedia ada berhubung aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan, mendapatkan penjelasan daripada pihak pengurusan tertinggi mengenai hal-hal berbangkit berkaitan agensi tersebut, serta memupuk jalinan kerjasama dan komitmen daripada pengurusan tertinggi tersebut. Senarai sesi dialog yang telah diadakan serta isu-isu perbincangan adalah seperti berikut:

I. DIALOGUES WITH THE TOP MANAGEMENT OF ENFORCEMENT AGENCIES UNDER EAIC SUPERVISION

In 2015, EAIC conducted a few dialogue sessions, with the top managements of the enforcement agencies under its supervision. The sessions were led by EAIC Chairman, YA Datuk Yaacob bin Md Sam, along with the Commissioners, the Secretary and the Directors of EAIC Divisions.

The main objectives of the dialogue sessions were to discuss current issues, procedures, and regulations that were connected to enforcement activities, to get feedback from the top management on current matters related to the agencies, and to forge stronger cooperation and commitment. The list of the dialogue sessions along with the topics that were discussed are as follows:

Jadual 13
Table 13

Bil *No*	Tarikh *Date*	Agensi *Agency*	Tempat *Venue*
1	26 Jan *26 Jan*	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) *Department of Immigration of Malaysia*	Putrajaya
2	3 Mac *3 Mar*	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) *National Registration Department*	Putrajaya
3	14 Apr *14 Apr*	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) *Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*	Putrajaya
4	21 Apr *21 Apr*	Polis Diraja Malaysia (PDRM) *Royal Malaysian Police*	Kuala Lumpur
5	26 Mei *26 May*	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) *Road Transport Department Malaysia*	Putrajaya
6	11 Ogos *11 Aug*	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) *Department of Occupational Safety and Health*	Negeri Sembilan
7	3 Nov *3 Nov*	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) *National Anti-Drugs Agency*	Selangor
8	11 Nov *11 Nov*	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM) *Royal Customs Department of Malaysia*	Putrajaya
9	19 Nov *19 Nov*	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) *Malaysian Maritime Enforcement Agency*	Putrajaya

1. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi JIM

Sesi dialog ini telah diadakan pada 26 Mac 2015 di Ibu Pejabat JIM Putrajaya. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Imigresen YBhg. Dato' Mustafa Hj. Ibrahim. Sepanjang sesi dialog berlangsung, isu-isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Dialogue with the Top Mangement of JIM

The dialogue session was held on 26 March 2015 at the Department of Immigration Office in Putrajaya. The session was chaired by the Director General of Immigration, YBhg. Dato' Mustafa Hj. Ibrahim. The following topics were discussed in the session:

(a) Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara secara atas Talian

Berdasarkan kepada penjelasan JIM, pelaksanaan sistem atas talian ini diperkenalkan sebagai salah satu kaedah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan cekap kepada orang awam. Selain itu, pelaksanaan sistem atas talian ini dapat mengelakkan pemberian rasuah berbanding urusan yang dijalankan di kaunter-kaunter perkhidmatan. Dengan pelaksanaan sistem ini, pegawai dan staf JIM juga dapat memberikan penumpuan kepada tugas-tugas utama Jabatan.

Seterusnya Ketua Pengarah JIM juga menjelaskan bahawa kadar bayaran RM 38.00 yang dikenakan oleh MYeG bagi proses pengeluaran/pembaharuan pas lawatan kerja sementara adalah kos yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian JIM, terdapat ejen yang telah mengenakan caj melebihi bayaran yang dikenakan bagi tujuan mengaut keuntungan.

Dari aspek keselamatan data, pihak pelulus permohonan adalah masih di bawah bidang kuasa JIM dan data yang direkodkan adalah hanya data asas seperti nama, pekerjaan dan nombor passport sahaja. Berdasarkan penerangan, kaunter masih beroperasi secara sementara berikutan terdapatnya permintaan daripada pelbagai pihak.

(a) Online Issuance of Temporary Work Pass

According to JIM, the online system was one of the means of providing a more efficient service to the public. On top of that, the online system was also a more effective means of deterrent from bribery as compared to the over-the-counter service. With the implimentation of the system, JIM officers and staff were able to focus on the primary functions of the Department.

JIM Director General also explained that the fee of RM38.00 that was charged by MyeG for the process of temporary work pass issuance or renewal was the amount that had been determined by the Ministry og Finance. However, from their observation, JIM noted that there were agents that charged more than the required amount solely for profit.

In terms of data security, application approval is still within JIM's jurisdiction and the recorded data is merely basic information such as name,occupation and passport number. Following demand from various parties, the counters were still operational, temporarily.

(b) Penghantaran PATI

Ketua Pengarah JIM memaklumkan bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertanggungjawab melantik ejen melalui tender terbuka untuk menguruskan proses penghantaran pulang PATI. Walau bagaimanapun, JIM masih terlibat untuk menguruskan proses penghantaran pulang sehingga ke pelabuhan yang terlibat.

(b) PATI Repatriation

The Director General of JIM announced that the Ministry of Home Affairs (KDN) was responsible for appointing agents through open tender, to manage the repatriation of illigal immigrants (PATI). However, JIM's involved in the repatriation process remains and only ends at the port.

(c) Pengurusan Depot Tahanan

JIM juga memaklumkan setakat ini JIM mempunyai kemudahan lokap yang diwartakan dan ditempatkan di depot-depot tahanan. Bagi kos makan dan minum tahanan dalam depot, jumlah yang diperuntukkan

(c) Management of Detention Depots

JIM also stated that thus far, it has lockup facilities as gazetted and they are placed at detention depots. The allocation for meals in the depot is RM7.00 per day. The selection of both menu and supplier are

adalah RM 7.00 sehari. Pemilihan menu dan pembekal adalah dipilih melalui tender terbuka oleh KDN. Bagi tahun 2014, sebanyak RM 23 juta telah dibelanjakan bagi menampung kos makan minum untuk kira-kira 10,000 orang PATI yang telah ditahan di depot-depot tahanan. Semasa sesi dialog yang sama, pihak JIM telah membekalkan sesalinan *Standard Operating Procedures* (SOP) Pengurusan Depot Tahanan JIM untuk rujukan EAIC.

through open tender by KDN. In 2014, RM23 million was spent on meals for the approximately 10,000 PATI detainess at the detention depots. At the dialoge session, JIM gave a copy of the Detention Depot Management SOP for EAIC's reference.

JIM turut memaklumkan tentang terdapatnya persepsi umum masyarakat yang menganggap pendatang asing adalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Ketua Pengarah JIM semasa sesi dialog berkenaan menyatakan ia harus diperbetulkan kerana terdapat 2.3 juta orang pendatang asing mempunyai permit yang sah sedang bermaustatin di Malaysia sehingga tahun 2014.

JIM also discussed about the general public assumption that all immigrants are Illegal Immigrants (PATI). JIM Director General stated that the misassumption should be corrected as, as of 2014, there were about 2.3 million immigrants with valid permits living in Malaysia.

2. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi JPN

Sesi dialog ini telah diadakan pada 3 Mac 2015 di Ibu Pejabat JPN, Presint 2, Putrajaya. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPN, YBhg. Dato' Sulaiman Bin Hj Keling. Sepanjang sesi dialog berlangsung, isu-isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

(2) Dialogue with the Top Management of JPN

A dialogue session was held on 3 March 2015 at the National Registration Department (JPN) Office at Putrajaya. The session was chaired by the Director General of JPN, Dato' Sulaiman bin Hj Keling. The issuesdiscussed are as follows:

(a) Penerangan tentang Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah

Penerangan diberikan berhubung lapan (8) terma rujukan di bawah Laporan RCI. Turut dibentangkan adalah dapatan-dapatan siasatan berdasarkan kelapan-lapan terma seperti berikut :

i. Bilangan Kad Pengenalan (KP) baru yang dikeluarkan kepada pendatang ialah 67,675 dan bahawa bilangan pendatang di Sabah yang telah diberikan kerakyatan ialah 68,703 sejak 1963 hingga 31 Ogos 2013. Angka ini dianggap sebagai angka rasmi;

ii. Suruhanjaya dapati tiada petunjuk yang jelas bahawa tatacara berhubung pengemukaan maklumat dan dokumen yang diperlukan telah tidak dipatuhi oleh JPN. Walau bagaimanapun, tatacara ini telah disalah guna dengan mengemukakan maklumat tidak tepat dan disahkan oleh ketua kampung bagi memudahkan pengeluaran kad pengenalan;

iii. Suruhanjaya dapati tiada keterangan yang dikemukakan oleh mana-mana saksi berkaitan kerakyatan yang tidak mengikut Perlembagaan. Suruhanjaya dapati terdapat keterangan mencukupi menunjukkan pendatang asing diberikan kad pengenalan biru secara haram oleh sindiket individu tertentu yang kemudiannya mendaftar diri sebagai kru dalam daftar pemilih;

iv. JPN telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan sistem secara beransur-ansur dalam menangani penyalahgunaan yang dilakukakan oleh sindiket dan individu, termasuklah pengeluaran secara berpusat, kad pengenalan pintar berevolusi, penambahbaikan *Standard Operating Procedure* (SOP) pemberian kad pengenalan, penubuhan unit khas Sabah Sarawak, penubuhan Unit Bergerak, penggunaan sistem *Link- Up Information System* (ALIS) yang turut memberi manfaat kepada agensi lain.

(a) Explanation on Royal Commission Investigation (RCI) Report on illigant immigrants in Sabah

The eight (8) terms of reference in the RCI Report were explained. Also presented were investigation findings that were based on the eight terms, as follows:

i. 67, 675 new Identity Cards (KP) have been issued to immigrants and 68, 703 immigrants to Sabah have been granted citizenship from 1963 to 31 August 20143. The number is considered an official account;

ii. The Commission found no clear evidence that JPN had not adhered to correct procedures involving the submission of information and documents. However, the procedures were misused in terms of wrong information being presented and certified by village chiefs so as to facilitate identity card issuance;

iii. The Commission found no statements presented by witnesses regarding the issue of citizenship that did not abide by the Constitution. The Commission found evidence that the immigrants had been given blue identity cards illegally by a certain individual's syndicate. The individual later registered himself as part of the selection registration crew;

iv. JPN has implemented various initiatives to enhance the system in stages, to overcome the activities of syndicates and individuals. They included centralised productions, the introduction of an evolving smart card, improvement of the SOPin identity card issuance, the establishment of the Sabah-Sarawak special unit, the establishment of the Mobile Unit, and the use of the Link-Up Information System (ALIS) which also benefits other agencies;

v. Suruhanjaya mengenal pasti terdapat tiga jenis pendatang, iaitu pendatang tanpa izin, pelarian dan orang tidak bernegara. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan populasi di Sabah adalah pemberontakan Mindanoa yang menyebabkan perpindahan masyarakat Suluk dan Bajau di Filipina Selatan ke Sabah, faktor ekonomi, faktor menolak dan faktor menarik yang menyebabkan penghijrahan orang Filipina dan Indonesia ke Sabah untuk mencari peluang pekerjaan dan ekonomi yang lebih baik. Selain itu terdapat anggapan bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Filipina. Faktor seterusnya adalah terdapatnya sindiket dan individu yang tidak berintegriti dalam pengeluaran Kad Pengenalan Malaysia dan dokumen lain secara haram.

vi. Suruhanjaya mendapati melalui statistik, kos perbelanjaan negara meningkat lanjutan daripada peningkatan kos perbelanjaan kawalan penyakit meningkat, serta kos perubatan yang tidak dibayar semula.

(b) Penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh JPN

Modus Operandi

Bagi mengatasi masalah pengeluaran kad pengenalan tidak teratur, pengeluaran kad pengenalan *duplicate* serta penggunaan kad pengenalan sementara secara kekal, JPN telah mengambil tindakan seperti berikut :

Tindakan Pembetulan

- Semua rekod yang dikeluarkan dari tahun 1979 hingga tahun 1993 di Sabah telah disemak semula dan disiasat dengan memanggil semua pemegang kad pengenalan yang dikhuatiri tidak teratur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 75,000 rekod tidak dikeluarkan sebarang gantian kad pengenalan dan nombor dibatalkan.

Pencegahan

- Akuan sumpah telah dimansuhkan pada 1987. Setiap permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan hendaklah mempunyai sijil lahir dan sijil kewarganegaraan.

v. The Commission identified three types of immigrants: the illegal immigrants, runaways and stateless individuals. Among the factors which contributed to the rise of Sabah's population was the Mindanoa revolution which caused the migration of the Suluk and Bajao tribes from Southern Phillipines to Sabah, economical factors and an attraction factor which has resulted in the contant immigration of both the Phillipinos and Indonesians to Sabah in search of jobs and better economy. Aside from that, there is also the assumption that Sabah is part of the Phillipines. Another factor is the syndicates and corrupted individuals who are issuing Malaysian Identity Cards and other documents illegally.

vi. The Commission also discovered, through statistics, that the national expenditure increased following the increase of disease control costs as well as unpaid medical costs.

(b) Improvements implemented by JPN

Modus Operandi

To overcome the problem of unsystemetic issuance of identity cards, the production of the duplicate identity cards, and permanent usage of temporary identity cards, JPN has taken the following actions:

Corrective Actions

- *All records issued from 1979 to 1993 in Sabah were reviewed and investigated by calling all dubious identity card holders. From that number, 75,000 records were not replaced and the number was cancelled.*

Prevention

- *The sworn statement was abolished in 1984. Each application for an identity card must have a birth cerificate and a citizenship certificate.*

- Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang diseragamkan pemakaiannya menggantikan peraturan pendaftaran di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

- Pemusatan (Centralisation) pengeluaran kad pengenalan menggunakan sistem cap jari bersepadu yang dahulunya dikeluarkan oleh negeri.

- Bagi kad pengenalan bermasalah di negeri Sabah, Kerajaan telah melaksanakan Jawatankuasa Khas di JPN Sabah dan Ibu Pejabat di mana keputusan dibuat secara berpanel.

- Tatacara atau SOP mengikut piawaian antarabangsa dan juga Piawaian Keselamatan ICT mengikut standard yang ditetapkan.

- Penubuhan Unit Integriti bagi memantau pematuhan peraturan yang ditetapkan.

- Reka bentuk dan struktur kad pengenalan yang ditambah baik dari semasa ke semasa.

- Penggunaan sistem *Link- Up Information System* (ALIS) oleh JPN telah memberi manfaat kepada agensi Kerajaan dari segi perkongsian data.

- Penggunaan *centralized user id* secara biometrik, di mana setiap permohonan yang dibuat hendaklah diluluskan oleh Penyelia atau Ketua Pejabat yang hanya menggunakan cap jari sahaja.

- Unit Khas Bergerak secara online yang bertujuan memudahkan urusan pengesahan identiti terutama di kawasan pedalaman dan secara tidak langsung mengelakkan penyelewengan.

(c) Pendaftaran Kelahiran dan Kematian

EAIC turut membangkitkan isu berhubung pendaftaran kelahiran dan kematian di kawasan pedalaman. Berdasarkan penerangan yang diperolehi, terdapat segelintir penduduk tidak mendaftarkan kelahiran dan kematian waris. Walau bagaimanapun, mereka masih boleh mendaftar

- *The 1990 National Registration Regulations which have been streamlined have replaced the registration regulations in Sabah, Sarawak and the Peninsula.*

- *Identity card issuance, applying an intergrated fingerprint system, is now centralised and not issued by state.*

- *For identity card problems in Sabah, the Government has established a Special Committee at JPN Sabah and at Head Quarters where paneled decisions are made.*

- *Procedures or SOP follow international standards as well as the ICT Security Standards, based on set standards.*

- *The Integrity Unit has been established to monitor rule compliance.*

- *Card design and structure are constantly being improved.*

- *The use of the Link-Up Information System (ALIS) by JPN has benefitted other government agencies in terms of data sharing.*

- *JPN has applied the biometric approach of the centralised user id, where each application only uses a finger print and requires the approval of either the Supervisor or the Head of the Office;*

- *The Special Mobile Unit was established to simplify identity confirmation, especially in the rural areas and this, indirectly prevents mis appropriation.*

(c) Registration of Birth and Death

EAIC also raised the issue of birth and death registration in rural areas. Based on the information received, some of the population have not registered the births and deaths of their kin. However, they can still do so and just be declared as late registration. JPM further highlighted their efforts to enable the

dan dikira sebagai daftar lewat. Berhubung perkara tersebut, JPN memaklumkan pelbagai usaha termasuk 'turun padang' telah dilakukan untuk membolehkan penduduk melaporkan kelahiran dan kematian dengan kadar segera bagi membolehkan rekod dikemaskini.

rural folk to immediately report either birth or death to ensure the records are up to date.

Mengenai prosedur pemberian kewarganegaraan kepada penduduk asing dan anak yang dilahirkan di Malaysia, JPN telah memaklumkan terdapat dua kaedah pemberian warganegara iaitu melalui penguatkuasaan undang-undang (operation of law), naturalisasi dan pendaftaran. Bagi anak yang dilahirkan sebelum perkahwinan, mereka perlu mendapatkan pengesahtarafan daripada mahkamah dan kemudiannya membuat permohonan kepada JPN untuk kewarganegaraan di bawah Artikel 15 A untuk mendapatkan kelulusan Menteri.

Regarding the matter of awarding citizenship to immigrants and their children born in Malaysia, JPN explained that there were two methods of granting citizenship: the operation of the law, naturalisation and registration. For children born out of wedlock, they would need to obtain legitimation from the court and then send in their application for citizenship under Article 15A to JPN for Ministerial approval.

(d) Penggunaan MYKad

EAIC membangkitkan mengenai fungsi penggunaan kad pengenalan sebagai lesen, kad ATM, kad *Touch N Go* dan fungsi-fungsi lain. Menurut JPN penggunaan fungsi MYKad masih di tahap minimum berikutan persepsi masyarakat untuk menjaga keselamatan MYKad. Selain itu, pengeluaran kad ATM oleh pihak bank untuk tujuan keuntungan menyebabkan fungsi lain dalam kad pengenalan tidak digunakan dengan maksima.

(d) MYCard Usage

EAIC also raised the issue of the functions of the identity card as driving license, ATM card, Touch N Go card etc. According to JPN, the MYCard functions were still at a minimum following the public's concern over security. On top of that, profit based bank-issued ATM cards were also a reason why the other functions of the MYCard were not being fully utilised.

(e) Kuasa Penyiasatan dan Penguatkuasaan

JPN dalam memberikan maklum balas berhubung sejauh mana bidang kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan yang dimiliki, memaklumkan bahawa bidang kuasa untuk menyiasat dan penguatkuasaan hanya terhad kepada Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 contohnya berkaitan sijil lahir palsu dan kad pengenalan palsu. Selain itu, peraturan 25 mengehadkan kuasa siasatan kepada individu sahaja dan tidak melibatkan sindiket.

(e) Investigation and Enforcement Authority

When asked about the extent of its authority to investigate and enforce, JPN stated that its jurisdiction is limited to the 1990 National Registration Regulations, for example issues related to fake birth certificates or fake identity cards. Aside from that. Regulation 25 further limits its jurisdiction only to individuals and not to syndicates.

(f) Pelupusan Kad

EAIC turut mendapatkan penjelasan berhubung kaedah pelupusan kad-kad pengenalan lama oleh JPN. Menurut JPN, sebelum kad-kad tersebut

(f) Card Disposal

EAIC was also given an explanation regarding JPN's old identity card disposal methods. According to JPN, before the cards are disposed of, they will

dilupuskan, ia akan melalui satu prosedur yang ketat. Satu jawatankuasa akan dibentuk untuk memastikan kesemua kad untuk dilupuskan adalah sama sebagaimana jumlah seperti dalam sistem, sebelum ia dilupuskan melalui kaedah pembakaran dalam insinerator.

undergo a strict procedure. A committee is formed to ensurethat the number of cards to be disposed of in the incinerator, is the same as in the system.

(g) Keselamatan Dokumen

Dari segi keselamatan, dokumen fizikal disimpan dalam bilik kebal yang hanya boleh diakses menggunakan cap jari pegawai yang telah diturunkan kuasa sahaja. Bagi dokumen digital, keselamatan penjagaan data adalah mengikut piawaian *Information Security Management System* (ISMS) *Certification.*

(g) Document Security

In terms of security, physical documents are kept in a vaultwhich can only be accessed by an authorised officer's fingerprint. Digital documents and data are kept secured according to the standards set by the Information Security Management System (ISMS) Certification.

(h) Pengauditan

Proses pengauditan di JPN adalah secara berkala iaitu melalui pengauditan oleh ISO dan naziran integriti. Naziran integriti diadakan secara mengejut (ad hoc) untuk memantau dari segi pematuhan kepada prosedur kerja dan dari segi sudut integriti pegawai dan kakitangan. Proses pengauditan oleh ISO dilaksanakan pada setiap tahun untuk mengaudit daripada pelbagai sudut termasuklah prosedur kerja, keselamatan data dan penyelenggaraan.

(h) Auditing

The JPN audit process takes place regularly through ISO auditing and integrity inspection. Surprise integrity inspections are conducted ad hoc to monitor compliance with work procedures and integrity of officers and staff. The ISP auditing process takes place once a year and the audit covers every aspect including work procedure, data security and maintenance.

3. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi KPDNKK

Sesi dialog ini telah diadakan pada 14 April 2015 di Ibu Pejabat KPDNKK Putrajaya. Ia telah dipengerusikan

3. Dialogue with the Top Management of KPDNKK

A dialogue session was held on 14 April 2015 at the KPDNKK Headquarters, Putrajaya. The session was

oleh Ketua Setiausaha KPDNKK iaitu YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad.

chaired by the KPDNKK Chief Secretary YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad.

EAIC dimaklumkan dalam usaha membanteras penyelewengan barang-barang kawalan bersubsidi terdapat beberapa akta dan peraturan yang dikuatkuasakan di bawah teras strategik penguatkuasaan Kementerian iaitu Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Sewa Beli 1967, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Timbang dan Sukat 1972, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993, Akta Perlindungan Pengguna dan Akta Cakera Optik 2000 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001.

EAIC was informed that efforts to eradicate abuse of subsidised controlled goods fall under acts and regulations which are provided for under the Ministry's strategic enforcement thrust: the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, the Control of Supplies Act 1961, the Hire Purchase Act 1967, the Weights and Measures Act 1972, theCopyright Act 1987, the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993, the Consumer Protection Act and Optical Discs Act 2000 and the Anti-Money Laundering And Anti–Terrorism Financing Act (AMLATFA) 2001.

Antara fokus isu yang diperbincangan adalah berkaitan tindakan penguatkuasaan oleh pihak Kementerian ke atas kes-kes penipuan 'gores dan menang' dan penyeludupan diesel.

Another issue that was discussed was the Ministry's enforcement actions on the 'scratch and win" scams and the diesel smuggling cases.

(a) Penyeludupan Diesel

(a) Diesel Smuggling

Dalam usaha membanteras kegiatan penyeludupan diesel yang berleluasa, KPDNKK memaklumkan pihak Kementerian telah melancarkan Ops Titik pada 15 Mei sehingga 31 Disember 2014. Operasi penguatkuasaan ini telah dijalankan secara bersepadu di bawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara yang ditubuhkan pada tahun 2011 secara khusus untuk membanteras penyelewengan diesel dan petrol bersubisidi.

In its effort to eradicate rampant smuggling activities, KPDNKK had conducted Ops Titik from 15 May to 31 December 2014. The enforcement operation was carried out under the AG's Chambers Special Force Team which was established in 2011 specifically to eradicate subsidized petrol and diesel swindling.

Sepanjang tempoh pelaksanaan operasi ini pihak Kementerian telah berjaya menumpaskan 516 cubaan menyeleweng bahan petroleum bersubsidi dengan nilai rampasan yang dianggarkan RM 24.36 juta. Operasi ini telah memberikan impak yang memberangsangkan sehingga Disember 2014 di mana permintaan terhadap diesel bersubsidi telah berjaya dikurangkan. Seterusnya pihak Kementerian juga memaklumkan KPDNKK telah mengambil langkah mengehadkan penjualan diesel tidak melebihi 60 ribu liter dalam tempoh sebulan bagi mengatasi masalah *stock out* minyak diesel di stesen-stesen minyak.

Duringthe operation, the Ministry managed to bust 526 subsidised petroleum swindling cases and seized approximately RM24.36 million worth of goods. The operation made a huge impact and the demand for subsidised diesel was successfully reduced. Following that, KPDNKK also took steps to limit diesel sale to not exceeding 60 thousand litres in a month to overcome the problems of diesel stock-out at gas stations.

(b) Kes Penipuan Gores dan Menang

Pihak Kementerian mengakui sejak tahun 2001 ratusan laporan mengenai kes-kes penipuan gores dan menang telah dikemukakan kepada pihaknya, namun sindiket-sindiket ini tidak pernah serik menjalankan kegiatan haram ini sebaliknya sentiasa mengubah modus operandi untuk mengaut keuntungan jutaan ringgit. Pihak Kementerian sentiasa giat mengenal pasti beberapa syarikat yang dikesan 'melindungi' sindiket gores dan menang. Usaha ini turut mendapat kerjasama pihak polis, persatuan-persatuan pengguna dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini disusuli dengan kerjasama daripada semua pasar raya besar untuk memastikan 'ulat' itu tidak dibenarkan menjalankan kegiatan di premis mereka memandangkan sasaran utama kumpulan itu adalah di lokasi tumpuan orang ramai.

EAIC dimaklumkan pada masa ini masih tiada undang-undang khusus yang boleh dikaitkan dengan kes-kes penipuan gores dan menang yang membolehkan tangkapan terus dibuat dan tindakan pendakwaan sukar dan lambat diambil. Sehubungan dengan itu, antara langkah penguatkuasaan ke atas sindiket gores dan menang yang dijalankan oleh pihak Kementerian adalah melalui Akta Jualan Langsung 1993 (bagi perniagaan jualan langsung tanpa lesen) dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (bagi kes-kes penipuan). Pada masa ini pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah undang-undang kecil di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk membanteras dan mengharamkan kegiatan penipuan gores dan menang.

(b) Scratch and Win Scams

The Ministry admitted that since 2001, they have received hundreds of reports on scratch and win scams, but the syndicates continued to thrive by constantly changing their modus operandi to garner profit worth millions. The Ministry had identified a few companies that appeared to be covering the syndicates. The effort also involved cooperation from the police, consumer associations and the Companies Commission of Malaysia (SSM). This was followed by support by all malls to ensure that the scam artists were not allowed to conduct any activity within the premises as their focus appeared to be public places.

EAIC was informed that at the moment, there was no specific law that could be linked to the scratch and win scams and provide for arrests and subsequent prosecution. As such, some of the actions taken by the Ministry on this matter was as provided by the Direct Selling Act 1993 (for unlicensed direct selling) and the Consumer Protection Act 1999 (for fraud cases). The Ministry also suggested the establishment of a by-law under the Consumer Protection Act 1999 to declare the scratch and win scam as illegal.

(c) Caj Perkhidmatan

Sehubungan dengan penerimaan aduan daripada badan bukan Kerajaan kepenggunaan berkenaan isu kutipan caj perkhidmatan sebanyak 10% yang dikenakan industri perhotelan dan industri *'Food and Beverages'* (F&B), EAIC dimaklumkan sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh pihak Kementerian untuk mengkaji prosedur pelaksanaan caj perkhidmatan di negara ini. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh beberapa agensi lain yang berkaitan iaitu Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam

(c) Service Charges

After receiving complaints from non-government bodies regarding service charges implemented by the hotel and the F&B industries reaching as much as 10%, EAIC was informed that a special committee had been formed by the Ministry to study the procedure in implementing service charges in this country. The committee comprised other relevent agencies: Finance Ministry, Royal Customs Department of Malaysia, Ministry of Human Resource and Ministry of Tourism and Culture. The committee

Diraja Malaysia, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Melalui jawatankuasa ini, pihak Kementerian akan mengenal pasti mekanisme untuk mengawal selia caj perkhidmatan termasuk rangka kerja kawal selia untuk isu caj perkhidmatan dan menentukan peraturan perundangan untuk pelaksanaan kawal selia.

will help the Ministry get a better understanding of the mechanisms involved in regulating service charges, formulate the regulatory framework for implementing service charges and determine the regulations for monitoring its implementation.

Selanjutnya EAIC dimaklumkan sehingga kini pihak Kementerian memutuskan hanya premis yang mempunyai Perjanjian Kolektif (CA) dengan pihak kesatuan pekerja atau termaktub dalam kontrak pekerja, boleh mengenakan caj berkenaan. Pemilik premis juga diwajibkan untuk mempamerkan notis makluman bahawa mereka mengenakan caj perkhidmatan di premis masing-masing agar pengguna boleh membuat pilihan.

EAIC was also informed that till that moment, the Ministry had decided that only premises with a collective agreement (CA) with the workers' union or as stated in the employee contract may implement those charges. It is also mandatory for premise owners to put up notices regarding the service charges at the respective premises to allow the consumer to make his selection.

Dalam hal ini pihak Kementerian turut menyuarakan kegusaran mereka berkaitan isu pengesahan CA dan pengesahan kontrak pekerja yang dituntut oleh pengguna terhadap pihak Kementerian. EAIC mengesyorkan isu-isu sebegini boleh dirujuk di bawah Akta Perhubungan Perusahaan.

The Ministry expressed its frustration regarding the issues of confirming CA and employee contracts which were being demanded by the consumers. EAIC recommended that the issue be refered to the Industrial Relations Act.

(d) Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Good Service Tax)

(d) Implementation of the Goods Service Tax

EAIC dimaklumkan mengenai usaha pihak Kementerian dalam memastikan pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang telah bermula sejak 1 April 2015 antaranya dengan mengadakan perjumpaan dengan peniaga, pembekal dan juga pemborong untuk memastikan harga barangan sentiasa terkawal. Usaha sebegini akan diadakan secara konsisten bagi mengelakkan berlakunya perkara berbangkit kerana pelaksanaan GST dijangka memberi satu cabaran baru kepada pengguna, peniaga, pemborong, pembekal dan juga Kerajaan. Selain itu, pihak Kementerian akan sentiasa memantau harga barang dan perkhidmatan bagi melihat perubahan harga di pasaran susulan pelaksanaan GST bagi mengelakkan peniaga mengaut keuntungan secara tidak munasabah. Pihak Kementerian turut membuka bilik gerakan 24 jam bagi mengambil aduan dan kemusykilan berkaitan GST. Notis siasatan akan dikeluarkan kepada syarikat dan

EAIC was informed of the Ministry's efforts in ensuring the implementation of GST which commenced on 1 April 2015. These included meetings with traders, suppliers and retailers to ensure that the price of goods were controlled. The efforts were consistent to prevent any issues from arising as GST posed a new challenge for the consumers, traders, retailers and suppliers as well as the Government. Aside from that, the Ministry was constantly monitoring the price of goods and services following the implementation of GST to prevent any trader from profiting unreasonably. The Ministry also opened a 24-hour operations room to receive complaints and queries regarding GST. Investigation notices will be issued to companies and traders involved in the complaints and the parties concerned are given three days to respond and provide an explanation. As of the moment, the complaints involved food outlet premises, prepaid cards and food price tags at groceries.

peniaga berkaitan aduan GST dan pihak terbabit akan diberikan tempoh selama tiga hari untuk memberi penjelasan. Setakat ini antara aduan yang diterima membabitkan premis kedai makan, kad prabayar dan tanda harga bahan makanan di kedai runcit.

Pihak Kementerian mengesyorkan supaya setiap hasil siasatan oleh pihak EAIC contohnya hukuman ke atas salah laku yang disabitkan adalah sewajarnya terus diadaptasi / dilaksanakan oleh pihak berkuasa tatatertib agensi penguatkuasaan terlibat. YBhg Dato' Sri Alias turut mengalu-alukan pihak EAIC menjalankan proses pengauditan terutama terhadap tatacara / prosedur penguatkuasaan KPDNKK yang mempunyai kecenderungan terhadap salah laku dan pelanggaran integriti.

The Ministry suggested that following EAIC's investigation findings, for example,sentencing or punishment of any convicted acts of misconduct should be done by the disciplinary body of the respective enforcement agency. YBhg. Dato' Sri Alias also invited EAIC to conduct an audit in the Ministry, focusing especially on KPDNKK's enforcement procedures that may have a tendency towards misconduct and violation of integrity.

EAIC menyambut baik cadangan ini dan mengalu-alukan sekiranya tindakan tatatertib oleh pihak berkuasa tatatertib agensi penguatkuasaan dilaksanakan dengan mengambil kira keterangan, perakuan dan dapatan serta syor yang dikemukakan oleh EAIC.

EAIC welcomed the suggestion and expressed their appreciation if the disciplinary actions of respective disciplinary boards of the respective enforcement agences took into consideration, the information, recommendations and findings that are presented by EAIC.

(e) Pelaksanaan Ikrar Integriti

(e) Implementation of the Integrity Oath

EAIC dimaklumkan semua pemegang lesen perdagangan di bawah KPDNKK perlu menandatangani Ikrar Integriti Korporat bagi memastikan perkhidmatan ditawarkan bebas elemen tidak sihat. Menurut pihak Kementerian, pelaksanaan ikrar itu akan dilakukan secara berperingkat dan berdasarkan jumlah pemegang lesen yang begitu banyak, kawalan dan pemantauan ketat perlu dibuat bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah terbaik dan bebas penyelewengan.

EAIC was informed that all trading licensees under Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (KPDNKK) need to sign the Corporate Integrity Oath to ensure that the services provided are free from negative elements. According to the Ministry, the implementation of the oath will be done in stages and as the number of licensees is very big, strict monitoring needs to be implemented to ensure that the services provided are the best and free from fraud.

4. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi PDRM

4. Dialogue with the Top Management of PDRM

Sesi dialog ini telah berlangsung pada 21 April 2015 di Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman dan dipengerusikan oleh YDH DIG Dato Sri Noor Rashid Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara.

A dialogue session was held on 21 April 2015 at the Bukit Aman IPD and it was chaired by the YDH DIG Dato Sri Noor Rashid Ibrahim, Deputy Chief of Police.

Dalam sesi dialog ini, antara perkara utama yang dibincangkan adalah berkaitan isu kematian dalam tahanan dan pengurusan lokap. Semasa sesi dialog berkenaan, PDRM telah membentangkan SOP

In the session, among the main topics were issues related to custodial deaths and lockup management. During the session, PDRM presented their Lockup Management SOP which had previously been

Pengurusan Lokap PDRM yang sebelum ini pernah dibentangkan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Majlis Peguam.

presented to the Human Rights Commission (SUHAKAM) and the Malaysian Bar.

Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan semasa sesi dialog berlangsung ialah :

Some of the topics that were discussed during the dialogue session are as follows:

(a) Kebajikan Banduan

EAIC telah membangkitkan hal berkaitan kebajikan banduan semasa dalam tahanan dari segi pemakanan, pemeriksaan kesihatan, hak untuk berjumpa ahli keluarga dan peguam. EAIC menyarankan agar PDRM dapat membekalkan air mineral kepada tahanan dalam lokap berikutan terdapat isu kebersihan air sebagai sumber air minuman. PDRM memaklumkan bahawa makanan yang dibekalkan kepada para banduan adalah mematuhi keperluan diet harian yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan. Selain itu, EAIC juga menyarankan agar PDRM dapat membekalkan berus gigi dan ubat gigi serta mengkaji keperluan untuk dibekalkan sabun dan tuala wanita.

(a) Detainee Welfare

EAIC raised the matter of detainee welfare in terms of their meals, health inspections, and rights to family visits and council. EAIC suggested that PDRM supply mineral water to the detainees seeing as there was an issue regarding unclean drinking water supply. PDRM responded by stating that the meals provided to the detainees were in compliance with the daily diet as recommended by the Ministry of Health. EAIC then also suggested that PDRM supplied the detainees with toothbrushes and toothpastes as well as soap and sanitary napkins for the women.

(b) Keselamatan Lokap

Dari segi aspek fizikal lokap tersebut, EAIC menggesa PDRM mengambil langkah untuk memastikan CCTV di lokap-lokap berfungsi dengan baik dan memastikan visual-visual yang dirakam terpelihara.

(b) Lockup Security

EAIC urged PDRM to take steps to ensure the CCTV in the lockups are functioning well and that all recorded visuals are secured. EAIC was informed that PDRM had already rented CCTVs which have already been

EAIC juga dimaklumkan pihak PDRM telah menyewa CCTV yang dipasang di lokap bagi memastikan penyelenggaraan yang lebih baik disamping telah memulakan kerja-kerja menaik taraf 287 buah lokap. Selain itu, kapasiti tahanan dalam lokap adalah melebihi seperti diwartakan berikutan lokap-lokap di balai kecil tidak dapat digunakan. Walau bagaimanapun, aspek keselamatan dan kebajikan adalah perkara utama perlu dititik beratkan.

placed in the lockups to ensure better management and at the same time, commence upgrading work on 287 lockups. Aside from that the detainee capasity in the lockups currently exceeded the maximum load as the lockups in the smaller stations could not be used. Nevertheless, the safety and welfare of the detainees should be the priority.

(c) Kebajikan Pegawai Pengawal

Isu kebajikan Anggota Petugas yang menjaga lokap turut dibincangkan semasa sesi dialog tersebut. Keprihatinan EAIC adalah berikutan sesetengah anggota yang ditugaskan menjaga lokap semenjak mula berkhidmat dan tidak pernah bertukar selama beberapa tahun. Berhubung isu ini, EAIC menyarankan agar jadual penugasan bertugas di lokap diatur dengan teliti bagi mengelakkan timbulnya tekanan kerja. EAIC dimaklumkan kekuatan anggota di sesebuah lokap bergantung kepada perjawatan sedia ada namun Ketua Polis Daerah berhak membuat giliran atas budi bicara.

(c) Guard Officer Welfare

The welfare of the guard officer was also discussed during the dialogue session. EAIC's concern was that there were some officers who were placed on guard duty from the start of their service and remained there for years. On that issue, EAIC recommended that the lockup duty roster be prepared with care to avoid work-related stress. EAIC was told that the strength of the officer at the lockup depends of the current staff although the District Chief of Police had the right to arrange the schedule at his discretion.

(d) Pematuhan SOP

EAIC memandang serius terhadap kesalahan-kesalahan perlanggaran SOP atau tatacara kerja kerana salah laku ini boleh memberikan kesan pada masa hadapan. Justeru, EAIC menyarankan agar PDRM mengadakan ceramah dan latihan kepada pegawai dan anggota secara berterusan berkaitan SOP lokap dan arahan-arahan yang berkaitan. PDRM memaklumkan semua SOP dimuat naik di dalam Sistem e-Siar PDRM dan boleh diakses oleh semua warga PDRM. Selain itu, PDRM turut menjadikan Perintah Tetap Polis Negara (PTKPN) sebagai subjek dalam peperiksaan bagi memastikan semua warga PDRM peka dengan kehendak dan arahan pasukan.

(d) SOP Compliance

EAIC takes SOP violations and misconduct seriously as a miscondct may leave a lasting impact on one's future. As such, EAIC recommended that PDRM continuously organised talks and trainings on Lockup SOP and related instructions for their officers and staff. PDRM responded by stating that all SOP have been uploaded into the PDRM e-Sinar System and can be accessed by all PDRM members. Aside from that, PDRM have madethe IGP Standing Orders a mandatory subject in examinations to ensure that all PDRM members are sensitive to the needs and commands of the force.

(e) Kajian Kes

PDRM disarankan supaya mengkaji punca-punca dan faktor yang menyumbang kepada kes kematian dalam lokap berdasarkan statistik serta kaedah terbaik bagi mengelakkan perkara berulang. Setakat

(e) Case Study

PDRM was advised to study the causes of and the contributing factors to custodial death cases based on statistics, and to establish the best means of preventing recurrences. As of 2010 to 2014, 51

2010 sehingga 2014 sebanyak 51 kes kematian telah dicatatkan yang kebanyakanya disebabkan penyakit-penyakit kronik. PDRM telah mengambil langkah mengeluarkan arahan-arahan yang berkaitan untuk mengurangkan kes kematian.

custodial death cases had been reported, most of which had been caused by cronic diseases. PDRM has since taken the steps to issue orders to reduce custodial deaths.

PDRM mengesyorkan agar sesi dialog ini dapat diadakan 2-3 kali setahun dan mencadangkan agar EAIC mengadakan perjumpaan bersama 21 agensi sekaligus untuk melihat masalah bersama.

PDRM recommends that the dialogue sessions are held 2 – 3 times a year and also suggests that EAIC hold a session with all 21 agencies to enable them to study the problems together.

5. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi JPJ

5. Dialogue with the Top Management of JPJ

Sesi dialog ini telah diadakan pada 26 Mei 2015 di Ibu Pejabat JPJ, Putrajaya. Ia dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPJ iaitu YBhg. Dato' Sri Ismail bin Ahmad. Isu-isu yang dibincangkan semasa sesi dialog tersebut adalah seperti berikut:

A dialogue session was held on 26 May 2015 at the JPJ Headquarters, Putrajaya. It was chaired by the Director General of JPJ, Dato' Sri Ismail bin Ahmad. The issues that were discussed are as follows:

(a) Aduan Terhadap JPJ

(a) Complaints against JPJ

Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh EAIC, jumlah aduan yang diterima daripada orang awam berkenaan JPJ pada tahun 2012 hingga 2015 adalah sebanyak 37 aduan. Ini menjadikan JPJ sebagai agensi seliaan EAIC yang ketiga tertinggi dari aspek rekod jumlah penerimaan aduan selepas PDRM dan JIM.

Based on the statistics recorded by EAIC, from 2012 to 2015, 37 public complaints were made against JPJ. This made JPJ the third highest agency under EAIC supervision in terms of receiving public complaints after PDRM and JIM.

JPJ sebagai respon kepada perkara tersebut menyatakan JPJ mengambil maklum akan perkara tersebut dan mengakui adanya ruang yang membolehkan penyalahgunaan oleh sindiket-sindiket yang mendapat kerjasama daripada pegawai-pegawai dan anggota JPJ sendiri. Justeru, bagi membendung perkara tersebut, pihak pengurusan tertinggi JPJ komited melakukan usaha berterusan bagi memerangi salah laku dan gejala rasuah antaranya melalui hubungan yang erat dengan

JPJ admitted to being aware of the fact and agreed that there were loopholes which could be exploited by syndicates with the complicity of certain officers and members of JPJ itself. To overcome that problem, the top management of JPJ is fully committed to fighting misconduct and corruption,and one of the steps was forging stronger ties with the Malaysian Anti-Corruption Commission (SPRM) and curb integrity violation issues among JPJ officers and staff.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertujuan mengekang isu-isu integriti yang melibatkan pegawai dan anggota JPJ.

(b) Pengeluaran *Road Tax Disc* Tanpa Kebenaran

EAIC telah membangkitkan isu berkaitan pengeluaran/penyeludupan sejumlah 10,000 cukai jalan tanpa kebenaran mulai tempoh November 2014 hingga Mac 2015 dan sama ada laporan polis telah dibuat atas kecurian dokumen-dokumen kerajaan tersebut. EAIC turut membangkitkan tentang penggunaan *road tax disc* palsu iaitu sama ada ia adalah *road tax disc* asli yang dibawa keluar ataupun ia adalah *road tax disc* yang dipalsukan.

JPJ memaklumkan bahawa kehilangan *road tax disc* yang berlaku dikesan di negeri Johor dengan jumlah sebenar sebanyak 3,000 dan bukan 10,000 sebagaimana didakwa. JPJ juga telah membuat siasatan dan laporan polis telah dibuat. Pihak SPRM turut dipanggil untuk membuat siasatan secara teliti dan mendapati terdapat dua (2) orang pegawai JPJ yang terlibat dalam hal tersebut. Kes telah dirujuk kepada SPRM dan tindakan tatatetib turut diambil oleh JPJ atas kesalahan yang sama.

EAIC turut mendapatkan penjelasan berhubung sama ada nombor siri yang terdapat pada setiap *road tax disc* telah dibatalkan bagi mengelakkan penyalahgunaan oleh pihak yang bertanggungjawab. Sebagai respons, JPJ memaklumkan pihak JPJ mengambil maklum berkenaan dengan pembatalan *series number* bagi *road tax disc* tersebut. Tindakan akan menyusul memandangkan ia masih dalam siasatan SPRM.

EAIC mencadangkan pembatalan nombor siri berkenaan dihebahkan bagi memaklumkan berhubung pembatalan nombor-nombor yang berkenaan untuk mengelakkan orang ramai menggunakan nombor cukai jalan yang tidak sah.

(b) Unauthorised Issuance of Road Tax Disc

EAIC raised the issue of the issuance/smuggling of 10,000 unauthorised road tax stickers from November 2014 to March 2015 and if any police report on the theft of the government documents had been filed. EAIC also asked about the fake road tax discs; if they were original road tax discs that had been smuggled out or if they were fake road tax discs.

JPJ stated that the loss of the road tax discs had been traced to Johor and the true amount was 3,000 and not 10,000 as claimed. JPJ had also conducted an investigation on the matter and a police report had been filed. SPRM had also been called in to conduct a thorough investigation and it was found that two (2) JPJ officers were involved in the matter. The case has since been refered to SPRM and disciplinary action has been taken by JPJ for the same offence.

EAIC also asked for an explanation regarding the serial number on the road tax discs which had been canceled to prevent them from being exploited by authorities. JPJ responded by stating that they were aware of the cancellation of the road tax disc serial numbers. Further action will follow as the case was currently being investigated by SPRM.

EAIC suggested that the serial number cancellation be announced to the public to prevent them from using invalid road tax numbers.

(c) Pengeluaran Geran Hak Milik Tanpa Kebenaran

EAIC telah membangkitkan isu berkaitan pengeluaran geran hak milik kenderaan sebanyak 1500 keping dipercayai digunakan untuk pendaftaran kenderaan klon oleh sindiket yang beroperasi di selatan. JPJ memaklumkan perkara ini berlaku di Johor sahaja dan semakan mendapati ia tidak berlaku di negeri-negeri lain. Setakat ini, JPJ hanya mengesan kehilangan *road tax disc* sebanyak 3000 dan ia tidak melibatkan geran.

(c) Unauthorised Issuance of Car Grants

EAIC raised the issue regarding the issuance of 1500 car grants believed to have been used to register cloned vehicles by a syndicate operating in the south. JPJ stated that the incident only happened in Johor and investigation revealed that the incident did not occur in other states. Thus far, JPJ has succeeded in tracing 3000 missing road tax discs and it did not involved grants.

(d) Kenderaan Klon

EAIC telah membangkitkan isu berkaitan pendekatan yang diambil oleh JPJ dalam menangani dan membasmi isu kenderaan klon serta tindakan yang akan diambil ke atas pemilik kenderaan klon dan kenderaan-kenderaan klon yang telah disita.

JPJ dalam mengemukakan maklum balas memaklumkan bahawa usaha menangani kenderaan klon ini dibuat melalui usaha bersepadu pihak JPJ dengan SPRM. Walau bagaimanapun, dalam menangani isu ini, masalah kenderaan klon berlaku disebabkan polisi yang fleksibel berhubung pergerakan kenderaan terutama dari Singapura yang dibawa ke negara ini. Kelonggaran tersebut menyebabkan kenderaan klon mudah dibawa ke Malaysia. Oleh yang demikian, pihak JPJ berpandangan sekatan wajar dibuat di peringkat awal kemasukan kenderaan-kenderaan klon ke Malaysia oleh pihak JKDRM.

JPJ juga memaklumkan bahawa setakat ini, sebanyak 167 tangkapan telah dibuat melibatkan kenderaan klon. Kenderaan-kenderaan klon berkenaan disita dan seterusnya dipertimbangkan untuk pelupusan, jual semula atau diberi kepada agensi-agensi Kerajaan.

Selain itu, operasi secara besar-besaran turut dibuat sebagai peringkat seterusnya setelah JPJ mengeluarkan notis rayuan / *appeal notice* kepada orang awam untuk menyerahkan kenderaan klon secara sukarela kepada JPJ. JPJ pada peringkat ini sedang dalam perancangan untuk mengadakan perbincangan dengan SPRM untuk membuat operasi

(d) Cloned Vehicles

EAIC raised the issue regarding JPJ's approach in tackling the issue of cloned vehicles and the action that would be taken on both the owners of the cloned vehicles and the cloned vehicles that had been confiscated.

In response, JPJ stated that they were working with SPRM to overcome the cloned vehicle issue. However, the matter of cloned vehicles is due to a flexible policy regarding the import of cars, especially from Singapore, into this country. That flexibility made it very easy for cloned vehicles to be brought into Malaysia. Therefor, JPJ felt appropriate restrictions should be implemented on cloned vehicles at the initial entry point into Malaysia, by the Customs Department of Malaysia.

JPJ also stated that up to that moment, 167 arrests involving cloned vehicles had been made. The vehicles were confiscated and were being considered for possible disposal or resale or they may be given to cloned vehicle agencies.

Aside from that, a large scale operation was conducted as the next stage after JPJ issued an appeal notice to the public to surrender their cloned vehicles voluntarily to JPJ. At this stage, JPJ was planning to hold discussions with SPRM to conduct large scale operations on the users and owners of the vehicles.

secara besar-besaran untuk mengambil tindakan kepada pengguna dan pemilik-pemilik kenderaan klon.

Bermula 1 Jun 2015 sistem syarikat insurans diwajibkan mempunyai pautan / *link* dengan sistem di JPJ. Dengan kaedah ini, isu-isu berkenaan kenderaan klon yang melibatkan kenderaan *total lost* dapat diselesaikan.

From 1 June 2015, all insurance company systems must be linked to the JPJ system. That way, all issues related to cloned cars which involved total lost vehicles can be solved.

(e) Penguatkuasaan ke atas Pesalah JPJ

(e) Enforcement on JPJ Offenders

EAIC telah membangkitkan isu berkaitan pendekatan yang diambil oleh JPJ berhubung waran tangkap yang dikeluarkan sama ada disusuli dengan tangkapan sebagaimana yang dilaksanakan oleh PDRM.

EAIC raised the issue of JPJ's approach regarding arrest warrants issued prior to arrests as practised by PDRM

JPJ dalam hal ini menjelaskan bahawa, berbanding PDRM, JPJ memberi keutamaan kepada pendekatan untuk mendekati masyarakat bagi mengajak masyarakat mengambil tanggugjawab untuk menjaga keselamatan jalan raya termasuk mematuhi keselamatan. Selari dengan matlamat tersebut, JPJ telah menubuhkan *skuad muda 1JPJ* sebagai salah satu pendekatan untuk mengajak masyarakat bersama-sama memikul tanggugjawab meningkatkan kualiti keselamatan jalan raya. Setakat ini sambutan yang diterima adalah baik dimana penyertaan yang direkodkan ialah seramai 120,000 orang dan dijangkakan angka ini akan bertambah kepada 300,000 orang menjelang Disember 2015.

On that matter, JPJ explained that unlike PDRM, JPJ gives priority to the approach which involves reaching out to the community to encourage the public to be responsible for road safety. Aside from that, JPJ has formed the 1JPJ Youth Squad to encourage the public to share the responsibility of enhancing road safety quality. Up to that moment, the response has been excellent, as 120,000 participants have been recorded and it is estimated that the number will increase to 30,000 by December 2015.

JPJ turut memakluman pihaknya juga telah menubuhkan kadet JPJ dimana pegawai-pegawai JPJ telah berjumpa dengan pelajar-pelajar sekolah rendah untuk menunjukkan kaedah dan cara melintas jalan dengan betul. Di peringkat sekolah menengah, kadet JPJ ini memberi fokus kepada asas peraturan jalan raya seperti keperluan lesen untuk menunggang motosikal, keperluan memakai topi keledar dan pematuhan kepada peraturan-peraturan keselamatan jalan raya yang lain. Bermula 2015, JPJ juga memaklumkan bahawa pihak JPJ sudah mula hadir ke 16 sekolah menengah sebagai *pilot project* dan inisiatif ini akan diperluaskan ke semua sekolah di seluruh negara pada tahun hadapan.

JPJ further stated that it has formed JPJ Cadets. JPJ officers went to primary schools to show the right way to cross the road and at secondary schools, the JPJ Cadets focused on basic road safety rules such as the need to have a license before riding a bike, the importance of a helmet, and compliance with other road safety rules. As part of it pilot project, JPJ stated that it has attended 16 secondary schools and the initiative will be extended to all schools next year.

(f) Isu Keselamatan Jalan Raya melibatkan Kenderaan Berat

EAIC telah membangkitkan isu berkaitan keselamatan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat termasuk bas persiaran dan bas perjalanan jauh (express busess). Terdapat cadangan dikemukakan sebelum ini berhubung pemasangan kotak hitam pada kenderaan berat bagi mengawal kenderaan daripada dipandu laju. Bagi tujuan itu, kaedah-kaedah (rules) telah digubal tetapi tergendala disebabkan oleh beberapa hal termasuk bantahan oleh persatuan pemilik lori ketika itu dan terdapatnya masalah-masalah teknikal yang perlu diteliti. Dalam keadaan banyak kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan berat yang berlaku kini, EAIC meminta pihak JPJ untuk mencadangkan kepada Kerajaan bagi melihat semula kaedah-kaedah seperti pemasangan *speed devices* untuk mengawal kelajuan kenderaan-kenderaan berat seperti bas dan juga lori-lori perdagangan bagi tujuan keselamatan jalan raya.

(f) Heavy Vehicles Road Safety Issues

EAIC then raised the isssue of road safety involving heavy vehicles which include tour buses and express buses (long distance vehicles). Previously, there was a suggestion regarding the installation of the black box in heavy vehicles to prevent speeding. For that purpose, a set of rules were formulated. However, the implimentation was postponed due to several issues including protests by lorry owners associations as well as some technical issues that needed to be studied further. In view of the increased number of road accidents involving heavy vehicles lately, EAIC asked JPJ to suggest that the Government review the guidelines regarding the installation of the speed device to control speed in heavy vehicles such as buses and trade lories for the purpose of public road safety.

JPJ memaklumkan setakat ini JPJ telah melaksanakan operasi mengeluarkan saman kepada kenderaan berat, termasuk saman kerana memandu melebihi had dan saman membawa muatan melebihi had ditetapkan. Operasi yang dibuat setakat ini adalah dengan meletakkan para pegawai penguat kuasa di pusat-pusat kenderaan berat ini beroperasi. JPJ turut memaklumkan bahawa pihak JPJ tidak membuat sekatan jalan raya di tengah jalan bagi mengelakkan gangguan lalu lintas. JPJ turut memaklumkan terdapatnya kerjasama antara JPJ dengan SPAD berhubung perkara ini.

JPJ stated that as of that moment, they had enforced an operation to issue fines to heavy vehicles, which included fines for driving over the speed limit and fines for driving with a load exceeding the permitted limits. At the moment, the operations were conducted by placing enforcement officers at locations where the heavy vehicles operate. JPJ also stated that they no longer conducted road blocks in the middle of the road so as to prevent any traffic disruption. JPJ added that there was currently a cooperation between JPJ and SPAD with regard to that matter.

(g) Sistem JPJ

JPJ menjelaskan bahawa tujuan utama Sistem Mysikap ditubuhkan adalah untuk memudahkan masyarakat berurusan dengan menggunakan perkhidmatan yang lebih ringkas. Sistem yang sama juga bertujuan mengelakkan berlakunya ketirisan hasil berkaitan cukai-cukai kenderaan yang diimport. Dengan penggunaan sistem ini, terdapat pautan yang disediakan menghubungkan JPJ dan Jabatan Kastam dan secara tidak langsung isu ketirisan hasil dan cukai kerajaan dapat diatasi selepas

(g) JPJ's System

JPJ explained that the main reason System Mysikap was established was to make it easier for the public to deal with JPJ matters using a much simpler service system. The same system was also formed to avoid leakages regarding imported vehicles' tax infomation. With the implementation of this system, there is now a link which connects JPJ with the Customs Department and indirectly, the issue of goverment tax leakage was solved upon its implementation on 1 June 2015. JPJ was also at its final stages of creating a link to

pelaksanaannya pada 1 Jun 2015. JPJ juga dalam peringkat akhir untuk membuat *link* / capaian dengan Puspakom, memandangkan terdapatnya aduan melibatkan Puspakom yang membuat pemeriksaan sambil lewa terhadap kenderaan yang diterima. Isu ini dijangka dapat diselesaikan pada Jun 2015 apabila capaian dapat dibina.

Puspakom, seeing as there had been complaints regarding Puspakom which apparently conducted prefunctory inspections on vehicles received. The matter was expected to be settled by June 2015 once the link was up.

(h) Kursus Penerapan Integriti

Dalam usaha EAIC untuk meningkatkan integriti dan menghapuskan salah laku, EAIC berharap agar slot taklimat dapat diberikan kepada JPJ dengan menghantar pegawai-pegawai EAIC memberikan taklimat dan pendedahan berkaitan isu-isu integriti dan penguatkuasaan undang-undang sebagai sebahagian daripada program latihan integriti di JPJ.

(h) Integrity Strengthening Courses

As part of EAIC's efforts to enhance integrity and eradicate misconduct, EAIC hoped that briefing sessions could be slotted in for EAIC to send its officers to give talks and provide greater awareness regarding integrity matters and law enforcement as part of JPJ's integrity training programme.

6. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi JKKP

6. Dialogue with the Top Maagement of JKKP

Sesi dialog ini telah diadakan pada 11 Ogos 2015 bertempat di Nilai Spring Resort, Negeri Sembilan bersempena dengan Mesyuarat Perhimpunan Pengarah-Pengarah Negeri JKKP. Majlis telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Omar bin Mat Piah selaku Timbalan Ketua Pengarah JKKP. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan semasa sesi perbincangan adalah seperti berikut:

A dialogue session was held on 11 August 2015 at the Nilai Spring Resort in Negeri Sembilan in conjunction with the JKKP State Directors Meeting. The session was chaired by Ybrs. Encik Omar bin Mat Piah, Deputy Director-General of JKKP. Some of the issues that were raised during the discussion session are as follows:

(a) Kemalangan Di Tempat Kerja Terutama Di Tapak Pembinaan Bangunan

EAIC memandang serius terhadap kejadian yang meragut nyawa dan kes-kes kecederaan di tempat kerja akibat kemalangan yang berlaku dalam industri pembinaan contohnya seperti runtuhan landasan di tapak projek *Mass Rapid Transit* (MRT) dan kemalangan pada lif pekerja di tapak pembinaan.

(a) Workplace Accidents Especially at Building Construction Sites

EAIC takes a very serious view of fatal incidents and accident cases at the workplace due to the number of accidents at construction sites such as the collapse of the tracks at the Mass Rapid Transit (MRT) project site and workers' lift accidents at construction sites.

Antara faktor-faktor yang menyumbang terhadap kemalangan seperti ini adalah berpunca daripada kegagalan dan kecuaian dalam mematuhi prosedur dan piawaian keselamatan oleh kontraktor dan pekerja binaan, tiada pengawasan oleh jurutera bertauliah, penggunaan bahan binaan seperti kayu dan bahan sokongan yang tidak berkualiti dan penggunaan *scaffolding* yang tidak mencukupi untuk penjimatan kos.

Among the factors that contributed to these accidents were failure and carelessness in procedure and safety standards compliance by both contractor and construction workers, lack of supervision by qualified engineers, the use of construction material such as wood and support material of low quality and minimal use of scaffolding, to cut cost.

Pihak JKKP menjelaskan Operasi Tapak Bina Bil. 2 2015 yang telah dilancarkan di seluruh negara pada tahun ini adalah di antara operasi penguatkuasaan yang sentiasa dijalankan untuk memastikan tapak-tapak binaan sentiasa dalam keadaan selamat dan sihat dengan mematuhi kehendak perundangan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dan Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984.

The JKKP explained that the Construction Site Operation No. 2 2015 which had been launched throughout the country was part of a series of continuous enforcement operations conducted to ensure that costruction sites were kept safe and abided by the law requirements under the Employee Health and Safety Act 1994 (Act 514), the Factory and Machinery Act 1967 (Act 139) and the Petroleum Act (Safety Measures) 1984.

Operasi ini memfokuskan kepada beberapa aktiviti iaitu:

(a) Kelulusan dan pendaftaran kilang dan pepasangan, tempat kerja, dan jentera yang memerlukan perakuan kelayakan contohnya lif penumpang dan eskalator.

(b) Pengiktirafan persijilan kompetensi ke atas individu dan firma yang mempunyai kelayakan pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan dalam bidang yang diperlukan oleh akta dan peraturan yang dikuatkuasakan. Bidang kompetensi yang diiktiraf oleh JKKP adalah firma yang kompeten (pusat pengajar pengendali perancah *(scaffolding),* pengendali kren, pegawai keselamatan dan kesihatan, pembuat, pembaik pulih, kontraktor gas, pembekal / pembuat lif and *escalator*.

(c) Pemeriksaan awal, ulangan, dan tambahan ke atas lif serta penyiasatan ke atas aduan dan kemalangan di tapak pembinaan.

(d) Tindakan undang-undang dalam bentuk notis larangan dan pembaikan, kompaun serta pendakwaan di mahkamah. Kegagalan untuk mematuhi kehendak di bawah akta-akta ini boleh mengakibatkan pemaju dikenakan tindakan notis larangan, kompaun selain tindakan mahkamah, contohnya Seksyen 15

The operation focused on a few activities as follows:

(a) Factory and installation approval and registration, workplace and machinery which require certificates of fitness, for example passenger elevators and excalators.

(b) Competency certification acknowledgement on individuals and firms that have the experience, expertise and in-depth knowledge in areas as required by the Act and regulations being enforced. Areas of competence that are recognised by JKKP are competent firms (scaffolding operators training centres), crane operators, safety and health officers, gas contractors, lift and escalator suppliers and manufacturers.

(c) Preliminary inspections, repeat inspections and additional inspections on lifts as well as investigations of any complaint and accident at the construction site.

(d) Legal action in the form of prohibition and improvement notices, compounds and prosecution. Failure to adhere to any of the requirements as stated in the Acts below may result in the developer being served with a prohibition notice and compound as well as court action, for example Section 15 Act 514

Akta 514 memperuntukkan denda sebanyak RM 50,000 atau dua tahun penjara jika sabit kesalahan.

which provides for a fine of RM50,000 or a two-year sentence if convicted.

EAIC turut dimaklumkan mengenai langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan di tapak kerja pembinaan yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia melalui penggunaan Kad Hijau (Green Card) iaitu sebuah program bersepadu yang melibatkan pendaftaran dan akreditasi pekerja binaan untuk:

i. memastikan pekerja binaan menyedari kepentingan tempat kerja yang selamat dan sihat;
ii. memberi pengetahuan asas mengenai keselamatan dan kesihatan di tapak kerja pembinaan; dan
iii. memaklumkan pekerja binaan tentang keperluan undang-undang, berhubung dengan keselamatan dan kesihatan.

EAIC was also informed about the steps being taken by the Malaysian Construction Industry Development Board to improve the safety level at construction sites through the use of Green Cards which is a collaborative programme involving the registration and accreditation of construction workers to:

i. ensure construction workers are aware of the importance of workplace health and safety;
ii. provide basic knowledge of construction site health and safety; and
iii. nform construction workers about the legal requirements related to health and safety.

Pemegang kad ini akan dilindungi oleh Skim Insurans khas yang menginsuranskan pekerja binaan terhadap kematian dan kemalangan.

The card holders will be protected by a special Insurance Scheme which insures construction workers against death and accident.

Menurut pihak JKKP, walaupun pihak Kerajaan telah menggubal dan menguatkuasakan undang-undang, tanggungjawab bagi melaksanakan sistem keselamatan di tapak pembinaan, namun pemaju juga bertanggungjawab untuk memilih kontraktor dan subkontraktor yang cekap dan prihatin terhadap keselamatan. Sewaktu proses tender dijalankan, pembida perlu dimaklumkan untuk tidak mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan walaupun harga yang ditawarkan adalah rendah. Semua kontraktor yang ingin membida sebarang kontrak pembinaan juga haruslah mengemukakan polisi keselamatan, sistem pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko serta sebarang maklumat mengenai pengalaman dan latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja-pekerja mereka.

According the JKKP, even though the Government has drafted and enforced laws, the responsibility of ensuring construction site safety falls on the developer who also is responsible for the selection of contractors and sub-contractors who are skilled and aware of the importance of safety. During the open tender application process, the bidder needed to be told to not ignore safety and health aspects even if the bidding price is low. All contractors that wish to bid for any construction contract also has to present their safety policies, their danger identification system, their risk assessment and risk management systems as well as any information pertaining to experience and safety training conducted for their workers.

EAIC menasihatkan pihak Kementerian untuk menangani isu ini bagi memastikan imej industri ini terpelihara dengan baik, terutamanya apabila kes-kes kematian dan kecederaan melibatkan kontraktor dan pekerja asing. Untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini di tapak pembinaan, perhatian dan

EAIC advised the Ministry to address the issue to ensure that the industry maintain's a good image, especially so now with cases of death or injury involving foreign contractors and workers. To avoid any untoward incident at the construction sites, serious attention and priority should be given

keutamaan perlu diberi kepada keselamatan semasa projek masih dalam peringkat konsep. Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah diamalkan di semua peringkat industri pembinaan, daripada pengurusan tertinggi hinggalah kepada buruh di tapak kerja.

to matters concerning safety even at the project conceptualisation stage. Worker safety and health management have to be practised at all levels of the construction industry, from the top management to work site labourers.

(b) Pencemaran Alam Akibat Perlombongan Bauksit

(b) Environmental Pollution due to Boxite Mining

EAIC turut melahirkan kebimbangan mengenai kegiatan perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang yang bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, bahkan mengancam nyawa penduduk setempat. Antara yang dipersoalkan oleh EAIC berhubung isu ini ialah berhubung bidang kuasa JKKP sama ada menjalankan pemerhatian dan boleh mengambil tindakan terhadap terhadap pengusaha bauksit yang tidak mempunyai lesen.

EAIC also coveyed its concerns regarding the boxite mining activities in Kuantan, Pahang which was not only polluting the environment but also threatening the lives of the local population. Some of the issues that were raised by EAIC were related to JKKP jurisdiction; on whether JKKP could only observe or if they had the authority to take action against the illegal boxite miners who do not hold a mining license.

JKKP mengambil maklum isu tersebut namun kegiatan tersebut bukanlah di bawah bidang kuasa dan pemerhatian pihak Jabatan.

JKKP stated that they were aware of the issue but the activities were not within the jurisdiction and authority of their Department.

Walau bagaimanapun EAIC dimaklumkan pengeluaran lesen bagi aktiviti perlombongan adalah di bawah bidang kuasa dan kawal selia Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di bawah Enakmen Mineral Negeri manakala bagi pengeluar bauksit dikawal selia oleh Pejabat Daerah dan Tanah di bawah Kanun Tanah Negara. Dalam pengetahuan pihak JKKP semua agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Lembaga Pelabuhan Kuantan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), JMG, dan Jabatan Alam Sekitar telah pemantauan berterusan berhubung isu ini.

EAIC was informed that license issuance for the boxite mining activities were under the jurisdiction of the Department of Minerals and Geoscience (JMG) under the State Mineral Enactment, while boxite producers are regulated by the District and Land Office under the National Land Code. According to JKKP, all agencies involved in the enforcement activitiesincluding Kuantan District and Land Office, Land and Mineral Office, Kuantan Municipal Council (MPK), Kuantan Port Authority, Road and Transport Department (JPJ), JMG and the Department of Environment, were consistently monitoring the issue.

7. Dialog bersama Pengurusan Tertinggi AADK

7. Dialogue with the Top Management of AADK

Sesi dialog ini telah diadakan pada 3 November 2015 bertempat di Ibu Pejabat AADK, Kajang, Selangor. Ia telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah AADK iaitu YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah. Beberapa isu penting telah dibangkitkan semasa dialog ini termasuk perbincangan mengenai aduan yang

A dialogue session was held on 3 November 2015 at the AADK Headquarters, Kajang, Selangor. The session was chaired by the AADK Director-General Dato' Suhaimi bin Abdullah. A few pertinent issues were brought up during the dialogue, including a discussion on the acomplaints that EAIC had receved

diterima oleh EAIC mengenai AADK. Huraian lanjut mengenai isu-isu ini adalah seperti berikut:

against AADK. Further elaboration regarding the issues is as follows:

(a) Kebajikan Orang Yang Ditahan

(a) The Welfare of Detainees

EAIC dimaklumkan AADK sentiasa komited dan memberi keutamaan dalam hal-hal kebajikan orang yang ditahan. Makanan disediakan sebanyak 6 kali sehari dengan kos yang diperuntukkan untuk pembeliannya sebanyak RM 8 bagi setiap hidangan. Kos peruntukan tersebut adalah di bawah tanggungan pihak AADK. Selain itu, tahap kebersihan diberikan jaminan yang baik kerana penyediaannya disediakan sendiri oleh kakitangan AADK.

AADK assured EAIC that they always took the matter of the welfare of their detainees seriously. Meals are served 6 times a day within the allocated budget of RM8 for each meal. The budget is under the responsibility of AADK. On top of that, food cleanliness and hygene level are maintained rigorously as the meals are prepared by AADK staff themselves.

Bagi penempatan orang yang ditahan, pihak AADK terpaksa menumpangkan mereka sementara di dalam lokap yang dimiliki oleh PDRM. Ini menimbulkan beberapa permasalahan seperti lokap yang terlalu padat dan penagih yang terpaksa diletakkan bersekali dengan penjenayah-penjenayah yang ditahan oleh pihak PDRM.

Due to lack of facilities, AADK currently place their detainees at the PDRM lockup. This has raised a few problems such as over-congested lock-ups and addicts being placed with other criminals detained by PDRM.

Sehubungan dengan itu, EAIC telah mencadangkan agar lokap penagih dan penjenayah perlu diasingkan bagi tujuan menjaga keselamatan kedua-dua pihak dan memastikan keselesaan bagi orang yang ditahan. EAIC turut dimaklumkan mengenai kewujudan lokap yang dimiliki oleh AADK sendiri namun masih belum boleh digunakan kerana masih belum digazetkan.

To solve that matter, EAIC suggested that the addicts' lockups be separated from the lockups of the normal criminals for the sake of the safety of both parties and to ensure the comfort of the detainees. EAIC was also informed that AADK's own lockup facilities, although ready, could not be used at that moment as they had not been gazzetted.

(b) Prosedur-Prosedur yang Digunapakai oleh AADK

(b) Procedures that are Used by AADK

Sepanjang perbincangan, EAIC turut bertanyakan mengenai prosedur-prosedur yang digunapakai

Throughout the discussion, EAIC also raised questions regarding the procedures involved in

terutamanya ketika mengendalikan Orang Yang Disyaki (OYDS), Orang Yang Ditahan (OYDT) dan Orang Kena Pengawasan (OKP). Melalui penerangan AADK, EAIC dimaklumkan OYDS yang positif saringan urin akan diambil butiran lanjut (laporan sosial) dan dilepaskan dengan jaminan pegawai AADK atau tanpa jaminan selaras dengan subseksyen 3(2) dan Seksyen 4, Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983, sehingga keputusan patologi keluar dalam tempoh 14 hari. Sekiranya keputusan patologi positif, OYDS tersebut perlu hadir semula ke mahkamah untuk perbicaraan sama ada akan dimasukkan ke pusat pemulihan atau rawatan dalam komuniti.

handling suspects (OYDS), detainees (OYDT), and those placed under observation (OKP). Based on AADK's explanation, EAIC was given to understand that the OYDS that tested positive in their urine test will have their particulars taken for a more detailed social report and then released on bail by an AADK officer or without bail, according to Section 3(2) and 4, Drug Addict (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, until the pathology results are released within 14 days. If the pathology results are positive, the OYDS will have to appear in court again for trial, to be placed either in a rehabilitation centre or a community treatment centre.

Bagi isu menangani pembekalan dadah atau bahan terlarang dalam pusat pemulihan, AADK boleh menggunakan. Seksyen 20, Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 di mana tindakan prosiding mahkamah boleh diambil di bawah Seksyen ini terhadap pelanggan AADK yang didapati melakukannya.

On the issue of putting a stop to the supplying of drugs or prohibited substances at rehabilitation centres, AADK could use Section 20 of the Drug Addict (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 whereby court action, under this Section, could be taken against any AADK customer found to be guilty of the act.

Berikutan daripada perbincangan tersebut, EAIC mencadangkan AADK untuk mengenal pasti limitasi bidang kuasa dalam menguruskan kes OYDS supaya pengurusan operasi lebih teratur.

Following the discussion, EAIC recommended that AADK identify their jurisdiction in handling OYDS cases so as to ensure a more systematic operation management.

(c) Peningkatan Jumlah Penagih-Penagih Baru

(c) The Increase in the Number of New Drug Addicts

EAIC turut menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan jumlah penagih-penagih baru di Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri Kedah berbanding di negeri Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, EAIC telah mencadangkan agar satu kajian dan analisa dijalankan terhadap permasalahan tersebut bagi memastikan punca masalah dapat dikenalpasti.

EAIC also voiced its concerns on the increase of the number of new drug addicts in Semenanjung Malaysia, especially in the state of Kedah, compared to the states of Sabah and Sarawak. In line with that, EAIC recommended that a study and an analysis be conducted regarding this matter to identify the source of the problem.

8. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi JKDRM

8. Dialogue with the Top Management of JKDRM

Sesi dialog ini telah diadakan pada 11 November 2015 bertempat di Ibu JKDRM, Putrajaya. Ia telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JKDRM iaitu YBhg. Dato' Sri Khazali bin Hj. Ahmad.

The dialogue session was held on 11 November 2015 at the Royal Malaysian Customs Headquarters, Putrajaya. The session was chaired by the Director-General of Customs Ybhg. Dato' Sri Khazali bin Hj Ahmad.

Melalui pertemuan ini, EAIC telah membangkitkan beberapa isu penting termasuk aduan-aduan yang diterima terhadap JKDRM. Isu-isu yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

During the meeting, EAIC raised a few pertinent issues including the complaints received against JKDRM The issues that were discussed are as follows:

(a) Isu Pembenterasan Penyeludupan

Berdasarkan pemerhatian terhadap laporan media massa aktiviti penyeludupan dilihat masih lagi berleluasa di negara ini terutamanya penyeludupan rokok haram, arak dan minyak. EAIC memandang serius terhadap isu ini dan memohon pencerahan sama ada pihak JKDRM mempunyai mekanisme khusus untuk membanteras dan menangani isu ini. YBhg. Dato' Sri Khazali memaklumkan antara langkah pencegahan yang telah dijalankan oleh pihaknya setakat ini adalah seperti berikut:

i. Menyalurkan sebanyak 140 perjawatannya kepada Agensi Keselamatan Sempadan (yang ditubuhkan untuk meningkatkan keselamatan sempadan bagi pencegahan penyeludupan, pencerobohan dan pemerdagangan manusia). Kerjasama ini diharapkan dapat mengukuhkan pengurusan kawal selia sempadan dengan lebih baik.

ii. Lantikan Universiti Sains Malaysia untuk menjalankan kajian khusus bagi mengenal pasti keberkesanan pencegahan dan operasi yang telah dijalankan olehnya dalam menangani kegiatan penyeludupan.

(a) Curbing Smuggling

Based on studying media reports, smuggling appeared to be still rampant throughout the country, especially the smuggling of ilegal cigarettes, liquor and oil. EAIC takes a very serious view of the matter and asked if Customs had any specific mechanism to handle the issue. Dato' Sri Khazali informed EAIC that the preventative steps that had been taken by Customs thus far were as follows:

i. Dispersing 140 officers to the Border Security Agency (established to increase border security to curb smuggling, encroachment and human trafficking). The cooperation is hoped to strengthen and improve border control management.

ii. Appointing Universiti Sains Malaysia to conduct specific studies to identify the effectiveness of the preventative measures and operations run to curb smuggling activities.

(c) *Standard Operating Prodecure* (SOP) Tangkapan

EAIC memohon penjelasan diberikan mengenai SOP tangkapan Orang Kena Tahan (OKT) yang digunapakai oleh pihak JKDRM. Pihak JKDRM

(c) Arrest Standard Operating Procedure (SOP)

EAIC requested for an explanation regarding the Arrest SOP for Detainees (OKT) which was currently being used by Customs. Customs stated that despite

memaklumkan meskipun mempunyai lokap sendiri namun lokap tersebut tidak boleh digunakan kerana masih belum digazetkan. Oleh itu OKT di bawah tahanan JKDRM akan dihantar ke lokap polis atau penjara. Berdasarkan SOP sedia ada, penghantaran OKT ini ke lokap polis atau penjara haruslah dikendalikan oleh pihak polis atau penjara itu sendiri. Namun begitu, memandangkan kekangan anggota, OKT yang ditahan telah dibawa sendiri oleh pegawai JKDRM. YBhg. Dato' Sri Khazali turut melahirkan kebimbangannya terhadap ketidakpatuhan SOP ini kerana pegawai penguat kuasa JKDRM tidak mempunyai kemahiran khusus dalam mengendalikan dan membawa tahanan tersebut. Perkara ini telah pun disuarakan oleh pihaknya melalui beberapa perbincangan bersama PDRM dan Jabatan Penjara dan telah pun mendapat persetujuan untuk bekerjasama bagi menyelesaikan masalah tersebut.

having their own lockups, they could not be used at the moment as they had been gazetted. As such, the OKT being detained by Customs would be sent to police lockups or prisons. Based on the current SOP, the OKT being trasfered to the police lockups or prisons would be handled by the police or prison officers. However, as there was a shortage of officers, the OKT would be taken by the JKDRM officers themselves. Ybhg. Dato' Sri Khazali also conveyed his concerns regarding the disregard of SOP as Customs enforcement officers do not have the specific skills to handle and transfer the detainess. The matter had already been discussed by Customs, PDRM and the Prison Department, and all three parties had agreed to cooperate to settle the matter.

(c) Sistem E-aduan

EAIC telah diberikan penjelasan mengenai penggunaan sistem E-aduan oleh pihak JKDRM. Sistem ini bersifat mesra pengguna dan dibangunkan sendiri oleh pegawai Jabatan JKDRM.

Antara contoh aduan yang kerap diterima adalah berkaitan lokasi penyeludupan. Aduan dan maklumat sebegini akan disalurkan ke bahagian penguatkuasaan manakala aduan-aduan berkaitan integriti pegawai penguat kuasa akan dikendalikan oleh bahagian yang mengendalikan sistem tersebut.

(c) E-Complaint System

EAIC was also given an explanation on the use of the E-complaint system being used by Customs. The system is user-friendly and was created by a Customs officer.

An example of a frequent complaint was regarding smuggling locations. Such complaints and information would be channeled to the enforcement division while complaints regarding integrity of enforcement officers would be handled by the division that handles the system.

9. Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi APMM

Sesi dialog ini telah diadakan pada 19 November 2015 bertempat di Ibu Pejabat APMM, One IOI Square, Putrajaya. Sesi perbincangan telah dipengerusikan

9. Dialogue with the Top Management of APMM

A dialogue session was held on 19 November 2015 at the APMM Headquarters, One IOI Square in Putrajaya. The discussion session was chaired by

oleh Ketua Pengarah APMM iaitu YBhg. Dato' Ahmad Puzi bin Ab Kahar.

the Director-General of APMM, Dato' Ahmad Puzi bin Ab Kahar.

Antara isu yang diberi penekanan semasa sesi perbincangan adalah berhubung keluasan liputan kawalan, keberkesanan APMM dalam menjalankan tugasannya, pertindihan kuasa kompaun oleh APMM dan Jabatan Perikanan dan perancangan APMM dalam mengukuhkan organisasi.

Among the issues that were focused on during the discussion were regarding the control coverage area, the effectiveness of APMM in performing its duties, the overlap of compound authority by both APMM and the Fisheries Department, and APMM's plans to strengthen the organisation.

(a) Keluasan Liputan Kawalan

(a) Control coverage area

EAIC telah dimaklumkan mengenai keluasan liputan kawalan APMM yang merangkumi perairan sepanjang Pantai Barat, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak selain aset-aset yang dimiliki. APMM turut menerangkan fungsi *Radar Remote Sensor Site* (RSS) yang dimilikinya iaitu untuk mengesan bot-bot yang melalui kawasan gelombang radar.

EAIC was informed regarding APMM's control coverage area which covers the West Coast, the East Coast, Sabah and Sarawak, as well as all their assets. APMM also explained about the function of the Radar Remote Sensor Site (RSS) which it owns, used to trace boats through radar waves.

(b) Keberkesanan APMM Dalam Menjalankan Tugasannya

(b) APMM's Effectiveness in Performing its Duties

EAIC telah dimaklumkan mengenai keberkesanan APMM dalam menjalankan tugasnya. Pada dua (2) tahun pertama ditubuhkan, peratusan tangkapan adalah lebih kurang 4.8% berbanding jumlah pemeriksaan yang dibuat. Walau bagaimanapun pada tahun-tahun yang berikutnya didapati penurunan peratusan telah berkurangan kepada 3%. APMM turut mensasarkan peratusan pada kadar 2.5% sepanjang tahun pada masa-masa yang akan mendatang.

EAIC was informed about APMM's effectiveness in performing its duties. Inthe first two (2) years since its inception, the arrest percentage was about 4.8% compared to the number of inspections done. However, in the following years, there was a decrease to about 3%. APMM aims to reduce the percentage to 2.5% annually in the years to come.

(c) Pertindihan Kuasa Kompaun oleh APMM dan Jabatan Perikanan

(c) Overlapping of compound authority by APMM and the Fisheries Department

EAIC telah membangkitkan mengenai isu kompaun yang merupakan antara aduan yang kerap diterima daripada orang awam. APMM mengambil maklum mengenai isu tersebut namun begitu APMM turut menerangkan kelewatan tersebut adalah berpunca daripada sistem kompaun yang berangkai.

EAIC raised the issue of compound which appeared to be a frequent complaint received from the public. APMM took note of the matter and explained that the problem was due to its complex compound system.

APMM menjelaskan bahawa walaupun APMM mmempunyai kuasa untuk melakukan tangkapan dan membuka kertas siasatan bagi tujuan tersebut, APMM tidak mempunyai kuasa untuk mengkompaun kerana kuasa untuk menjatuhkan denda dan

APMM explained that although APMM had the authority to make arrests and open investigation papers for that purpose, APMM does not not have the authority to compound as the power to issue fines and determining compoundfall under the jurisdiction

menetapkan jumlah kompaun terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Perikanan. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada APMM yang perlu menunggu maklum balas berkenaan denda tersebut.

of the Director-General of Fisheries. This matter has raised complications as APMM has to wait for a response regarding the fine.

APMM selanjutnya menjelaskan masalah berkenaan pertindihan kuasa untuk mengkompaun ini telah dibawa kepada Peguam Negara. Melalui pandangan undang-undang yang diperoleh, APMM secara undang-undangnya mempunyai kuasa untuk menjalankan sebarang aktiviti penguatkuasaan termasuk kuasa untuk mengkompaun seperti yang diperuntukkan oleh subseksyen 7(3) Akta APMM. Walau bagaimanapun APMM tidak meneruskannya kerana tidak mendapat persetujuan apabila memohon kuasa tersebut secara pentadbiran daripada Jabatan Perikanan.

APMM further explained that the matter of compound overlap had been brought to the Attorney General. According to the law, APMM, legally, has the authority to conduct any enforcement activities which include the authority to compound as provided by Section 7(3), APMM Act. However, APMM did not pursue it as it did not receive an approval when it applied for the authority, on an administrative level, from the Fisheries Department.

EAIC mencadangkan agar APMM meneruskan dengan menjalankan kompaun sendiri seperti yang diperuntukkan kepadanya secara undang-undang. Sehubungan itu, EAIC akan membangkitkan isu ini semasa perbincangan dengan pengurusan tertinggi Jabatan Perikanan yang akan diadakan pada awal tahun 2016.

EAIC suggested that APMM proceeded with its own compound activties as provided by the law. At the same time, EAIC would raisethe issue during its discussion with the top management of the Fisheries Department which would take place in early 2016.

(d) Pengukuhan Organisasi oleh APMM

EAIC dimaklumkan antara perancangan APMM untuk mengukuhkan organisasinya iaitu seperti berikut:

i. Penambahan anggota kepada 10,700 orang iaitu pertambahan dua (2) kali ganda dari anggota sedia ada; dan
ii. Pemindahan ke bangunan ibu pejabat sendiri memandangkan bangunan ibu pejabat sedia ada adalah sebuah hotel dan terhad kepada APMM untuk melakukan konfigurasi kepada bangunan tersebut seperti penambahan transmisi radio yang memainkan peranan penting dalam sistem perhubungan APMM. Selain daripada mendapat tentangan daripada pemilik bangunan tersebut, struktur bukit bukau di sekeliling juga menambahkan kesulitan kepada pancaran transmisi radio. Sehubungan dengan itu, APMM telah mengenal pasti satu tapak yang lebih strategik untuk dijadikan ibu pejabatnya.

(d) Strengthening the Organisation

EAIC was informed of APMM's plans to strengthen its organisation, which included:

i. Increasing the number of staff to 10,700 which was two (2) times the current number; and
ii. Transfering to its own headquarters as the current headquarters was a hotel and it was difficult for APMM to perform configurations such as additional radio transmissions which played an important role in APMM's communication system, at the building. Aside from the objections by the owner of the building, the hilly structure of the surroundings added to the problems of transmitting radio signals. Following that, APMM has identified a more strategic and suitable location to be its headquarters.

II. DIALOG DI SETIAP ZON BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN

II. DIALOGUE AT EACH ZONE WITH ENFORCEMENT AGENCIES UNDER EAIC SUPERVISION

Pada tahun ini EAIC telah menyambung tiga (3) siri dialog bersama agensi penguatkuasaan seliaannya mengikut zon seperti berikut:

This year EAIC continued to conduct three dialogue sessions with enforcement agencies under its supervision, according to zone, as follows:

Jadual 14
Table 14

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	ZON *ZONE*	TEMPAT *VENUE*
1	31 Mac *31 Mar*	Wilayah Persekutuan Labuan *Federal Territory of Labuan*	Kompleks Ujana Kewangan, Labuan
2	2 Jun *2 June*	Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) *South (Negeri Sembilan, Melaka and Johor)*	Holiday Inn, Melaka
3	28 Sept *28 Sept*	Pantai Timur (Pahang, Kelantan dan Terengganu) *East Coast (Pahang, kelantan and Terengganu)*	Duyong Marina Resort,Terengganu

Program ini telah dihadiri oleh Pengerusi, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya, Setiausaha EAIC dan Ketua-ketua Pengarah agensi / jabatan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan daripada bahagian penguatkuasaan / undang-undang / unit integriti / tatatertib agensi-agensi penguatkuasaan seliaan.

This programme was attended by the Chairman, Commissioners, EAIC Secretary and Director-Generals of agencies/departments, senior officers and officers from enforcement / legal divisions and integrity / disciplinary units of enforcement agencies under supervision.

Program pendekatan sebegini adalah sebahagian daripada usaha turun padang oleh EAIC untuk menerangkan kepada pegawai dan kakitangan penguat kuasa di setiap negeri dengan lebih jelas mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

Such a programme was part of EAIC's efforts to go into the field and explain clearly to enforcement staff and officers at each state, regarding EAIC's roles and functions as provided in the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 (Act 700)

Forum yang sama adalah platform untuk EAIC memberi dan mendapatkan maklum balas serta membincangkan masalah yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa dalam menguatkuasakan undang-undang.

The same forum was a platform for EAIC to give and receive feedback as well as to discuss problems faced by enforcement officers in enforcing the law.

YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam, Pengerusi EAIC melalui ucapan perasmiannya di ketiga-tiga sesi dialog ini telah membangkitkan beberapa isu dan memberikan input dan pandangan seperti berikut:

(a) EAIC sentiasa peka dalam memantau semua isu-isu yang melibatkan soal integriti khususnya yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan di bawah seliaannya. Dalam hal ini EAIC telah mengambil pendekatan muhibbah dengan mengadakan mesyuarat dan perjumpaan dengan agensi-agensi terlibat untuk menyampaikan reaksi dan pemerhatian EAIC terhadap isu-isu berbangkit. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan ialah perjumpaan secara langsung dengan kepimpinan tertinggi agensi-agensi terlibat (SPRM, Bank Negara Malaysia dan PDRM) berkaitan siasatan pihak polis yang melibatkan pegawai SPRM dan Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Selain daripada mendapatkan fakta latar belakang perkara dan isu yang berbangkit, EAIC turut memberikan pandangan secara langsung kepada kepimpinan tertinggi agensi terhadap perkara-perkara berbangkit. Aspek-aspek pematuhan SOP berkaitan sesuatu aktiviti siasatan dan penguatkuasaan undang-undang turut diberikan perhatian dalam sesi perbincangan.

(b) EAIC memandang serius terhadap kes berhubung beberapa pegawai polis yang dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan jenayah menyebabkan kematian atau mendatangkan kecederaan ke atas orang tahanan. Siasatan terhadap kes-kes ini

YA Datuk Yaacob Md Sam, EAIC Chairman in his opening speech at all three dialogue sessions, raised several issues and presented his views as follows:

(a) EAIC is always ready to monitor all issues involving matters of integrity, especially those related to enforcement agencies under its supervision. In line with that, EAIC has taken the communal approach by organizing meetings with the agencies involved to convey its feedback and observations on raised issues. Among the actions taken were meetings with the top management of the agencies involved (SPRM, Bank Negara Malaysia and PDRM) on the recent police investigations which involved SPRM officers and Bank Negara Malaysia. Aside from obtaining the background information on the matter and other related issues, EAIC also gave direct feedback to the top management of the agencies regarding the matter. Matters related to SOP compliance in investigation acivities and law enforcement were also focused on during the discussion sessions.

(b) EAIC takes a very serious view of cases involving police officers facing criminal charges in court for causing deaths or injuries to detainees. Investigations on these cases need to be done with integrity and credibility by officers beyond the authority of the head of

hendaklah dilakukan dengan berintegriti dan penuh kredibiliti oleh pegawai yang bebas dari kawalan ketua jabatan. Pendekatan penyelesaian ke atas isu ini mungkin melibatkan pindaan undang-undang berkaitan termasuk Kanun Tatacara Jenayah dan Akta 700 dengan kuasa-kuasa siasatan untuk diberikan kepada EAIC. Undang-undang yang digubal perlu memperuntukkan supaya menjadi suatu kewajipan bagi agensi penguatkuasa melaporkan serta merta sebarang kes kematian orang tahanan di dalam lokap kepada EAIC selain dari pihak Majistret.

(c) Perkembangan terkini mengenai beberapa kes kematian dalam tahanan PDRM di bawah siasatan EAIC termasuk:

i. Kematian James Ramesh di Lokap Central, IPK Pulau Pinang (yang telah yang telah dimuat naik ke laman sesawang EAIC pada 30 Januari 2015);

ii. Pendengaran awam yang dijalankan oleh EAIC pada 27 Julai 2015 bagi menyiasat kematian tahanan N. Dharmendran di Lokap D9, IPK Kuala Lumpur; dan

iii. Tiga lagi kejadian kematian orang tahanan semasa berada di lokap polis yang disiasat oleh EAIC termasuk P. Karuna Nithi, Syed Mohd Azlan Syed Mohammad Nur dan S. Shahshikumar a/l Selvam.

(d) Peringatan dan tuntutan untuk lebih berhati-hati kepada penjawat awam terutama yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang terdedah kepada penelitian dan pemerhatian orang awam. Contohnya kejadian tertentu boleh dimuat naik ke alam maya melalui aplikasi internet seperti facebook, portal, WhatsApp, Instagram, Telegram dan sebagainya dan boleh menjadi “viral” dalam sekelip mata.

(e) Pelaksanaan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh negara secara jujur dan komited oleh pihak berkuasa berhubung dengan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang dari negara dibolosi oleh penyeludup atau pendatang tanpa izin.

(f) Kegagalan atau kelemahan penguatkuasaan undang-undang akan menjurus kepada penyelewengan oleh pegawai penguat

the department. Solutions to these issues may involve law amendments, which may include the Criminal Procedure Code and Act 700 with the investigative authority given to EAIC. The amended legislation needs to have provisions which state that it is the responsibility of enforcement agencies to immediately report any case of custodial death to EAIC as well as to the magistrate.

(c) The latest developments of a few custodial death cases while in PDRM custody, under EAIC’s investigation including:

i. The death of James Ramesh at Central Lockup, IPK Pulau Pinang (uploaded on EAIC website on 30 January 2015);

ii. A public hearing which was conducted by EAIC on 27 July 2015 to investigate the custodial death of N. Dharmenddran at Lockup D9, IPK Kuala Lumpur; and

iii. Three more custodial deaths, while in police lockup that were investigated by EAIC namely, the deaths of P. Karuna Nithi, Syed Mohd Azlan Syed Mohammad Nur and S. Shahshikumar a/l Selvam.

(d) Reminders and warnings for civil servants to be more alert when performing enforcement duties as they are conctantly under the scrutiny and observation of the general public. For example, any particular incident may be uploaded through internet applications such as Whatsapp, Instagram, Telegram andit could become viral in a blink of an eye.

(e) Fulfilling responsibilities, which have been entrusted upon local authorities by the nation, honestly and with full commitment, is linked to the security and enforcement laws of the nation which is constantly fighting battles with smugglers and illegal immigrants.

(f) Failure or weakness in law enforcement will lead to misconduct by an enforcement officer. Examples of the weaknesses which could

kuasa. Contoh kelemahan yang dapat dilihat berdasarkan isu semasa yang dilaporkan oleh media seperti ketiadaan kordinasi antara agensi penguatkuasaan yang mendorong kepada beberapa insiden seperti kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang berlaku di Cameron Highlands, Pahang pada tahun 2014, aktiviti penyeludupan diesel di sempadan negara, pengeluaran lesen memandu "terbang" dan terkini isu nasional yang melibatkan isu pemerdagangan manusia (human trafficking) berskala besar serta penemuan perkuburan mangsa pemerdagangan di sempadan utara tanah air.

be seen in current issues as reported by the media, were the lack of coordination between enforcement agencies which led to a few incidents such as the landslide and mud flood which occurred in Cameron Highlands Pahang in 2014, the diesel smuggling activities at the country's borders, the issuance of the "flying" driving license and the latest national issue involving large scale human trafficking along with the discovery of the graves of the human trafficking victims at the northern borders of the country.

(g) Pengulangan kejadian sedemikian melihatkan usaha-usaha peningkatan dan pemantapan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa masih di tahap yang lemah. Kegagalan agensi penguatkuasaan terlibat mengesan awal ketirisan disiplin yang berlaku dan ketidakpatuhan kepada SOP agensi telah membentuk persepsi negatif di kalangan masyarakat. Sehubungan itu. kredibiliti dan keyakinan masyarakat perlu dikembalikan dan dibina semula.

(g) Repeated occurrences of such incidents clearly indicate that efforts at enhancing and strengthening the integrity of enforcement officers are still weak. The failure of the relevant enforcement agencies to detect early these issues of lack of discipline and non-compliance of the agency's SOP, has led to the negative perception from the general public. In line with that, the agencies' credibility and the public's faith need to be rebuilt.

(h) Pegawai penguat kuasa juga diingatkan sebagai pegawai awam mereka sentiasa terikat dengan Perintah-Perintah Am Bab D – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) yang memperuntukkan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan atau boleh dilakukan oleh seseorang penjawat awam. Tindakan tegas perlu diambil oleh ketua jabatan atau pihak berkuasa tatatertib terhadap pegawai penguat kuasa yang terlibat dengan salah laku dan mengelakkannya dari berleluasa.

(h) Enforcement officers need to be reminded that as civil servants, they are tied to General Order Chapter D - Public Officers Regulations (Conduct and Discipline) 1993 (Amendment 2002) which provides for actions that can or cannot be done by a civil servant. Strict action should be taken by the head of the department or the disciplinary authority on enforcement officers who are involved in misconduct to prevent it from spreading.

(i) Para peserta diingatkan penubuhan EAIC bukanlah untuk mencari kesalahan atau membuka aib mana-mana pegawai penguat kuasa tetapi bertujuan untuk memantapkan integriti dan memperkasakan akauntabiliti serta kredibiliti perkhidmatan sedia ada. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan EAIC agar agensi-agensi penguatkuasaan lebih proaktif dalam usaha mempertingkatkan serta memantapkan integriti pegawai penguat kuasa masing-masing. Antara pendekatan dan mekanisme yang sesuai

(i) The attendees were reminded that the establishment of EAIC was not to find faults or disgrace any enforcement officer but to enhance integrity and strengthen accountability and service credibility. At the same time, it is EAIC's hope that all enforcement agencies be more proactive in their efforts to improve and enhance the sense of integrity in their enforcement officers. Some of the more appropriate approaches and mechanisms included attending courses

adalah seperti menghadiri kursus termasuk kursus *"refresher"* dan seminar bersesuaian manakala daripada aspek psikologinya kaedah memotivasikan dan penghargaan majikan kepada pekerjanya selain daripada kaedah imbuhan juga boleh dipraktikkan. Ketua-ketua jabatan dan pegawai atasan juga wajar melakukan pengawasan yang lebih efektif dan sistematik ke atas aktiviti agensi, pegawai dan anggotanya, di samping memperlihatkan contoh kepimpinan yang terbaik

such as refresher courses and seminars while from the psychological aspect, instilling moitivation and showing appreciation aside from remuneration methods could be applied. Heads of departments and upper level officers should also monitor their agencies' and their officers' activities more effectively and more systematically while at the same time, be an exemplary leader.

Tuan Ahmad Razif Mohd Sidek (Pengarah Bahagian Operasi EAIC), melalui sesi Taklimat Operasi telah memberikan penerangan terperinci mengenai pengurusan aduan dan siasatan oleh EAIC.

Tuan Ahmad Razif Mohd. Sidek (EAIC Operations Division Director), in the Operations Briefing, explained in detail regarding EAIC's complaint and investigation management.

Beberapa kajian kes serta contoh-contoh aduan yang dikendalikan oleh EAIC berhubung salah laku anggota penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seperti lewat mengambil tindakan, tindakan yang tidak wajar turut dikongsikan dalam sesi ini berdasarkan paparan beberapa klip video salah laku yang dimuat naik oleh orang awam di laman sosial *youtube*.

A few case studies and samples of complaints handled by EAIC, related to the misconduct of an enforcement officer and enforcement agencies such as being too slow in taking action and inappropriate actions, were shared during the session via video clips uploaded by the public on a social network like youtube.

Peserta turut didedahkan mengenai cabaran yang dihadapi dan ekspektasi EAIC terhadap agensi-agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan aduan dan siasatan, termasuk kurangnya keyakinan orang awam terhadap EAIC, tanggapan negatif pegawai dan agensi penguatkuasaan dan kurangnya kefahaman pengadu mengenai fungsi EAIC. Peserta juga dimaklumkan mengenai usaha dan pendekatan yang telah diambil oleh EAIC dalam menangani cabaran-cabaran serta menerangkan ekspektasi EAIC kepada semua pihak di pelbagai peringkat termasuk di peringkat pengurusan tertinggi, pihak operasi dan pelaksana agensi, media-media cetak dan elektronik, orang awam di bandar dan luar bandar serta media sosial.

The attendees were also shown the challenges faced by EAIC as well as its expectations towards enforcement agencies in their efforts in handling complaints and investigations, including the public's lack of faith in EAIC, the negative perception towards enforcement officers and agencies and as well as the lack of knowledge regarding EAIC's functions on the part of the complainant. The attendees were also informed of EAIC's efforts and its approach in handling these challenges,and its expectations towards all parties at all levels, including the top management, operations and enforcement officers, the print and electronic media, the general public in towns and rural areas as well the social media.

Sesi dialog telah dipengerusikan oleh Pengerusi EAIC YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam dan disertai oleh Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan Setiausaha EAIC. Peserta telah mengutarakan pelbagai isu dan persoalan dari bidang kuasa EAIC, kelemahan penguasaan tatacara oleh anggota penguat kuasa, usaha dan mekanisme serta syor-syor penambahbaikan yang sewajarnya.

The dialogue session was chaired by EAIC Chairman YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam and accompanied by EAIC Commissioners and Secretary. The attendees forwarded various issues and questions on EAIC jurisdiction, weaknesses in enforcing enforcement procedures by enforcement officers, efforts and mechanisms and recommendations for necessary improvements.

III. LAWATAN KERJA KE AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN

Sesi lawatan kerja ke agensi penguatkuasaan seliaan merupakan pendekatan EAIC terhadap pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat operasi (operational level) agensi seliaannya. Pada tahun ini, EAIC turut memfokuskan sesi lawatan ini ke agensi-agensi seliaannya yang mempunyai peratusan aduan terendah. Ini adalah sebagai langkah pencegahan awal dan pendedahan kepada pegawai-pegawai di peringkat negeri dan daerah berkaitan isu-isu dan senario berkaitan salah laku dan penyelewengan dalam perkhidmatan. Lawatan kerja yang telah dijalankan pada tahun ini adalah seperti berikut:

III. WORKING VISIT TO ENFORCEMENT AGENCIES UNDER EAIC SUPERVISION

Working visits to enforcement agencies under its supervision was EAIC's means of approaching the enforcement officers in these agencies at operational level. This year, EAIC focused on conducting working visits to the agencies which had the lowest complaint percentage. This was as an early preventative measure and also to expose the officers at state and district levels to issues and scenarios regarding misconduct and service misappropriation. The working visits conducted throughout the year are as follows:

Jadual 15
Table 15

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	AGENSI *AGENCY*
1	22 Jan *22 Jan*	Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur *Department of Environment, Kuala Lumpur*
2	22 Jan *22 Jan*	Unit Penguatkuasaan Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur *Enforcement Unit Heath Department, Kuala Lumpur*
3	23 Jan *23 Jan*	Bahagian Pelesenan Pelancongan Kementerian Pelancongan *Tourism Licensing Division, Ministry of Tourism*
4	4 Feb *4 Feb*	Jabatan Tenaga Kerja Selangor *Labour Department, Selangor*
5	9 Feb *9 Feb*	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Perlis *Royal Customs Department of Malaysia, Perlis*
6	9 Feb *9 Feb*	Jabatan Imigresen Malaysia Perlis *Immigration Department of Malaysia, Perlis*
7	10 Feb *10 Feb*	Jabatan Pengangkutan Jalan Perlis *Road Transport Department, Perlis*
8	30 Apr *30 Apr*	Jabatan Perikanan Pahang *Fisheries Department, Pahang*
9	30 Apr *30 Apr*	Jabatan Perhilitan Pahang *Department of Wildlife and National Parks, Pahang*

IV. PENGAUDITAN DAN PEMANTAUAN TATACARA KERJA SESUATU AGENSI

Selari dengan fungsi EAIC di bawah subseksyen 4(1)(d), EAIC telah mengadakan beberapa pengauditan berkaitan SOP ke premis, balai dan depot agensi penguatkuasaan. Pengauditan ini bertujuan untuk mengenal pasti jika terdapat

IV. AUDITING AND MONITORING WORK PROCEDURE IN AN AGENCY

In line with its functions under subsection 4(1)(d), EAIC has conducted several audits on SOP at enforcement agency premises, stations and depots. The audits were meant to identify if there were any weaknesses in the work procedures currently being

kelemahan dalam tatacara kerja yang diguna pakai agensi penguatkuasaan seterusnya mencadangkan penambahbaikan berkaitan.

used by an enforcement agency and subsequently, recommend necessary improvements.

Sepanjang tahun 2015 EAIC telah mengadakan beberapa siri lawatan ke premis agensi penguatkuasaan. Sepanjang tempoh tersebut EAIC telah mengemukakan cadangan bagi penambahbaikan sesuatu tatacara kerja.

Throughout 2015, EAIC conducted a series of working visits to the premises of enforcement agencies. During that time, EAIC also recommended necessary improvements to work procedures.

Sesi lelongan awam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kuala Lumpur

Public Auction at Public Transport Department (JPJ) Kuala Lumpur

EAIC telah dijemput oleh JPJ KL sebagai pemerhati bagi sesi lelongan awam kenderaan sita. Sesi lelongan yang diadakan sebanyak empat (4) kali setahun ini merupakan salah satu daripada proses melupuskan kenderaan-kenderaan motor yang disita di bawah Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Prosedur ini adalah penting bagi tujuan pelupusan kenderaan-kenderaan yang tidak dituntut oleh pemunya setelah berakhirnya tempoh pewartaan.

EAIC was invited by JPJ KL to be an observer at their public auction of consfiscated public vehicles. The session was held four (4) times a year and was one of the means of disposing motor vehicles that had been confiscated under Section 64 Road Transport 1987. The procedure was an important means of disposing the vehicles that had not been claimed by its owner before the confiscation expiry date.

Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang disediakan oleh JPJ telah menggariskan beberapa prosedur seperti berikut:

i. prosedur penyitaan kenderaan;
ii. prosedur penyimpanan kenderaan sita;
iii. prosedur pelepasan kenderaan sita;
iv. proses pewartaan kenderaan yang disita;
v. prosedur permohonan pelucutan hak pelupusan kenderaan motor yang disita daripadamahkamah; dan
vi. proses pelelongan kenderaan sita.

Section 64 Road Transport Act 1987 which was designed by JPJ underlines the following procedures:

i. vehicle confiscation procedure;
ii. confiscated vehicle storage prosedure;
iii. confiscated vehicle release procedure;
iv. confiscated vehicle expiry process
v. court application for confiscated vehicle disposal forfeiture; and
vi. confiscated vehicle auction process

Pegawai Pemerhati EAIC yang hadir telah memantau perjalanan proses lelongan ini bagi memastikan lelongan tersebut dikendalikan mengikut SOP sepertimana yang telah ditetapkan. Antara aspek yang diambil kira adalah merangkumi kaedah pembayaran, kaedah lelongan dan penentuan harga bidaan. Sepanjang sesi lelongan yang telah disertai EAIC sebagai Pemerhati, didapati pihak JPJ KL telah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dalam SOP berkenaan.

The EAIC Observation Officer who attended the event, monitored the process of the auction to ensure that the auction complied with the SOP that had been set. Among the aspects that were observed were payment method, auction method and bidding prices. Throughout the auction, the EAIC officer who was there as the Observer, found that JPJ KL complied with all the regulations as set in the relevant SOP.

Lawatan Ke Lokap SPRM, PDRM dan Depot JIM

Peruntukan di bawah subseksyen 4(1)(h) Akta 700 memberikan peranan kepada EAIC untuk membuat lawatan ke premis dan lokap agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC. Sepanjang tahun ini EAIC telah membuat beberapa siri lawatan ke lokap PDRM, SPRM dan depot tahanan JIM. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau keadaan fizikal sesuatu pusat tahanan dan kaedah pengurusan lokap sesuatu agensi penguatkuasaan. Selain itu, lawatan EAIC ke SPRM memberi ruang kepada EAIC untuk mendapatkan amalan terbaik pengurusan lokap atau depot bagi tujuan perbandingan dengan lokap-lokap agensi penguatkuasaan di bawah kawal selia EAIC.

Site Visit to SPRM, PDRM and Immigration Department of Malaysia Depot Lockups.

The provisions under subsection 4(1)(h) Act 700 grants EAIC the right to make site visits to the premises of an enforcement agency under itssupervision and the lockups. Throughout the year, EAIC made several visits to PDRM and the Immigration Department depot lockups. The visits aimed to study the physical conditions of a detention centre and thelockup management procedures of an enforcement agency. Aside from that, EAIC's visit to SPRM also gave EAIC ideas on best lockup or depot management practises for comparison purposes with the lockups of the enforcement agencies under the EAIC supervision.

Sepanjang tahun 2015, EAIC juga telah menjalankan beberapa siri lawatan mengejut ke depot-depot tahanan JIM. Antara lawatan yang telah dibuat ialah seperti berikut :

Throughout 2015, EAIC also made a series of surprise visits to the Immigration Department detention depots. The visits made included the following:

Bil *No*	Tempat *Venue*	Tarikh *Date*
1.	Depot Imigresen Machap Umboo, Melaka *Immigration Depot, Machap Umboo, Melaka*	5 Oktober 2015 *5 October 2015*
2.	Depot Imigresen Semenyih, Selangor *Immigration Depot, Semenyih, Selangor*	18 November 2015 *18 November 2015*
3.	Depot Imigresen Langkap, Perak *Immigration Depot, Langkap, Perak*	21 November 2015 *21 November 2015*

Berdasarkan kepada lawatan-lawatan yang telah dibuat, berikut merupakan hasil pemerhatian EAIC:

Based on the visits that were made, EAIC made the following observations:

(a) Kemudahan Asas dan Fasiliti

(a) Basic Facilities

Hasil pemeriksaan EAIC mendapati keadaan depot dan kemudahan-kemudahan asas adalah pada tahap yang tidak memuaskan. Ini berikutan terdapatnya blok-blok tahanan yang menempatkan PATI melebihi kapasiti yang ditetapkan. Tekanan air yang rendah di depot menyukarkan pegawai dan orang tahanan untuk urusan seharian. Wakil EAIC turut dimaklumkan di depot tahanan JIM Langkap, tahanan hanya dibenarkan mandi sehari sekali iaitu pada waktu pagi bagi tujuan meminimumkan penggunaan air.

Upon inspection, EAIC found that the depots' condition and its basic facilities were at an unsatisfactory level. This was mainly due to overcapacity of PATI detainees at the detention blocks. On top of that, low water pressure at the depots also made it difficult for the officers and the detainees to perform their daily hygiene routine. The EAIC representative was also informed that at the Langkap Immigration detention depot, detainees were only allowed to bathe once a day, that is in the morning only, to minimise water usage.

Selain itu, berlakunya kerosakan sistem biometrik di depot-depot tahanan menyebabkan kesukaran dalam proses dokumentasi. Dalam aspek pemeriksaan fizikal, pengawai pengawal depot tahanan terpaksa melakukan pemeriksaan fizikal di bilik Pantri memandangkan bilik pemeriksaan tidak disediakan. Keadaan Pos Pengawal Depot yang daif dan ada antaranya bocor memberikan rasa tidak selesa kepada pengawai pengawal.

Aside from that, there was abiometric system breakdown which made the documentation process difficult. The depot guards also had to conduct physical examinations at the Pantry seeing as there was no examination room provided. The Guard Post was very run-down and there were leakages making it very uncomfortable for the guards.

Menerusi lawatan yang dilakukan, EAIC mendapati berlaku juga kekangan untuk melaksanakan pemantauan dari menara kawalan disebabkan oleh keadaan menara kawalan yang uzur dan reput seterusnya membahayakan keselamatan pegawai pengawal yang berada di situ. Kemudahan kamera litar tertutup (CCTV) juga tidak disediakan dalam depot bagi memantau jumlah tahanan yang besar. Pegawai pengawal juga terdedah kepada penyakit

During the visit, EAIC also noticed that there were obstructions to performing monitoring activities from the control tower as the tower was extremely run-down and rotting, making it a hazardous and riskyplace to be in. There was no closed circuit tv (CCTV) facilities at the depot thus making it impossible for the officers to monitor the huge number of detainees. The guards were also exposed to infectious diseases brought by the detainees, such as TB and the flu. The EAIC

berjangkit seperti yang dibawa oleh orang tahanan seperti tibi dan selsema. Di depot tahanan JIM Langkap, EAIC dimaklumkan bahawa pegawai pengawal hanya menerima vaksin kali terakhir pada tahun 2010.

representative was informed that the officers and guards at the Langkap Immigration detention depot last received their immunisation vaccine in the year 2010.

(b) Pematuhan SOP

(b) SOP Compliance

Lawatan-lawatan yang dibuat oleh EAIC juga menjurus kepada aspek pematuhan SOP oleh pegawai JIM yang mengawal depot tahanan. Hasil pemeriksaan mendapati pegawai pengawal depot mematuhi SOP yang ditetapkan dari aspek perekodan keluar masuk PATI, rekod jumlah PATI dan prosedur lawatan pelawat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa prosedur yang tidak diikuti oleh pegawai pengawal khususnya dalam menguruskan barangan PATI kerana tiada resit atau borang yang digunakan untuk urusan pengambilan barang PATI.

The visits made by EAIC also touched upon SOP compliance by Immigration officers at the detention depots. The inspection revealed that the depot guards were in compliance of the SOP as stated, in terms of PATI entry and exit records, recording the number of PATI and the visiting procedures. However, there were a few procedures that were not adhered to by the guards, specifically those that involved managing PATI's possessions as no receipts or forms recording the confiscation of PATI's belongings, were issued.

Penambahbaikan yang Dicadangkan

Berdasarkan lawatan EAIC ke depot-depot tahanan, EAIC turut mencadangkan langkah yang perlu diambil bagi melancarkan pengurusan dan kawalan depot. EAIC mencadangkn agar bilangan perjawatan pegawai / anggota depot-depot tahanan ditambah bagi memastikan nisbah pegawai / anggota depot dan tahanan dalam kedudukan yang memuaskan.

Selain itu, dari segi keselamatan fizikal bangunan serta Menara kawalan depot-depot tahanan perlu dipertingkatkan bagi kawalan keselamatan yang lebih baik.

Dari aspek kesihatan pegawai, saringan kesihatan tahanan perlu dibuat sebelum tahanan dihantar ke

Suggested Improvements

From the observations made during the visits to the detention depots, EAIC recommended steps that needed to be taken to facilitate depot management and control.EAIC suggested that the number of guards and officers at the detention depots be increased to ensure that the depot guard/officer to detainee ratio was reasonable.

Aside from that, the buildings and the detention depot control tower need to be upgraded for better safety control management.

In terms of the heath of the guards and officers, health screening should be conducted on all detainees

depot. Pegawai pengawal perlu diberikan imunisasi atau vaksin penyakit berbahaya seperti tibi dan kusta.

before they are brought into the depots.The guards and the officers should be given immunisation or vaccines against dangerous diseases such as tuberculosis and leprosy.

Dari segi penyediaan makanan, peruntukan kos minimum makanan perlu ditambah supaya kualiti makanan boleh dipertingkatkan. Kontrak penyediaan makanan wajar dikaji semula sekiranya ketidakpatuhan terma kontrak oleh kontraktor penyediaan berterusan.

In terms of food preparation, the minimum allocation for meals should be increased so the food quality can be improved. Meal provider contracts should be re-evaluated if there is any non-compliance of the terms of contract by the contractors.

Bagi menjamin kebajikan pegawai, kuarters pegawai / anggota perlu diubahsuai serta dibekalkan uniform pekerjaan sekurang-kurangnya 2 pasang bagi menjamin keselesaan pegawai dan anggota.

In terms of guard and officer welfare, their quarters should be modified and they should be supplied with 2 sets of uniforms to ensure the comfort.

Syor dan Cadangan Penambahbaikan Lokap

Recommendations for Lockup Improvements

Dalam usaha EAIC melaksanakan fungsinya di bawah subseksyen 4(1)(d) iaitu mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan, EAIC telah mengambil langkah untuk mengemukakan cadangan kepada agensi penguatkuasaan yang mempunyai pusat tahanan dan lokap. Cadangan ke arah penambahbaikan itu diperolehi melalui pemeriksaan fizikal yang dilakukan serta perbandingan / semakan SOP pengurusan pusat tahan dan lokap agensi penguatkuasaan. Hasilnya, terdapat kelemahan dan kekosongan (lacuna) dalam beberapa prosedur yang perlu ditambah baik bagi mencegah salah laku dan sebagai rekod untuk semakan.

As part of its efforts to perform its functions under subsection 4(1)(d), that is to conduct audits and monitor specific aspects of operations and procedures of an enforcement agency, EAIC decided to forward a proposal to the enforcement agencies which have detention centres and lockups. The recommendations for improvements were made after physical inspections as well as comparison/review of the enforcement agency detention centres and lockup management SOP. As a result of the observations, EAIC found that there were weaknesses and loopholes in a few of the procedures which needed to be improved to prevent misconduct and as a record for reviews.

EAIC menerusi surat bertarikh 8 Jun 2015 telah mengemukakan beberapa cadangan pindaan dan tambahan kepada SOP Pengurusan Lokap PDRM bertujuan untuk memantapkan lagi tahap tanggungjawab pegawai penjaga lokap dan anggota penjaga lokap. Beberapa tambahan dan cadangan pindaan yang telah dikemukakan ini adalah selari dengan usaha untuk membasmi kejadian orang tahanan meninggal dunia akibat daripada kecederaan yang dialami semasa di dalam tahanan.

EAIC, in a letter dated 8 June 2015, presented a few amendment recommendations and additions to the PDRM Lockup Management SOP in order to increase the sense of responsibility in the lockup guards and officers. The additions and amendment recommendations that were presented were in line with efforts to eradicate custodial deaths as a result of injuries sustained during custody.

Lanjutan daripada cadangan dan syor yang telah dikemukakan oleh EAIC, menerusi surat bertarikh 7 September 2015, EAIC telah dimaklumkan bahawa

Following the recommendations by EAIC, in a letter dated 7 September 2015, EAIC was informed that the recommended amendments for the PDRMLockup

syor dan cadangan pindaan kepada SOP Pengurusan Lokap PDRM telah dibentangkan dan dipersetujui oleh pihak PDRM.

Management SOP had been presented and accepted by PDRM.

Ceramah / Kursus / Taklimat kepada Agensi Seliaan Penguatkuasaan

Lectures Courses / Briefings to Enforcement Agencies under EAIC Supervision

Selaras dengan matlamat mencegah salah laku di kalangan pegawai dan agensi penguatkuasaannya EAIC giat memenuhi undangan sebagai ahli panel forum / penceramah kursus dan taklimat kepada pegawai dan kakitangan penguat kuasa dan orang awam di sepanjang tahun ini. Forum / ceramah / kursus / taklimat yang telah disertai adalah seperti berikut:

In line with its function to prevent misconduct among officers and enforcement agencies under its supervision, EAIC is constantly accepting invitations to be forum panelist and courselecturers to enforcement officers as well as the public throughout the year. The forums/talks/courses / briefings that EAIC attended are as follows:

Jadual 16
Table 16

BIL. *NO*	TARIKH *DATE*	FORUM / CERAMAH / TAKLIMAT / KURSUS *FORUM / LECTURE / BRIEFING / COURSE*	TEMPAT *VENUE*	PESURUHJAYA / PEGAWAI *COMMISSIONER / OFFICER*
1	10 Mac *10 Mar*	Kursus Asas Pendakwaan *Basic Prosecution Course*	Maktab PDRM, Kuala Lumpur	Puan Shukriah Hamidah binti Mohamad
2	10 Mac *10 Mar*	Kursus Siasatan Jenayah Siber *Cyber Crime Investigation Course*	Maktab PDRM, Kuala Lumpur	Encik Hamzah bin Ibrahim
3	20 April *20 Apr*	Kursus Asas Siasatan Jenayah Komersil 2015 *Basic Commercial Crime Investigation Course 2015*	Maktab PDRM, Kuala Lumpur	Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek
4	20 Mei *20 May*	*Brown Bag Session*: Taklimat Berkenaan Akta 711 dan Akta 696 Serta Perbandingannya *Brown Bag Session: Briefing on Act 711 and Act 696 and Comparison between Both*	EAIC	Tuan Kamal Baharin bin Omar
5	2 Jun *2 June*	Sesi Dialog EAIC Bersama Agensi Penguatkuasaan Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor) *EAIC Dialogue Session With Southern Zone (Melaka, Negeri Sembilan and Johor) Enforcement Agencies*	Hotel Holiday Inn, Melaka	YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam Tuan Kamal Baharin bin Omar Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek
6	12 Ogos *12 Aug*	Kursus Integriti Agensi Penguatkuasaan *Course on Enforcement Agency Integrity*	Pejabat Imigresen, KLIA	Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek
7	25 Ogos *25 Aug*	Ceramah Bengkel Meningkatkan Kualiti *Workshop Talk on Enhancing Quality*	Bukit Tinggi, Pahang	Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek

BIL. *NO*	TARIKH *DATE*	CERAMAH / TAKLIMAT / KURSUS / FORUM *LECTURE / BRIEFING / COURSE / FORUM*	TEMPAT *VENUE*	PESURUHJAYA / PEGAWAI *COMMISSIONER / OFFICER*
8	3 Sept *3 Sept*	Panel Forum Bengkel Perintah Khidmat Masyarakat Dengan Kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) *Forum Panel Workshop on Community Service Order with Institute of Judiciary and Legislation (ILKAP)*	ILKAP, Bangi Selangor	Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek
9	28 Sept *23 Sept*	Sesi Dialog EAIC Bersama Agensi Penguatkuasaan Zon Pantai Timur (Terengganu, Pahang dan Kelantan) *EAIC Dialogue Session with East Coast Zone (Terengganu, Pahang and Kelantan) Enforcement Agencies*	Duyong & Marina Resort, Terengganu	YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam Tuan Kamal Baharin bin Omar Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek
10	6 Okt *6 Oct*	Kursus Memberi Keterangan Di Mahkamah Siri 2/2015 *Course on Giving Statements in Court Session 2/2015*	Maktab PDRM, Kuala Lumpur	Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek
11	16 Okt *16 Oct*	Ceramah 'EAIC dan Tanggungjawab Mempertahankan Integriti Penjawat Awam' *Lecture on EAIC and its Responsibility to Uphold Civil Servant Integrity*	JPN, Putrajaya	Puan Shukriah Hamidah binti Mohamad
12	18 Okt *18 Oct*	Forum Awam Untuk Menggalakkan Akauntabiliti Polis *Public Forum on Promoting Police Accountability*	Kelantan Golf & Country Club, Kota Bharu, Kelantan	YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam Tuan Kamal Baharin bin Omar
13	6 Nov *6 Nov*	*Public Forum on Promoting Greater Police Accountability in Malaysia*	Ramada Plaza, Melaka	YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam Tuan Kamal Baharin bin Omar
14	16 Nov *16 Nov*	Ceramah Integriti Bersama Penjawat Awam *Lecture on Integrity with Civil Servants*	Institut Vaterinar Malaysia	Encik Hamzah bin Ibrahim
15	28 Nov *28 Nov*	Dialog EAIC Bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Media *EAIC Dialogue with Non-Government Organisations (NGO) and the Media*	Hotel Bangi, Bangi	YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam Tuan Kamal Baharin bin Omar Tuan Ahmad Razif bin Mohd Sidek

PROMOSI DAN HUBUNGAN LUAR

Hubungan dengan Media

Menyedari pentingnya usaha memupuk kesedaran umum yang berterusan mengenai fungsi, kewujudan dan perkembangan aktivitinya, EAIC telah menyelaras beberapa rangkaian promosi yang menghubungkan EAIC dengan media dan orang awam iaitu menerusi (i) penyiaran iklan di saluran RTM 1, RTM 2 dan stesen-stesen radio RTM, (ii) temu bual dan wawancara di media massa dan (iii) kenyataan media bagi hebahan dapatan siasatan.

PROMOTIONS AND EXTERNAL RELATIONS

Relationship with the Media

Realising the importance of instilling an awareness in the public regarding its functions and expanding activities, EAIC conducted a series of promotions which linked EAIC with the media and the public ie through (i) advertisements on RTM 1, RTM 2 and RTM radio stations, (ii) media interviews, and (iii) press releases to announce the findings of investigations.

Senarai temu bual dan wawancara yang telah dijalankan melalui beberapa media cetak dan media elektronik pada tahun ini adalah seperti berikut:

The list of interviews that were conducted on print and electronic media this year are as follows:

Jadual 17
Table 17

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	AKHBAR / TV / RADIO *NEWSPAPER / TV / RADIO*	TAJUK ARTIKEL / SLOT *ARTICLE TITLE / SLOT*
1.	17 Mac *17 Mar*	Berita Harian	85% Aduan Diterima EAIC Babitkan PDRM *85% of Complaints Received by EAIC Involves PDRM*
2.	20 Mac *20 Mar*	New Straits Times	*EAIC Pushes Power To Act* *EAIC May Setup Zone Office* *756 Complaints Filed Against Cops In Four Years*
3.	23 Mac *23 Mar*	Utusan Malaysia	EAIC Bukan Posmen *EAIC Not Postman*
4.	6 Mei *6 May*	Harian Metro	SIAP Siasat Semula *SIAP Re-Investigates*
5.	9 Apr *9 Apr*	Bersama	Agenda AWANI *AWANI's Agenda*
6.	8 Mei *8 May*	Radio Bernama 24	Dalam Radar *On Radar*
7.	24 Mei *24 May*	RTM 2 What Say You	Budaya Integriti Dalam Agensi Penguatkuasaan *Integrity Culture in Enforcement Agencies*
8.	20 Mei *20 May*	Radio Negeri FM	Kemilau Negeri *State Glimmers*
9.	28 Mei *28 May*	Radio Melaka FM	Bicara Agensi *Agency Talks*
10.	9Julai *9 July*	Radio Traxx FM	Momentum *Momentum*
11.	31 Julai *31 July*	Radio Bernama 24	Dalam Radar *On Radar*
12.	16 Ogos *16 Aug*	RTM 2 What Say You	Ketelusan Dalam Penguatkuasaan *Transparency in Enforcement*
13.	22 Sept *22 Sept*	Radio Kelantan FM	Program Inovasi Khidmat Awam *Public Service Innovation Programmes*
14.	24 Sept *24 Sept*	Radio Pahang FM	Tetamu Ekslusif *Exclusive Guests*
15.	27 Sept *27 Sept*	Radio Terengganu FM	Selamat Pagi Terengganu *Good Morning, Terengganu*
16.	16 Okt *16 Oct*	Radio Johor FM	Johor Sana Sini *Here and There, Johor*

Senarai kenyataan media oleh EAIC pada tahun ini iaitu seperti berikut:

The list of EAIC press releases this year are as follows:

Jadual 18
Table 18

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	TAJUK *TITLE*
1.	30 Januari *30 January*	Siasatan EAIC Ke Atas Kematian James Ramesh Semasa Dalam Tahanan Polis Diraja Malaysia *EAIC Investigates Death of James Ramesh While in Royal Malaysian Police Custody*
2.	6 Februari *6 February*	EAIC Seru Syor Pengurusan Lokap Diberi Perhatian Dan Tindakan Segera Dilaksana Oleh 4 Agensi Yang Terlibat Dengan Lokap Tahanan *EAIC Recommends Attention be Paid to Lockup Management and Immediate Action be Taken by the 4 Agencies Involved in Detainee Lockups*
3.	27 April *27 April*	Dakwaan Salah Laku Imigresen: Tindakan Telah Diambil *Immigration Misconduct Charges: Action Taken*
4.	15 Jun *15 June*	Pendengaran Awam EAIC Berhubung Siasatan Kematian N. Dharmendran Semasa Dalam Tahanan Polis Diraja Malaysia *EAIC Public Hearing In Investigation on Death of N. Dharmendran While in Custody of Royal Malaysian Police*
5.	15 Jun *15 June*	Tindakan EAIC Terhadap Aduan Yang Diterima Berkaitan Salah Laku Polis Diraja Malaysia *EAIC's Actions On Complaints Received Regarding Misconduct of Royal Malaysian Police*
6.	15 Jun *15 June*	Pendengaran Awam Sesi Pertama oleh EAIC Berhubung Siasatan Kematian Dharmendran Semasa Dalam Tahanan Polis Diraja Malaysia *First Session of EAIC Public Hearing In Investigation on Death of Dharmendran While in Custody of Royal Malaysian Police*
7.	9 Julai *9 July*	Pendengaran Awam Sesi Kedua oleh EAIC Berhubung Siasatan Kematian Dharmendran Semasa Dalam Tahanan Polis Diraja Malaysia *Second Session of EAIC Public Hearing In Investigation on Death of Dharmendran While in Custody of Royal Malaysian Police*
8.	7 Okt *7 Oct*	Pendengaran Awam Sesi Keempat oleh EAIC Berhubung Siasatan Kematian Dharmendran Semasa Dalam Tahanan Polis Diraja Malaysia *Fourth Session of EAIC Public Hearing In Investigation on Death of Dharmendran While in Custody of Royal Malaysian Police*
9.	30 Okt *30 Oct*	Makluman Siasatan EAIC ke Atas Kematian Syed Mohd Azlan Bin Syed Mohamed Nur Semasa Di Dalam Tahanan Polis Diraja Malaysia *EAIC Investigation Findings on Death of Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur While in Custody of Royal Malaysian Police*
10.	23 Dis *23 Dec*	Kes Berkaitan Jabatan Imigresen: Siasatan Selesai dan Pengadu Telah Dimaklumkan *Immigration Department Case: Investigation Completed and Complainants Informed*

Komunikasi Strategik

Selaras dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi, EAIC sentiasa aktif dalam mengoptimumkan penggunaan media sosial (facebook, twitter dan youtube) untuk menyampaikan maklumat dan mempertingkatkan akses rakyat terhadap peranan dan fungsinya.

Melalui medium ini juga, EAIC turut memantau isu-isu semasa yang berkait dengan perlanggaran integriti di kalangan pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan seliaannya. Terdapat juga kes-kes salah laku yang dikesan dan telah disalurkan ke Seksyen Aduan EAIC untuk tindakan selanjutnya.

Strategic Communication

In line with the fast expansion of the communication technology, EAIC is always active in optimising the use of the social media (facebook, twitter and youtube) to convey information and to enhance public accessability to its roles and functions.

Through that medium, EAIC also monitors current issues which are related to integrity violations among enforcement officers / enforcement agencies under its supervision. Some cases of misconduct were detected and channeled to the EAIC Complaints Section for further action.

EAIC(Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan)

New Straits Times, 9 Januari 2015

RTD to review SOP to protect officers

FACING DANGER: Review to be made in light of bullying case caught on video

Agensi Seliaan | Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Snapshot ruangan komen di facebook EAIC

EAIC turut memberikan tindak balas segera (real time) terhadap isu dan komen yang diberikan oleh pengguna-pengguna media sosial.

EAIC also provides immediate (real time) response to issues and comments made by social media users.



Statistik likes facebook Januari – Disember 2015

Statistics of likes on facebook in January – December 2015



Statistik pengunjung laman sesawang 2015

Statistics of visitors to website in 2015

Peningkatan jumlah *likes* di laman rasmi facebook EAIC dan pengunjung laman sesawang EAIC di atas menunjukkan perkembangan yang positif lanjutan daripada usaha EAIC dalam merakyatkan peranan dan perkhidmatannya

The increase of 'likes' on EAIC's official facebook and visitors to EAIC's website indicated a positive growth as a result of EAIC's efforts in bringing its roles and functions to the people.

Penyiaran Slot Siaran Iklan dan Hebahan Publisiti EAIC

EAIC telah bekerjasama dengan Jabatan Penyiaran Malaysia untuk menyiarkan siaran iklan Hebahan publisitinya pada tahun ini di stesen televisyen RTM1 dan RTM2. Iklan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berdurasi 30 saat ini telah disiarkan selama tiga bulan bermula November 2015 hingga Januari 2016. Penyiaran ini bertujuan membantu EAIC menyalurkan informasi dan makluman kepada orang awam dengan lebih pantas, meluas dan efektif khususnya di kawasan pedalaman yang menjadikan rancangan televisyen sebagai medium maklumat. Penyiaran ini dapat menambahkan lagi kesedaran umum mengenai fungsi dan peranannya dengan lebih jelas.

EAIC Advertisement Slots and Publicity Announcements

EAIC worked together with the Malaysia Broadcasting Department to broadcast a publicity advertisement on both RTM1 and RTM2 television channels. The advertisements which were in Malay and English, ran for 30 seconds and were broadcast for three months from November 2015 to January 2016. The broadcast aimed to assist EAIC convey information to the public on a means that is faster, has a wider coverage and is more effective, especially in the rural areas where television programmes are mediums of information. The broadcast managed to successfully increase public awareness regarding EAIC's roles and functions.

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

RELATIONS WITH STAKEHOLDERS

Kunjungan Hormat dan Lawatan Sambil Belajar

Sepanjang tahun ini, EAIC telah menerima beberapa kunjungan hormat oleh agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dan sesi lawatan sambil belajar. Kedua-dua program ini secara kebiasaannya memberikan input berkaitan pengenalan fungsi EAIC secara keseluruhan, inisiatif-inisiatif yang sedang dijalankan serta perancangan untuk membantu Kerajaan dalam usaha menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa.

Courtesy Call And Study Visit

Throughout the year, EAIC received a few courtesy visits from Government and non-Government agencies, as well as some study visits. Both these events, in general, provided an introduction to EAIC's functions as a whole and expounded on on-going initiatives and plans to assist the Government in its effort to promote integrity and eradicate misconduct amongst enforcement officers.

Jadual 19
Table 19

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	AGENSI / ISU PERBINCANGAN *AGENCY / DISCUSSION TOPIC*
1.	15 Januari *15 January*	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) *Human Rights Commission of Malaysia*
2.	30 Januari *30 January*	Amnesty International Malaysia (AIM) *Amnesty International Malaysia*
3.	20 April *20 April*	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) *Malaysia Anti-Corruption Academy (MACA)*
4.	26 Ogos *26 August*	Felo Perdana, Jabatan Perdana Menteri (JPM) *Perdana Fellows*
5.	20 Oktober *20 October*	Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) *Voice of Human Rights (SUARAM)*

SUHAKAM

Hadir pada sesi kunjungan hormat ini ialah barisan Pesuruhjaya SUHAKAM yang diketuai oleh Pengerusi SUHAKAM, YBhg. Tan Sri Hasmy bin Agam dan pegawai-pegawai kanan SUHAKAM. Tujuan utama kunjungan tersebut adalah untuk kedua-dua pihak mendalami peranan dan bidang kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Perbincangan telah memfokuskan isu-isu seperti berikut:

SUHAKAM

Also present at the courtesy visit were the SUHAKAM Commissioners, led by Chairman of SUHAKAM, Ybhg. Tan Sri Hasmy bin Agam and senior officials of SUHAKAM. The main objective of the visit was for both parties to get a better understanding of each other's roles and jurisdictions. The discussion focused on the following issues:

i. Perbandingan antara Akta 700 dan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) iaitu dari segi fungsi, agensi-agensi yang terpakai dan kuasa siasatan.

ii. Cadangan mengenai bidang kerjasama dan usahasama yang boleh diwujudkan antara SUHAKAM dan EAIC iaitu seperti berikut:

(a) EAIC dapat memberikan sokongan terhadap syor SUHAKAM terhadap Kerajaan untuk menerima pakai Konvensyen Menentang Penyeksaan (Convention Against Torture – CAT) dengan tujuan menghapuskan undang-undang dan amalan-amalan yang menjurus kepada penyeksaan contohnya kes-kes layanan terhadap tahanan dan kematian di lokap di agensi penguatkuasaan di negara ini;

(b) Kerjasama dalam mengadakan lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lawatan mengejut ke lokap mengikut tatacara dan membuat syor penambahbaikan;

(c) Kerjasama dalam membuat penilaian dan mengkaji penambahbaikan yang perlu dalam menangani kes-kes kematian dalam tahanan di lokap;

(d) Usahasama dalam menguruskan aduan salah laku terutama yang berkaitan dengan agensi seliaan EAIC akan disalurkan oleh SUHAKAM dan yang berkaitan perlanggaran hak asasi manusia disalurkan kepada SUHAKAM; dan

(e) Usahasama dalam aktiviti promosi dan publisiti mengenai kesedaran umum terhadap isu-isu perlanggaran hak asasi manusia dan pembanterasan salah laku di kalangan penguat kuasa melalui aktiviti / program kolaborasi antara SUHAKAM dan EAIC seperti *roadshow*, hari bertemu pelanggan.

i. Comparison of Act 700 and the Malaysian Human Rights Commission Act 1999 (Act 597) in terns of function, agencies involved and investigative authority.

ii. Recommendations regarding areas of cooperation that could be established between SUHAKAM and EAIC were as follows:

(a) EAIC agreed with SUHAKAM's recommendation that the Government accept the Convention Against Torture (CAT) in order to eradicate laws and procedures that lead to torture, for example, cases which involve treatment of detainees and custodial deaths in lockups of enforcement agencies in Malaysia;

(b) Cooperation in terms of visits to enforcement agency premises, including visiting police stations, surprise visits to lockups according to procedure and making recomendations;

(c) Cooperation in terms of assessing and studying necessary improvements to handle custodial death cases;

(d) Cooperation in managing complaints of misconduct, namely, those that involve agencies under the supervision of EAIC will be handed over by SUHAKAM while those that involve the violation of human rights will be handed over to SUHAKAM.

(e) Cooperation in promotional and publicity activities on raising public awareness regarding issues of human rights violations and the eradication of misconduct among enforcement officers through collaborative activities / programmes between SUHAKAM and EAIC, such as roadshows and meet-the-customer days.

AIM

Sesi kunjungan hormat ini telah diwakili oleh Cik Sharmini Darshni, Pengarah Eksekutif AIM dan Cik Gwen Lee, Penyelaras Kempen. Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk mengetahui perkembangan mengenai kes-kes aduan yang diterima dan disiasat oleh EAIC terutama yang berkaitan dengan kematian dalam tahanan.

AIM

In this courtesy visit, AIM was represented by Ms Sharmini Darshini, AIM Chief Executive and Ms Gwen Lee, Campaign Coordinator. The main objective of the visit was to learn about the developments of the complaint cases that had been received and investigated by EAIC, especially the ones regarding custodial deaths.

EAIC mengambil maklum mengenai matlamat utama penubuhan AIM iaitu untuk menghentikan pencabulan hak-hak asasi manusia di negara ini. EAIC difahamkan AIM bergiat aktif dalam untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai isu-isu hak asasi manusia antaranya isu kematian dalam tahanan dan kebebasan bersuara.

EAIC was informed of the primary objective of AIM's establishment, which was to stop human rights violations in this country. EAIC was given to understand that AIM was very active in raising awareness and understanding on the issues of human rights which included custodial deaths and freedom of speech.

YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam telah memberikan penerangan yang terperinci dan perkembangan semasa berkaitan kes-kes kematian dalam tahanan PDRM di bawah siasatan EAIC termasuk kes kematian James Ramesh (Kuala Lumpur), Syed Azlan Syed Mohamed Nur (Johor), dan P. Karuna Nithi (Negeri Sembilan). Di kesempatan yang sama beliau turut membentangkan dapatan siasatan dan syor-syor penambahbaikan EAIC terhadap pengurusan lokap PDRM yang telah diumumkan oleh EAIC melalui Laporan Siasatan Kematian James Ramesh di bawah tahanan PDRM pada hari kunjungan tersebut (30 Januari 2015).

YA Datuk Yaacob Md Sam gave a detailed explanation and the latest developments on the custodial death cases involving PDRM detainees, which were being investigated by EAIC including the deaths of James Ramesh (Kuala Lumpur), Syed Azlan Syed Mohamed Nur (Johor) and P. Karuna Nithi (Negeri Sembilan). At the same time, YA Datuk also presented the findings of the investigation and EAIC's recommendations towards improving PDRM lockup management which, incidentally was alsopresented by EAIC in the James Ramesh Custodial Death InvestigationReport on the day of the visit (30 January 2015).

MACA

Lawatan ini adalah sehubungan dengan Projek Penanda Arasan yang dijalankan oleh pelajar-

MACA

This visit was held in conjunction with the Benchmarking Project which was conducted by

pelajar Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Antara isu-isu yang dibincangkan semasa lawatan adalah aspek governan, aspek pencegahan, aspek siasatan, usaha-usaha memantapkan integriti serta fungsi dan peranan agensi penguatkuasaan. Antara matlamat utama kunjungan ke EAIC adalah untuk memahami, mendapatkan idea, mengkaji amalan terbaik (best practices) yang dijalankan oleh EAIC dalam menguruskan aduan salah laku terhadap penguat kuasa / agensi penguatkuasaan di Malaysia dan usaha-usaha yang dijalankan oleh EAIC dalam membanteras salah laku dan memperkukuhkan integriti di kalangan pegawai / agensi seliaan.

the Social Science (Corruption Studies) students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Malaysian Anti Corruption Commission (SPRM). Among the issues that were discussed were aspects of governance, prevention and investigation, efforts to strengthen integrity and the functions and roles of the enforcement agencies. Among the main objectives of the visit to EAIC, were to have a better understanding and idea of best practices and to study best practice procedures that were being applied by EAIC in managing complaints of misconduct by enforcement officers / enforcement agencies in Malaysia, and EAIC's efforts to prevent misconduct and strengthen integrity among the officers /agencies under its supervision.

Lawatan Sambil Belajar Felo Perdana Jabatan Perdana Menteri (JPM)

EAIC juga berbesar hati menerima lawatan sambal belajar oleh dua (2) orang Felo Perdana daripada pejabat YB Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan. Pada sesi lawatan berkenaan kedua-dua orang felo telah membuat kunjungan hormat kepada YA

Study Visit by Perdana Fellows from the Prime Minister's Department (JPM)

EAIC was also honoured by a study visitfrom two (2) Perdana Fellows from the office of YB Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan.During the visit, the fellows made a courtesy call to YA Datuk, EAIC Chairman and was given an explanation on matters related to EAIC

Datuk Pengerusi EAIC serta diberikan penerangan berhubung EAIC secara keseluruhan termasuk aktiviti-aktiviti serta pencapaian EAIC setakat ini.

in general, including its activities and achievements thus far.

SUARAM

Pada 20 Oktober 2015, telah berlangsungnya satu sesi kunjungan hormat oleh Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) ke pejabat EAIC. Sepanjang sesi perbincangan tersebut, isu-isu terutama berhubung kes kematian dalam tahanan menjadi agenda utama perbincangan. Menerusi platform yang sama, YA Pengerusi dan Pesuruhjaya telah menjelaskan kepada wakil-wakil yang hadir tentang tindakan-tindakan yang telah diambil oleh EAIC dalam menangani isu yang sama.

SUARAM

On 20 October 2015, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) made a courtesy visit to the EAIC office. During the discussion that followed, issues regarding custodial deaths were the main topic. On the same platform, the Chairman and the Commissioners explained to the SUARAM representatives about actions taken by EAIC to tackle the issue.

KUNJUNG HORMAT OLEH PESURUHJAYA EAIC

Selain itu, EAIC juga telah mengambil pendekatan pro-aktif untuk menjalinkan hubungan dengan beberapa pihak berkepentingan dengan mengadakan beberapa kunjungan khas seperti berikut:

COURTESY VISIT BY EAIC COMMISSIONERS

Aside from that EAIC also took a pro-active approach to establish relationships with stakeholders by conducting a few special visits such as the following:

Jadual 20
Table 20

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	AGENSI / ISU PERBINCANGAN *AGENCY / DISCUSSION ISSUES*
1.	25 Mei *25 May*	Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang ke II *Courtesy Visit to Pulau Pinang Deputy Chief Minister's Office*
2.	3 Jun *3 June*	Kunjungan Hormat ke Pejabat TYT Melaka *Courtesy Visit to TYT Melaka's Office*
3.	29 Sept *29 Sept*	Kunjungan Sembah Mengadap Sultan Terengganu *Audience with Sultan of Terengganu*
4.	10 Dis *10 Dec*	Kunjungan Hormat ke Pejabat Peguam Negara *Courtesy Visit to Attorney General's Office*

Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang II

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan satu Pasukan Petugas pada Julai 2014 bagi memantau serta menangani isu-isu kematian semasa dalam tahanan. Sehubungan dengan itu, EAIC telah dijemput oleh YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palaniasamy, Timbalan Ketua Menteri II Negeri Pulau Pinang yang juga merupakan Pengerusi Pasukan Petugas untuk satu sesi perbincangan bersama ahli-ahli Pasukan Petugas berhubung isu-isu tahanan dan kematian. Sesi Perbincangan telah berlangsung pada 10 Mei 2015 bertempat di Pulau Pinang dengan dihadiri oleh YA Datuk Yaacob bin Hj Md. Sam (Pengerusi EAIC) dan Encik Kamal Baharin bin Omar (Setiausaha EAIC).

Courtesy Visit to Pulau Pinang Deputy Chief Minister's II Office

The Govenment of Pulau Pinang established a Task Force in July 2014 to monitor and handle current issues involving custodial deaths. In line with that, EAIC was invited by YB Prof Dr P Ramasamy a/l Palaniasamy, Deputy Chief Minister II, Pulau Pinang who was also the Chairman of the Task Force, to attend a discussion on death and detention issues with the members of the Task Force. The Discussion took place on 10 May 2015 in Pulau Pinang and the session was attended by YA Datuk Yaacob bin Haji Md Sam (EAIC Chairman) and En Kamal Baharin bin Omar (EAIC Secretary)

Kunjungan Hormat ke Pejabat TYT Melaka

Bersempena dengan Majlis Dialog EAIC Bersama Agensi Penguatkuasaan Bagi Zon Selatan yang merangkumi 21 buah agensi penguatkuasaan Persekutuan yang terdapat di negeri Melaka, Johor dan Negeri Sembilan pada 2 Jun 2015, Pengerusi dan Pesuruhjaya EAIC berbesar hati atas atas kesudian Tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob menerima kunjungan hormat daripada delegasi Pesuruhjaya EAIC ke Pejabat beliau pada 3 Jun 2015.

Courtesy Visit to TYT Melaka's Office

In conjunction with EAIC's Dialogue with the Southern Zone Enforcement Agencies under its Supervision which cover 21 Federal enforcement agencies located in Melaka, Johor and Negeri Sembilan, on 21 June 2015, EAIC Chairman and Commissioners were extremely honoured that the Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob agreed to accept a courtesy visit by the Putrajaya EAIC delegation to his Office on 3 June 2015.

Kunjungan Sembah Menghadap DYMM Sultan Terengganu

Audience with DYMM Sultan of Terengganu

Bersempena dengan Majlis Dialog EAIC Bersama Agensi Penguatkuasaan Bagi Zon timur yang merangkumi 21 buah agensi penguatkuasaan Persekutuan yang terdapat di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang pada 28 dan 29 September 2015, Pengerusi dan Pesuruhjaya EAIC telah menghadiri majlis sembah menghadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin. Majlis sembah menghadap berkenaan telah diadakan di Istana Sharqiyyah, Terengganu.

In conjunction with EAIC's Dialogue with the Eastern Zone Enforcement Agencies under its Supervision which cover 21 Federal enforcement agencies located in Terengganu, Kuantan and Pahang, on 28 and 29 September 2015, the EAIC Chairman and Commissioners were granted an audience with Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin. The ceremony was held at Istana Sharqiyyah, Terengganu.

Kunjungan Hormat ke Pejabat Peguam Negara

Courtesy Visit to the Attorney General's Office

Dalam melaksanakan fungsi-fungsi EAIC sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 700, satu kunjungan hormat oleh para Pesuruhjaya EAIC kepada YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali telah diadakan pada 10 Disember 2015 bertempat di Pejabat Peguam Negara.

As part of its efforts in performing its functions as provided by Act 711, EAIC Commissioners paid a courtesy visit to YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali. The visit was held on 10 December 2015 at the Attorney General's Office.

PENYERTAAN DALAM FORUM AWAM ANJURAN MAJLIS PEGUAM MALAYSIA

Sepanjang tahun 2015, EAIC turut menerima jemputan sebagai *speaker* / panel bagi sesi-sesi forum awam yang dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia. Berikut merupakan sesi-sesi forum awam yang telah dihadiri oleh Pengerusi dan Pesuruhjaya:

ATTENDING A PUBLIC FORUM ORGANISED BY THE MALAYSIAN BAR COUNCIL

Throughout 2015, EAIC also received numerous invitations to speak / to be panel members at public forum sessions, organised by the Malaysian Bar Council. The following are the public forum sessions that were attended by the Chairman and Commissioners:

Bil ***No***	**Tajuk** ***Topic***	**Tarikh** ***Date***
1.	*Rogue Cops : Workable Solutions - Police Accountability in Malaysia*	30 Mei 2015 *30 May 2015*
2.	*Public Forum on Promoting Greater Police Accountability in Malaysia*	9 September 2015 *9 September 2015*
3.	Forum Awam untuk menggalakkan akauntabiliti Polis *Public Forum on Promoting Police Accountability*	18 Oktober 2015 *18 October 2015*
4	*Public Forum on Promoting Greater Police Accountability in Malaysia*	6 November 2015 *6 November 2015*

PENGLIBATAN AKTIVITI DENGAN AGENSI LUAR

Retreat Dapatan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) 2014

Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU, JPM) telah menjalankan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) setiap tahun sejak 2007.

Kajian IPIN bertujuan membangunkan satu mekanisme pengukuran yang dikenali sebagai Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) bagi mengukur tahap integriti berdasarkan TEKAD INTEGRITI Pelan Integriti Nasional (PIN). Sebelum Kajian IPIN 2014 dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK), perbincangan terperinci mengenai dapatan Kajian IPIN 2014 telah diadakan untuk melihat isu-isu yang perlu diberi penjelasan serta langkah-langkah penambahbaikan bagi Kajian IPIN yang akan datang. Susulan itu, wakil EAIC telah dijemput bagi menghadiri *Retreat* untuk membincangkan Laporan Dapatan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) 2014 yang diadakan pada 11 hingga 13 Februari 2015 untuk membantu memberikan input-input berguna serta perkongsian statistik dan laporan tahunan sebagai bahan rujukan dalam sesi perbincangan bagi membantu penyediaan Laporan IPIN 2014 terutama di bawah indeks komposit Persepsi Rasuah dan Penyampaian Khidmat Awam.

Mesyuarat Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP)

Susulan daripada *National Periodic Review* (UPR) 2009 oleh *United Nations Human Rights Council*, Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan-NHRAP) diwujudkan serta Jawatankuasa Pemandu bagi Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan ditubuhkan. Lima (5) Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Pemandu iaitu 'Hak Sivil dan Berpolitik', Hak Ekonomi, Sosial, Agama dan Kebudayaan, Hak Golongan Rentan,

INVOLVEMENTS WITH EXTERNAL AGENCIES

National Integrity Perception Index Review (IPIN) Findings Retreat 2014

The Integrity Institute Malaysia (IIM), in cooperation with the Department Of Statistics Malaysia (DOS) and the Economic Planning Unit (EPU, JPM), has been conducting the National Integrity Perception Index Review (IPIN) every year since 2007.

The IPIN Review aimed to develop a measuring mechanism known as the National Integrity Perception Index (IPIN) to measure the level of integrity based on the TEKAD INTEGRITI National Integrity Plan (PIN). Before the 2014 IPIN Review was presented in the Special Cabinet Committee on Integrity of Government Management Meeting (JKKMKPK), a detailed discussion regarding the 2014 IPIN Review was held to work on issues that would require further detailed explanations and steps to improve the next IPIN Review. EAIC was invited to attend a Retreat to Discuss the National Integrity Perception Index (IPIN) 2014 Review Findings Report which was held from 11 to 13 February 2015 to provide useful input and apply statistics and annual reports as a source of referencein the discussion to assist in the preparation of the IPIN 2014 Report, especially under the Public Service Delivery and Corruption Perception composite index.

Meeting on the National Human Rights Action Plan Development (NHRAP)

Following the National Periodic Review (UPR) 2009 by the United Nations Human Rights Council, the Government agreed to create a National Human Rights Action Plan (NHRAP) and establish a Driving Committee for the Development of the National Human Rights Action Plan. Five (5) Technical Committee were formed under theDriving Committee: Political and Civil Rights, Economical, Social, Religious and Cultural Rights, Rights of Vulnerable Groups, Rights of Natives and Indigenous People, and International Responsibility which involves related

Hak Orang Asal dan Orang Asli, dan Kewajipan Antarabangsa melibatkan Kementerian / Agensi yang berkaitan. Pasukan penyelidik telah menyediakan Laporan Kajian Dasar Pembangunan NHRAP (Fasa 1). Seterusnya, berdasarkan kepada draf Laporan Kajian Dasar Pembangunan NHRAP (Fasa 1) tersebut, pihak Kementerian / Jabatan telah disenaraikan sebagai pihak yang berkepentingan (stakeholder) bagi isu-isu yang berkaitan. Salah satu agensi yang telah dikenalpasti ialah EAIC. Bagi tujuan memberikan pandangan dan ulasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam draf Laporan Kajian Dasar Pembangunan NHRAP Teras 1, dua (2) orang pegawai EAIC telah mewakili EAIC bertujuan untuk mendapatkan input-input serta maklumat terkni berhubung dengan polisi dan dasar-dasar Kerajaan sedia ada, dasar / program dan aktiviti berkaitan isu yang ada / bakal diadakan oleh Kementerian / Agensi.

Governments/Agencies. A team of researchers had prepared the NHRAP Policy Development Review Report (Phase 1). Following that, based on the NHRAP Policy Development Review Report (Phase 1) draft, the Government / some Departments were listed as stakeholders for related issues. One of the agencies that was identified was EAIC. In order to presentitsviews and give feedback on issues raised in the draftof the NHRAP Policy Development Review Report Thrust 1, two (2) EAIC officers represented EAIC in its pursuit to obtain input and the latest information regarding current government policies, policies / programmes and actvities related to issues which are or will be held by the Ministry / Agency.

Pelantikan untuk Menganggotai Pasukan Teknikal Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP)

Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan secara rasminya pada 28 Ogos 2015. JKNMPP bertujuan untuk merangka satu pelan pembiayaan politik yang komprehensif dan inklusif, khususnya untuk menentukan proses konsultatif di semua peringkat dan mengambil kira pandangan semua pihak.

Satu pasukan teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu telah ditubuhkan bagi membantu JKNMPP. Jawatankuasa teknikal ini antara lain, akan menyediakan input teknikal melalui pelbagai kajian termasuk aspek perundangan. Pasukan teknikal ini akan dipengerusikan oleh Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Integriti Malaysia merangkap Setiausaha JKNMPP. Susulan itu, Ketua Pegawai Eksekutif / Setiausaha EAIC iaitu Encik Kamal Baharin bin Omar telah menerima pelantikan sebagai salah seorang daripada ahli Pasukan Teknikal JKNMPP berkuatkuasa mulai 4 September 2015.

Appointment to be a Member of the Technical Team on the National Consultative Committee on Political Financing (JKNMPP)

The National Consultative Committee on Political Funding (JKNMPP) which was chaired by YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Minister in the Prime Minister's Department, was formally established on 28 August 2015. JKNMPP aimed to construct a comprehensive and inclusive political financing plan, especially for determining the consultative process at all levels and taking into account all parties' opinions.

A technical team comprising experts in specific fields was formed to assist JKNMPP. The technical committee, among others, will prepare the technical input through various studies and reviews including the legal aspect. The technical team will also be chaired by the President/Chief Executive Officer (CEO) of the Malaysian Institute of Integrity, who is also the JKNMPP Secretary. Following that, the Chief Executive Officer / EAIC Secretary, En Kamal Baharin bin Omar accepted his appointment as a member of the JKNMPP Technical Team, effective 4 September 2015.

Dialog EAIC Bersama Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Media

Selain memberi fokus kepada agensi-agensi penguatkuasaan, EAIC pada tahun ini juga turut mengadakan sesi dialog bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO). Sesi dialog yang telah berlangsung pada 28 November 2015 di Hotel Bangi-Putrajaya ini menyaksikan kehadiran lebih 90 orang peserta yang terdiri daripada NGO, pengamal undang-undang, wakil media dan orang-orang persendirian yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Sesi dialog ini diadakan oleh EAIC dengan tujuan dan matlamat seperti berikut :

(i) untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700];

(ii) untuk bertukar pendapat dan pandangan dalam perkara-perkara yang melibatkan panguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi penguatkuasaan dan perkara-perkara atau isu-isu yang berbangkit daripadanya;

(iii) untuk mewujudkan kerjasama di antara EAIC dan NGOs serta media sama ada sebagai *"smart-partner"* atau rakan strategik yang dapat sama-sama memantau dan mencegah salah laku (misconduct) di kalangan anggota agensi penguatkuasaan termasuk agensi penguatkuasaan itu sendiri.

YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam (Pengerusi EAIC) melalui ucapan perasmiannya telah membentangkan secara ringkas pencapaian-pencapaian EAIC sepanjang tempoh penubuhannya. Fokus juga diberikan kepada para peserta berhubung perkembangan terkini mengenai beberapa kes kematian dalam tahanan PDRM di bawah siasatan EAIC antaranya kes kematian James Ramesh, Pendengaran awam berhubung kes kematian N. Dharmendran dan beberapa lagi kes kematian termasuk kes kematian P. Karuna Nithi dan Syed

EAIC's Dialogue with Non-Government Oganisations (NGO) and the Media

Aside from focusing on enforcement agencies, EAIC this year, also held a few dialogue sessions with non-government organisations. The Dialogue which was held on 28 November 2015 at Hotel Bangi-Putrajaya, attracted more than 90 attendees, comprising NGO, media representatives, and individuals who are experts in their own respective fields.

The dialogue session was held by EAIC with the following objectives:

(i) to explain in greater detail, the functions and roles of EAIC as provided by the Enforcement Agency and Integrity Act 2009 (Act 700);

(ii) to exchange views and opinions on various matters that involve law enforcement by enforcement agencies and matters or issues that arise from them;

(iii) to create cooperation between EAIC and theNGOs as well as the media as 'smart partners' or strategic partners that can work together to monitor and prevent misconduct amongst members of enforcement agencies and the enforcement agencies themselves.

In his officiating speech, YA Datuk Yaacob Md Sam (EAIC Chairman), briefly spoke about EAIC's achievements ever since its inception. Focus was also given to matters related to the lastest developments of a few custodial death casesinvolving PDRM detainees which were being investigated by EAIC, namely the death of James Ramesh, a public hearing on the death of N. Dhamendran and a few other cases including the death of P.Karuna Nithi and Syed Mohd Azlan Syed Muhammad Nur. During the same session, YA Datuk Chairman also talked about

Mohd Azlan Syed Muhammad Nur. Dalam sesi yang sama, YA Datuk Pengerusi turut memaklumkan beberapa perancangan EAIC yang telah diaturkan untuk tahun 2016 bagi pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab di bawah Akta 700.

EAIC's plans for 2016 to ensure that they perform their functions and responsibilities under Act 700.

Adalah menjadi hasrat EAIC untuk sesi dialog tersebut menjadi suatu platform *engagement* yang dapat membincangkan input oleh pakar-pakar dan individu berpengalaman tentang bentuk kerjasama yang boleh dibina antara EAIC dan NGO-NGO serta media bagi dimafaatkan bersama. YA Datuk Pengerusi semasa sesi berkenaan turut melahirkan kesudian dan keterbukaan EAIC dalam membuka laluan untuk kerjasama yang seumpamanya demi kesejahteraan rakyat dan negara. EAIC berharap kerjasama seumpama ini akan dapat dipanjangkan dengan penglibatan lebih banyak NGO dan dengan sokongan media dalam memberikan publisiti yang dapat mendatangkan manfaat kepada orang ramai.

It was EAIC's aim that the dialogue session acted as a platform for engaging discussions regarding the input given by the experts and experienced individuals on the form of a mutually beneficial cooperation that could be developed between EAIC, NGOs and the media. During the session, YA Datuk Chairman also expressed EAIC's hopes in paving the way for greater cooperation between the parties for a better future for both the people and the nation. EAIC hoped that such cooperation would continue and expand with the involvement of more NGOs and the support of the media in providing publicity that would benefit the people.

Sesi dialog telah dipengerusikan oleh Pengerusi EAIC YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam dan disertai oleh Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan Setiausaha EAIC. Peserta telah mengutarakan pelbagai isu, persoalan dan pandangan berhubung pengurusan dan pengendalian aduan di EAIC, kes-kes kematian semasa dalam tahanan serta usaha dalam mempertingkatkan tahap integriti di kalangan agensi penguatkuasaan.

The dialogue session was chaired by EAIC Chairman YA Datuk Yaacob bin Hj Md Sam and was attended by the Commissioners and the EAIC Secretary. The participants forwarded several issues, queries and opinions regarding EAIC's management and handling of complaints, custodial death cases and efforts to enhance integrity amongst enforcement agencies.

EAIC & Anda

"EAIC & Anda" adalah satu usaha EAIC untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat termasuk belia, persatuan komuniti penduduk (bandar dan luar bandar), pelajar dan lain-lain. Program ini dijalankan melalui kolaborasi dan penyertaan EAIC dalam program-program anjuran agensi Kerajaan seperti Biro Pengaduan Awam dan bukan Kerajaan yang mempunyai kapasiti pengunjung dan peserta yang tinggi.

Antara pengisian semasa program ini adalah sesi pameran, penerimaan aduan, dialog bersama komuniti, Kuiz Beroda EAIC, Kempen Jom *Like Facebook* EAIC dan Kempen *Follow Twitter.*

EAIC & You

"EAIC &You"was one of EAIC's efforts to get closer to various levels of the community including youths, community societies (cities and rural areas), and students. The programme was held with EAIC's collaborative participation in programmes organised by Government agencies such as the Public Complaints Bureau and non-Government bodies, which have high visitor and participation capacities.

Among the content of the programmes were exhibitions, receiving complaints, dialogue with the community, EAIC's Quiz on Wheels, the Jom Like EAIC Facebook Campaign and the Folow Twiter Campaign.

"EAIC & Anda" di Jabatan Perangkaan Malaysia

"EAIC & Anda" di Kementerian Pertanian Malaysia

Enam sesi *"EAIC & Anda"* pada tahun ini telah diadakan seperti berikut:

Six sessions of EAIC & You were held throughout the year as follows:

Jadual 21

Table 21

BIL *NO*	TARIKH *DATE*	TEMPAT *VENUE*
1.	7 Feb *7 Feb*	Dewan Besar Puchong Perdana, Selangor
2.	30 Mac *30 Mar*	Kompleks Ujana Kewangan, Labuan
3.	7 Mei *7 May*	Kompleks Jabatan Pertanian, Putrajaya
4.	16 Mei *16 May*	Dewan Suarah, Limbang, Sarawak
5.	3 Jun *3 June*	Kompleks UTC, Melaka
6.	20 Ogos *20 August*	Dewan Jubli, Kuala Lipis, Pahang
7.	29 Sept *29 Sept*	Kompleks Wilayah Persekutuan Terengganu dan Kompleks Mydin Terengganu
8.	28 Nov *28 Nov*	Hotel Bangi, Selangor (bersempena Dialog EAIC bersama NGO dan Media)
9.	21 Dis *21 Dec*	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
10.	27 Dis *27 Dec*	Kompleks Transformasi Bandar (UTC) Sentul

"EAIC & Anda" di Kuala Terengganu

"EAIC & Anda" di Kuala Lipis

"EAIC & Anda" di Kluang Johor

"EAIC & Anda" di Limbang

"EAIC & Anda" di Bangi

"EAIC & Anda" di Melaka

PENGURUSAN MAKLUM BALAS PELANGGAN

Trend dan Maklum Balas Pelanggan

Sistem pengurusan maklum balas pelanggan EAIC telah mula beroperasi sejak bulan Mac 2014 dan secara atas talian melalui laman sesawang (e-maklum balas pelanggan) pada bulan Ogos 2014. Sistem ini adalah saluran bagi pelanggan untuk memberikan maklum balas mereka mengenai perkhidmatan pelanggan di EAIC.

Selain daripada diletakkan di lokasi-lokasi tumpuan pelanggan, borang maklum balas juga telah diedarkan melalui program-program yang dijalankan oleh EAIC iaitu *EAIC & Anda,* Lawatan Kerja ke Agensi Seliaan, Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan dan Sesi Dialog Bersama NGO dan Media. Borang yang diedarkan ke program-program tersebut mempunyai kandungan soalan yang berbeza bagi memastikan input maklumat yang diperolehi sejajar dengan maklumat yang diperlukan.

Carta di bawah menunjukkan *trend* pelanggan yang telah memberikan maklum balas berkenaan perkhidmatan EAIC.

CUSTOMER FEEDBACK MANAGEMENT

Trends and Customer Feedback

EAIC's customer feedback management system commenced operation in March 2014 and was online via the website (e-customer feedback) on August 2014. The system acts as a channel for customers to give feedback on EAIC's customer service.

Aside from being placed at customer-centric areas, feedback forms were also distributed through EAIC programmes such as EAIC & You, Working Visist to Agencies under its Supervision, Dialogue Sessions with Enforcement Agencies and Dialogue Sessions with NGOs and the Media. The forms which were distributed during those programmes had a different set of questions to ensure the information obtained were in line with the information required.

The chart below shows the trend of customers who have given feedback on EAIC's service.



Carta 1: Pecahan Maklum Balas Pelanggan EAIC Mengikut Kaum

Chart 1: Breakdown of EAIC Customer Feedback According to Race



Carta 2: Pecahan Maklum Balas Pelanggan EAIC Mengikut Jantina

Chart 2: Breakdown of EAIC Customer Feedback According to Gender

Berdasarkan keseluruhan bilangan maklum balas yang diterima iaitu 224, graf pecahan peratusan di atas menunjukkan majoriti pelanggan adalah terdiri dari kaum Melayu iaitu sebanyak 91% (204 orang) diikuti kaum India 5% (12 orang), kaum Cina 3% (6 orang) dan lain-lain kaum 1% (2 orang). Daripada jumlah ini juga pecahan mengikut jantina pula adalah 71% (158 orang) lelaki dan 29% (66 orang) perempuan.

Based on the total number of feedback received, which was 224, the percentage graph shows that the majority of customers were Malays at 91% (204 people), followed by Indians at 5% (12 people), Chinese at 3% (6 people) and others at 1% (2 people). From this number, the breakdown according to gender was 71% (158 males) to 29% (66 females)



Graf 7: Perbandingan Maklum Balas Pelanggan EAIC Mengikut Had Umur

Graph 7: EAIC Customer Feedback Comparison According to Age

Graf di atas menunjukkan perbandingan pelanggan EAIC mengikut kategori umur di mana jumlah tertinggi dicatatkan oleh pelanggan dalam lingkungan 31 – 40 tahun diikuti dengan pelanggan yang berumur dalam lingkungan 51 tahun ke atas. Tiada pelanggan di kalangan belia iaitu berumur dalam lingkungan 13 hingga 20 tahun.

The graph above shows a comparison between EAIC customers according to age whereby the highest number of recorded customers were those at ages 31 – 40, followed by customers aged 51 and above. There were no customers aged 13 to 20.



Graf 8: Perbandingan Maklum Balas Pelanggan EAIC Mengikut Pekerjaan

Graph 8: Comparison between EAIC Customer Feedback According to Work

Berdasarkan graf perbandingan pelanggan mengikut kategori pekerjaan, majoriti pelanggan adalah golongan penjawat awam iaitu sebanyak 52 orang diikuti golongan pesara 2 orang. Tiada pelanggan di kalangan mereka yang bekerja di sektor swasta, bekerja sendiri dan pelajar.

Based on the comparison graph according to work, the majority of customers were civil servants, with 52 people, followed by 2 retirees. No customers were from the private sector, were self-employed or were students



Carta 3: Peratusan Pelanggan EAIC Mengenali EAIC Melalui Program Yang Dijalankan Oleh EAIC

Chart 3: The percentage of EAIC customers that knew about EAIC from programmes run by EAIC

Daripada 177 pelanggan yang ditemui, sebanyak 111 orang iaitu 63 peratus mengenali EAIC manakala sebanyak 66 orang iaitu 37 peratus pula adalah sebaliknya. Rata-rata pelanggan mengenali EAIC melalui beberapa mekanisma iaitu laman sosial, laman sesawang, iklan di radio dan television dan program-program EAIC seperti *EAIC & Anda* dan sebagainya.

From the 177 customers that were met, 111 people (63%) knew about EAIC while 66 people (37%) were the opposite. In general, the customers knew about EAIC from several mechanisms such as social websites, the official website, radio and television advertisements and EAIC programmes such as EAIC & You.



Carta 4: Penilaian Maklum Balas Pelanggan Secara Keseluruhan Mengenai Perkhidmatan EAIC

Chart 4: An Overall Evaluation of EAIC Customer Feedback on EAIC's Services

Bagi kategori penilaian tahap kepuasan secara keseluruhan, sebanyak 92% (198 orang) telah mencatat penilaian yang memuaskan manakala 8% (17 orang) memberikan penilaian yang baik.

For the overall satisfactory category, 92% (198 people) marked satisfied while 8% (17 people) marked good.

PENGUKUHAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA

STRENGTHENING AND RESTRUCTURING

PENUBUHAN SEKSYEN ADUAN/ SIASATAN KHAS SALAH LAKU POLIS

Penstrukturan semula Bahagian Operasi telah dibuat berkuat kuasa mulai 1 Disember 2015 dengan mewujudkan Unit Aduan PDRM dan Unit Aduan Lain-Lain Agensi di bawah Sekyen Aduan serta Unit Siasatan PDRM dan Unit Siasatan Lain-lain Agensi di bawah Seksyen Siasatan. Tujuan utama pembahagian Seksyen Aduan dan Seksyen Siasatan masing-masing kepada dua unit adalah untuk memberikan pengkhususan bidang tugas oleh unit-unit yang berkaitan dalam usaha melicinkan dan memantapkan lagi peranan EAIC dalam mengendalikan aduan dan siasatan yang melibatkan salah laku PDRM dan salah laku anggota penguatkuasa agensi yang bukan PDRM.

Pengwujudan Unit Aduan PDRM, Unit Aduan Salah Laku Lain-lain Agensi, Unit Siasatan PDRM dan Unit Siasatan Lain-Lain Agensi tersebut khusus bagi mengendalikan aduan dan siasatan terhadap salah laku polis di samping memperlihatkan keseriusan EAIC dalam mengendalikan kes-kes aduan dan siasatan yang melibatkan salah laku polis yang merupakan jumlah aduan terbesar yang diterima oleh EAIC berbanding dengan aduan salah laku terhadap penguat kuasa daripada lain-lain agensi.

Penstrukturan semula atau 'rebranding' ini juga secara tidak langsung akan menjawab kritikan sesetengah pihak yang masih mahukan penubuhan IPCMC sedangkan peranan tersebut boleh dan berupaya dipikul oleh EAIC dalam kerangka undang-undang sedia ada dan perjawatan yang terdapat di EAIC yang boleh dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

ESTABLISHMENT OF THE COMPLAINTS / SPECIAL INVESTIGATIONS ONPOLICE MISCONDUCT SECTIONS

The restructuring of the Operations Division was enforced starting 1 December 2015, establishing the PDRM and the Other Agencies Complaint Units under the Complaints Section and the PDRM and the Other Agencies Investigation Units under the Investigation Section. The main purpose of the division of the Operations Division into two separate units - the Complaints Section and the Investigation Section - was to allow each unit to undertake specific functions in order to further facilitate and strengthen the role of EAIC in handling complaints and investigations involving both PDRM misconduct and the misconduct of enforcement officers from non-PDRM agencies.

The establishment of the PDRM Complaints Unit, the Other Agencies Complaints Unit, the PDRM Investigation Unit and the Other Agencies Investigation Unit was solely for handling complaints and investigations of police misconduct in addition to proving EAIC's commitment in handling cases of complaints and investigations involving police misconduct which represents the highest number of complaints received by EAIC compared to complaints of misconduct against enforcement officers from other agencies.

The restructuring or 'rebranding' process also indirectly answered the criticism of certain parties who still insisted on the establishment of IPCMC not with standing the fact that the duties can and is being carried by EAIC within the framework of existing laws and personnel available in EAIC, of which improvements are being made from time to time.

KAJIAN SEMULA SOP ADUAN DAN SOP SIASATAN

Dalam mengurus dan mengendalikan aduan dan siasatan dengan cekap dan teratur, EAIC mempunyai SOP-SOP pengurusan aduan dan siasatan yang menjadi garis panduan dan rujukan warga kerja EAIC. Seiring dengan pengukuhan dan penstrukturan

REVIEW OF COMPLAINTS AND INVESTIGATION SOP

To manage and handle complaints and investigations efficiently and orderly, EAIC has several SOP to deal with complaints and investigations and these SOP have become the operation guidelines and a reference for EAIC employees. In line with EAIC's

semula EAIC iaitu dengan penubuhan unit dan seksyen berasingan bagi mengendalikan aduan dan siasatan melibatkan PDRM dan lain-lain agensi, satu jawatankuasa telah ditubuhkan seterusnya bengkel telah diadakan bertujuan untuk mengkaji semula SOP aduan dan SOP siasatan bersesuaian dengan penstrukturan yang telah dibuat.

strengthening and restructuring efforts, which involved the establishment of separate units and sections to handle complaints and investigations involving PDRM and other agencies, a committee was set up, followed by a workshop, to review the complaints and investigations SOP in accordance with the restructuring that had been made.

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN 1GOVUC

IMPLEMENTATION OF THE 1GOVUC SERVICES

1Government Unified Communication atau 1GovUC merupakan perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu sektor awam yang diuruskan secara berpusat di MAMPU melalui penggabungan pelbagai kaedah komunikasi seperti *voice, e-mail, instant messaging, audio/video conferencing, SMS* dan *fax*.

The 1Government Unified Communication or 1GovUC is a communication service which functions, in collaboration with the public sector, operating centrally at MAMPU, through the merger of various methods of communications such as voice, e-mail, instant messaging, audio / video conferencing, SMS and fax.

Atas dasar ini, EAIC sebagai salah satu agensi kerajaan turut bersama-sama mengambil peluang dan ruang untuk memperkasa dan menambahbaik urusan komunikasi dan kolaborasi dalam urusan harian pentadbiran sektor awam melalui integrasi dan konsolidasi saluran-saluran komunikasi secara selamat. Ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan keberkesanan pentadbiran awam dan perluasan penggunaan aplikasi-aplikasi umum dan strategik.

On that note, EAIC, acting as a government agency, also took the opportunity to strengthen and improvise its means of communication and collaboration in its daily administrative and business activities with the public sector through the integration and consolidation of a more secured communication channel. This will act as a catalyst towards improving the effectiveness of public administration and expanding on the use of general and strategic applications.

Antara perkhidmatan tambahan yang disediakan di bawah 1GovuC ialah Big Mail Transfer (BMT), Online Archiving dan Active Right Directory Management System (ARDMS).

Among the additional services provided under 1GovUC are Big Mail Transfer (BMT), Online Archiving and Active Directory Right Management System (ARDMS).

PENAMBAHBAIKAN LAMAN WEB (DWIBAHASA)

Dalam usaha untuk memberi nilai tambah dan impak yang lebih berkesan kepada pengunjung laman web EAIC, Seksyen IT dengan kerjasama Seksyen Komunikasi Korporat sedang dalam proses menambahbaik laman web EAIC dengan menyediakan laman web dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Melalui penambahbaikan yang dilakukan, laman web EAIC akan dapat dimantapkan dari semasa ke semasa selain daripada menepati salah satu ciri pemantapan laman web/portal sektor awam.

WEBSITE UPGRADE (BILINGUAL)

In order to provide additional value and have a bigger impact on the visitors to EAIC's website, the IT Section, in collaboration with the Corporate Communications Section, is in the process of improving the EAIC website by providing bilingual, Malay and English, facilities.

With these upgrades, the EAIC website will continue to improve, thus at the same time, fulfil the criteria and the needs of a public sector website or portal.

PENUBUHAN AUDIT DALAM

Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Unit Audit Dalam telah diwujudkan dengan penempatan seorang pegawai Audit.

Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi dan pengurusan serta membantu organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Unit Audit Dalam bertanggungjawab bagi menjalankan audit pengurusan kewangan dan audit prestasi. Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Audit Prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

ESTABLISHMENT OF AN INTERNAL AUDIT

In accordance with the requirements of the General Circular No. 3 1998, the Internal Audit Unit has been established with the appointment of an Audit officer.

The Internal Audit Unit is an independent unit, which provides objective consultation and advisory services to enhance the quality of operations and management and assist the organisation in achieving its objectives through a systematic and disciplined approach to evaluate and clarify the effectiveness of the monitoring and governance processes.

The Internal Audit Unit is responsible for conducting the financial management and performance audits. The Financial Management Audit includes the inspection of the financial system, internal controls and financial records to determine whether the expenses, revenues, assets and stores have been handled in accordance with the law, regulations and relevant directives. The Performance Audit on the other hand, involves assessing the activities of the organisation to determine if its objectives have been achieved and that resources have been used wisely, effectively and efficiently.

LANTIKAN PEGAWAI INTEGRITI (CeIO) DI EAIC

Selaras dengan arahan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, EAIC telah

APPOINTMENT OF A CERTIFIED INTEGRITY OFFICER (CeIO) AT EAIC

In accordance with the directives in the Service Circular No. 6, 2013, EAIC established the Integrity

menubuhkan Unit Integriti pada 17 Februari 2014. Unit Integriti diterajui oleh pegawai EAIC, En Abdul Malek bin Mohamad yang telah menamatkan Kursus CeIO yang dianjurkan oleh SPRM di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi melayakkan beliau sebagai Pegawai Integriti Bertauliah *(Certified Integrity Officer*/CeIO). Inisiatif penubuhan unit ini adalah selari dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja yang berkualiti dalam meningkatkan keyakinan orang awam terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

Unit on 17 February 2014. The Integrity Unit is led by EAIC official, Mr. Abdul Malek bin Mohamad who has attended the CeIO course organized by MACC at Malaysian Anti-Corruption Academy (MACA) in order to qualify as a Certified Integrity Officers (Certified Integrity Officer / CeIO). The initiative of this unit is in line with the Government's efforts to encourage the best public sector governance system and quality work culture to enhance public confidence in the public service delivery.

Unit Integriti berfungsi sebagai sebuah unit untuk memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan dan menggalakkan pembudayaan integriti dalam kalangan pegawai di EAIC melalui program-program yang diadakan seperti ceramah dan peringatan-peringatan berkaitan pematuhan yang diedarkan kepada pegawai.

The Integrity Unit operates as a unit that ensures that the best governance is practised and promotes cultivating integrity among EAIC officials through organised programmes such as talks and the distribution of informative leaflets on compliance to enforcement officers.

Selain itu, unit ini juga terlibat dalam pengurusan aduan dan pematuhan jika terdapat apa-apa pelanggaran tatacara kerja atau etika organisasi. Unit Integriti juga turut berfungsi sebagai urussetia Lembaga Tatatertib dalam mengendalikan kes-kes tatatertib organisasi.

In addition to that, the unit is also involved in the management of complaints and compliance if there is any breach of the organisation's work procedure or ethics. The Integrity Unit also serves as the secretariat of the Disciplinary Board in handling the organisation'sdisciplinary cases.

PELANTIKAN PEGAWAI KESELAMATAN

Dalam memastikan aspek keselamatan dan perlindungan diberikan keutamaan, EAIC sentiasa menambah baik dan memantapkan aspek keselamatan yang merangkumi keselamatan fizikal, dokumen dan peribadi. Selari dengan matlamat tersebut, EAIC turut melantik Pegawai Keselamatan Jabatan yang bertanggungjawab memastikan keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi diuruskan dengan baik. Selain itu, Garis Panduan Keselamatan Pejabat juga telah diwujudkan sebagai bahan rujukan dan panduan warga EAIC.

APPOINTMENT OF A SAFETY OFFICER

In order to ensure that safety and security are given top priority, EAIC constantly strives to improve and fortifyits security aspects which encompasses physical security, document security, and personal safety. In line with this objective, EAIC has appointed a Department Security Officer who will be responsible for ensuring that physical security, document security as well as personal safety are taken care of. In addition, the Office Security Guideline has also been established to serve as a reference and guide for EAIC staff.

PENTADBIRAN

ADMINISTRATION

PERJAWATAN

Tahun 2015 menyaksikan pengisian perjawatan dibuat secara optimum melebihi 90% daripada waran perjawatan sedia ada. Pengisian tersebut dibuat bagi memastikan kelancaran perkhidmatan di EAIC. Jadual 22 menunjukkan Ringkasan Perjawatan mengikut kumpulan Perkhidmatan sehingga 31 Disember 2015.

DESIGNATION

In 2015, more than 90% of the available positions were filled. This was to ensure that EAIC services ran smoothly. Table 22 shows the Summary of the Posts according to Service Groups, up to 31 December 2015.

Jadual 22: Ringkasan Perjawatan mengikut Kumpulan Perkhidmatan
Table 22: Summary of Posts according to Service Groups

Bil *No*	Kumpulan Perkhidmatan *Group*	Jumlah Perjawatan *No of Posts*	Jumlah Pengisian *No of Posts Filled*
1	Pengurusan Tertinggi *Top Management*	1	1
2	Pengurusan & Profesional *Management and Professionals*	38	31
3	Pelaksana *Executives*	39	39
JUMLAH KESELURUHAN ***TOTAL***		**78**	**71**

Kementerian Kewangan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah meluluskan pelantikan satu (1) jawatan Setiausaha Pejabat, Gred N27/28 secara kontrak selama satu (1) tahun bagi tujuan ditempatkan di Pejabat Pengerusi EAIC.

The Finance Ministry, as recommended by the Public Services Department (JPA), approved the appointment of one (1) post of Office Secretary, Grade N27/28 on a contractual basis for one (1) year, for the EAIC Chairman's Office

PENGAMBILAN PEGAWAI

Sebanyak lima (5) siri pengambilan dan pelantikan pegawai baru bagi tahun 2015 telah dijalankan di bawah kendalian Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan. Berikut merupakan butiran urusan temu duga dan pengambilan yang telah dilaksanakan oleh EAIC pada tahun 2015:

RECRUITING OFFICERS

In the year 2015, five (5) recruitment sessions were conducted by the Human Resource Management Unit, Management Services Division. The following are the details of the interview and recruitment sessions conducted by EAIC:

Jadual 23: Bilangan Urusan Temu Duga Dan Pengambilan Tahun 2015
Table 23: The Number of Interview Sessions and Recruitments in 2015

Temu Duga *Interview*	Tarikh *Date*	Jumlah Calon (Orang) *Number of Candidates (pax)*
Urusan Temu Duga *Interview* Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L17 *Administrative Assistant (Legal)* Grade L17	7-8 April 2015 *7-8 April 2015*	35
Urusan Temu Duga *Interview* Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27 *Assistant Security Officer Grade KP27*	31 Mac 2015 *31 March 2015*	15
Urusan Temu Duga *Interview* Pegawai Undang-Undang Gred L41 *Legal Officer Grade 41*	17,18 & 23 Februari 2015 *17, 18 & 23 February 2015*	35
Urusan Temu Duga *Interview* Pegawai Tadbir Gred N41 *Administrative Officer Grade N41*	25 Februari 2015 *25 February 2015*	12
Urusan Temu Duga *Interview* Pegawai Penerangan Gred S48 *Information Officer Grade S48*	25 Mac 2015 *25 Mach 2015*	6

PENGESAHAN PELANTIKAN

CONFIRMATION OF APPOINTMENT

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

CONFIRMATION OF SERVICE

Bagi urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP), seramai empat belas (14) pegawai dan kakitangan yang telah diluluskan bagi Tahun 2015 berikutan telah berkhidmat dalam tempoh percubaan asal bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun dan telah memenuhi semua syarat-syarat perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

Fourteen (14) officers and staff were granted Confirmation of Service (PDP) for the year 2015 after having completed a trial service period of one (1) to three (3) years and having fufilled all service requirements as stated in the service scheme.

Seramai 53 pegawai dan kakitangan yang telah dilantik secara tetap mulai April 2013 sehingga Jun 2015 telah diluluskan pengesahan pelantikan.

53 officers and staff had been appointed on a permanent basis from April 2013 to June 2015 were granted Confirmation of Service.

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

GRANTING OF PENSION STATUS

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 (P.U.[A]1/2012), peraturan 37 (1):

Based on the Rules of Civil Servants (Appointment, Promotion and Termination of Service) 2012 (P.U.[A]1/2012), Rule 37 (1):

"*Seseorang pegawai yang berhasrat untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen*

"An officer that wishes to go under the Employee Provident Fund Scheme as provided under Section 6A Pension Act 1980 (Act 227) or the governing

6A Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau undang-undang pencen yang berkuat kuasa hendaklah, sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan, melaksanakan pilihannya dengan menggunakan borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima".

pension legislation, has to make his selection , prior to confirmation of service, in the form designated in Schedule Five."

Seksyen 7, Akta Pencen 1980 (Akta 227) , menyatakan "*Seseorang pegawai tetap boleh diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah –*
(a) disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan
(b) genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.

Section 7, Pension Act 1980 (Act 227) states that "An officer may be granted pension status if he has –
(a) been cofirmed in his current position; and
(b) worked for not less than three years of accountable service.

Sehubungan itu, pada tahun 2015 seramai dua (2) orang pegawai dan kakitangan telah diluluskan Pemberian Taraf Berpencen.

In line with that, in 2015, two (2) officers and staff were granted Pension Status.

PENUBUHAN PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Di awal penubuhan EAIC pada April 2011, urusan sumber manusia antaranya merangkumi penilaian prestasi, pergerakan gaji dan penganugerahan perkhidmatan cemerlang bagi pegawai dan kakitangan ini adalah dikendalikan oleh Seksyen Pengurusan Prestasi, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Berkuat kuasa pada tahun 2015, segala urusan pembangunan sumber manusia adalah diuruskan dan diserahkan sepenuhnya kepada EAIC melalui penubuhan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang dipengerusikan oleh Setiausaha dan pegawai daripada JPM yang bertaraf Jawatan Utama Sektor Awam atau Gred Khas sebagai ahlinya.

ESTABLISHING THE HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT PANEL

In April 2011, during the early stages of EAIC's establishment, human resource matters among which included performance evaluation, salary changes and excellent service recognitions for officers and staff were handled by the Performance Management Section of the Prime Minister's Department (JPM). As of 2015, all matters relating to human resource development are managed fully by EAIC through the establishment of the Human Resource Development Panel (PPSM) which is chaired by the Secretary while JPM officers holding Key Posts in the Public Sector (JUSA) or Special Grades act as panel members.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang buat julung kalinya telah diadakan pada 3 Ogos 2015 bertempat di Dewan Balora Perdana, Jabatan Pendaftaran Negara, Presint 2, Putrajaya dengan dirasmikan oleh Pengerusi Suruhanjaya iaitu YA. Datuk Yaacob bin Hj. Md Sam. Seramai empat (4) orang pegawai dan kakitangan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kerana menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2014.

EXCELLENT SERVICE AWARD AND "JASAMU DIKENANG" CEREMONY

The Excellent Service Award and "Jasamu Dikenang" Ceremony was held for the first time on 3 August 2015 at Dewan Balora Perdana, Jabatan Pendaftaran Negara, Presint 2, Putrajaya. The event was opened by the Commission Chairman, YA. Datuk Yaacob bin Hj. Md Sam. Four (4) officers and staff members were awarded with the Service Excellence Award (APC) for their excellent performance throughout 2014.

Selain majlis penyampaian APC, Sijil Penghargaan turut disampaikan kepada sepuluh (10) orang pegawai dan kakitangan atas pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan.

Aside from the APC, Certificates of Appreciation were also presented to ten (10) officers and staff members in recognition of their quality service based on their yearly performance.

Anugerah Jasamu Dikenang turut disampaikan kepada mantan Pesuruhjaya, Setiausaha, bekas pegawai dan kakitangan yang telah memberikan sumbangan dan pernah berkhidmat di EAIC mulai awal penubuhannya iaitu dari tahun 2011 sehingga kini.

The "Jasamu Dikenang" awards were also presented to the former Commissioner and Secretary as well as to former officers and staff who have served at EAIC since its establishment, that is from 2011 to the present.

HRMIS

EAIC telah menggunakan sepenuhnya sistem HRMIS terutamanya bagi lima modul utama iaitu Data Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan, Pengisytiharan Harta, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Mulai 1 Jun 2015, semua permohonan cuti rehat, kecemasan dan lain-lain cuti yang berkelayakan adalah dibuat sepenuhnya secara online melalui aplikasi HRMIS atau MyHRMIS cuti. Berdasarkan prestasi penilaian KPI HRMIS JPA 2014, sebanyak 13 Jabatan/ Agensi JPM cemerlang dalam melaksanakan Sistem HRMIS. EAIC berbesar hati kerana merupakan salah satu agensi yang mendapat pencapaian 100% KPI HRMIS 2014 dan dianugerahkan sijil pernghargaan atas pencapaian tersebut.

HRMIS

EAIC fully utilised the HRMIS system especially in its five main modules: Personal Record and Service Profile Data, Property Declaration, Yearly Work Target (SKT) and Yearly Performance Assessment Report (LNPT). Beginning from 1 June 2015, all applications for leave, including emergency and other eligible leaves are done fully online through the application of HRMIS or as it is also known, "MyHRMIS Cuti". Based on the performance assessment, KPI HRMIS JPA 2014, 13 Departments/Agencies under JPM did excellently in the implimentation of the HRMIS system. EAIC was one of the agencies that obtained 100% achievement in the HRMIS 2014 KPI and was thus awarded the Certificate of Appreciation.

JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2014, EAIC telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bertujuan untuk menambahbaik sistem tadbir urus dan kualiti

INTEGRITY AND ADMINISTRATIVE MANAGEMENT COMMITTEE (JITU)

In line with the YAB Prime Minister's Order No 1 Year 2014, EAIC established the Committee of Integrity and Governance (JITU) to improve the the administrative system and the quality of service. As such, in 2015,

perkhidmatan. Sehubungan itu, EAIC pada tahun 2015 telah mengadakan tiga mesyuarat JITU yang dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan dipengerusikan oleh Setiausaha EAIC. Pelaporan JITU telah dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya.

EAIC held three JITU meetings, attended by Division Managers, chaired by The EAIC Secretary. The JITU report has been presented to the Prime Minister's Department for further action.

DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA

Semua penjawat awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 – Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sepanjang tahun 2015, pegawai dan kakitangan EAIC telah menghadiri kursus dan latihan anjuran agensi kerajaan, badan berkanun dan agensi swasta.

HUMAN RESOURCE TRAINING POLICY

All civil servants need to attend at least 7 days of training per year as stated in Circular No 6, 2005 – Public Sector Human Resource Training Policy. Throughout 2015, officers and EAIC staff attended courses and training programmes organised by government agencies, statutory bodies and the private sector.

Jadual 24: Senarai Kursus Tahun 2015 Pegawai dan Kakitangan EAIC Anjuran Pusat Latihan dan Agensi Luar

Pendengaran awam tersebut akan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya EAIC, iaitu oleh tiga orang ahli, iaitu Encik Lim Chee Wee (Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia), Profesor Tan Sri Dato Sri Dr Shahrah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (Mantan Pesuruhjaya EAIC) dan Tan Sri Dato Sri Mohd Jamil bin Johan (Mantan Timbalan Ketua Polis Negara). Pendengaran awam tersebut juga akan dibantu oleh pegawai-pegawai kanan EAIC yang akan menjadi pegawai penyiasat.

Pihak EAIC juga telah menandatangani perjanjian bersama dengan pihak PDRM, Majlis Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Pasukan Petugas Kematian Ujian Tahanan Polis, Penang (Penang Task Force on Custodial Deaths) sebagai pemahaman dalam pendengaran awam ini.

Terma rujukan (term of reference) bagi pendengaran awam ini adalah seperti berikut :

i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang dikenaikan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut

ii. Sekiranya terdapat salah laku dijalankan, untuk mengenal pasti :
a) bagaimana dan mengapa salah laku itu berlaku ;
b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, Standard Operating Procedure (SOP) atau mekanisma yang mengakibat atau menyebabkan kepada berlakunya salah laku tersebut dan
c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.

iii. Untuk mengesyorkan apa-apa pembaikpulihan atau mengubal semula peraturan-peraturan kaedah-kaedah, SOP atau mekanisma bagi mencegah salah laku tersebut tidak berulang

iv. Untuk melaksana semua perkara yang suai manfaat atau yang sampingannya perlu atau yang sesuai dengan dengan pelaksanaan



fungsinya dalam melaksanakan kes kematian tahanan tersebut semua dengan peruntukan Akta 700

v. Untuk menyusunkan dan mengedarkan laporan mengenai hasil siasatan dan dapatan yang dilakukan

Untuk maklumat, orang awam boleh melayari laman sesawang EAIC www.eaic.gov.my atau laman sosial EAIC (facebook.com/eaic) untuk [illegible]

-TAMAT-

Sekian perkara untuk [illegible]

KAMAL BAHARIN BIN OMAR
Setiausaha / Ketua Negeri Eksekutif
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
9 Julai 2015

(G)



PENGARANG, MEJA BERITA / JURUFOTO / WARTAWAN — UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SESI KEEMPAT PENDENGARAN AWAM OLEH
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)
BERHUBUNG
SIASATAN KEMATIAN DHARMENDRAN A/L NARAYANASAMY
SEMASA DALAM TAHANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

6 Oktober 2015 - EAIC akan mengadakan sesi keempat prosiding pendengaran awam berhubung siasatan kematian seorang tahanan bernama Dharmendran a/l Narayanasamy semasa dalam tahanan lokap polis Bahagian D9, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPKKL) bagi memastikan sama ada terdapat salah laku oleh mana-mana anggota atau pegawai polis berkaitan dengan kematian tahanan tersebut.

Sesi pendengaran ini adalah terbuka kepada orang awam dan pihak media. Ia akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

TARIKH : 26 HINGGA 30 OKTOBER 2015

TEMPAT : BILIK PENDENGARAN EAIC
ARAS 11, BLOK MENARA,
BANGUNAN MENARA USAHAWAN,
NO 18, PERSIARAN PERDANA
62502 PERSIAR 2
PUTRAJAYA

MASA : 9.00 PAGI HINGGA 4.30 PETANG



Seramai dua belas orang (12) orang saksi lagi dijangka akan dipanggil untuk memberi keterangan pada sesi keempat pendengaran ini. Pendengaran ini akan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya EAIC dibantu oleh tiga orang ahli prosiding, iaitu Yang Arif Encik Lim Chee Wee (Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia), Yang Arif Profesor Tan Sri Dato Sri Dr Shahrah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (Mantan Pesuruhjaya EAIC) dan Yang Arif Tan Sri Dato Sri Mohd Jamil bin Johan (Mantan Timbalan Ketua Polis Negara). Ia akan turut dibantu oleh pegawai-pegawai kanan EAIC sebagai pegawai penyiasat. Sebanyak lapan sesi pendengaran yang lepas seramai 47 orang saksi telah selesai memberi keterangan.

Terma rujukan siasatan ini adalah seperti berikut :

i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang dikenakan di bawah seksyen 24 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut

ii. Sekiranya terdapat salah laku dijalankan untuk mengenal pasti :
a) bagaimana dan mengapa salah laku itu berlaku
b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, Standard Operating Procedure (SOP) atau mekanisma yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut, dan
c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut

iii. Untuk mengesyorkan apa-apa pembaikpulihan atau mengubal semula peraturan-peraturan kaedah-kaedah, SOP atau mekanisma bagi mencegah salah laku tersebut tidak berulang

iv. Untuk melaksana semua perkara yang suai manfaat atau yang sampingannya perlu atau yang sesuai dengan pelaksanaan fungsi di dalam menyiasat kematian tahanan tersebut, selaras dengan peruntukan Akta 700



v. Untuk menyediakan dan mengedarkan laporan mengenai hasil siasatan dan dapatan yang dilakukan

Untuk maklumat, orang awam boleh menghubungi Setiausaha Media EAIC, Puan Jaskaza Jamil di talian 03-8888 5750 / 019-381 1915

-TAMAT-

"INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH"

KAMAL BAHARIN BIN OMAR
Setiausaha
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
5 Oktober 2015

(H)

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

PENGARANG, MEJA BERITA **UNTUK SIARAN SEGERA**

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMAN SIASATAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
KE ATAS KEMATIAN
SYED MOHD AZLAN BIN SYED MOHAMED NUR
SEMASA DI DALAM TAHANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Putrajaya – 30 Oktober 2015 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) ingin mengumumkan kepada orang awam mengenai dapatan (*findings*) siasatan oleh Suruhanjaya ini ke atas kematian Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur semasa dalam tahanan PDRM.

Dalam hal ini, EAIC melalui Pasukan Petugas yang dibentuk telah menjalankan siasatan yang merangkumi terma-terma rujukan yang berikut:

Terma-terma rujukan (*terms of reference*) Pasukan Petugas adalah seperti berikut:

(i) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai/ anggota PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut;

(ii) Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:

(a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

(b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures* (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan

(c) siapakah individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.

(iii) Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700;

(iv) Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang; dan

(v) Untuk menyedia dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan dan syor-syor terhadapnya.

Sehubungan dengan pembentukan Pasukan Petugas tersebut, Pasukan Petugas yang telah mengambil tindakan berikut:

(a) mengambil keterangan daripada 35 orang saksi (termasuk anggota polis berkaitan penangkapan dan tahanan Syed Mohd Azlan (si mati), pegawai perubatan, orang awam dan juga ahli keluarga si mati);

(b) melawat dan memeriksa tempat kejadian di mana Syed Mohd Azlan telah ditangkap;

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

(c) meneliti dan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan termasuk laporan polis berkenaan tangkapan, catatan Buku Perhatian Balai, laporan bedah siasat dan laporan kimia beserta gambar-gambar berkaitan;

Latar belakang kejadian tangkapan dan kematian si mati adalah seperti berikut:

(i) Pada 19 September, 2014 lebih kurang jam 1.00 pagi, pengadu iaitu seorang lelaki Melayu bersama beberapa rakannya termasuk seorang teman wanita pengadu telah pergi ke rumah di alamat No. 53, Kampung Dato' Abdul Ghani untuk berjumpa dengan Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur (si mati). Mereka diberitahu oleh bapa si mati bahawa si mati tiada di rumah pada ketika itu.

(ii) Lebih kurang 30 minit kemudian, si mati pulang ke rumah bersama beberapa rakan si mati dengan menaiki kereta jenis Proton Saga berwarna perak serta sebuah lagi kereta jenis Honda berwarna hitam. Setiba di situ, si mati dan rakan-rakan si mati dikatakan telah keluar daripada kereta dengan bersenjatakan senjata berbentuk sepucuk pistol dan sebilah pedang samurai lalu menyerang pengadu dan rakan-rakan pengadu sehingga mendatangkan kecederaan ke atas pengadu dan rakan pengadu. Pengadu berjaya melarikan diri dari terus diserang.

(iii) Satu laporan polis telah dibuat oleh pengadu di Balai Polis Sungai Rengit (Sg Rengit Rpt: 816/2014) bersabit dengan kejadian tersebut pada 19 September 2014 jam 4.45 pagi. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh pihak polis untuk disiasat di

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

bawah seksyen 148 Kanun Keseksaan, iaitu memiliki senjata di dalam rusuhan.

(iv) Pada 3 November 2014, jam lebih kurang 3.30 pagi, bertindak di atas maklumat, sepasukan polis seramai 13 orang anggota yang diketuai oleh seorang pegawai berpangkat Inspektor telah membuat serbuan ke atas sebuah bilik sewa di rumah bernombor 62, Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor dan telah menangkap si mati. Tiada apa-apa senjata api dijumpai dari si mati.

(v) Selepas ditangkap, si mati telah dibawa balik ke Balai Polis Sungai Rengit untuk disoal siasat berkaitan kejadian pergaduhan dan penyimpanan senjata api. Bagaimana pun masih tiada senjata api ditemui walau pun pihak polis telah membuat penggeledahan di rumah bapa si mati.

(vi) Pada jam lebih kurang 7.10 pagi pada hari yang sama, si mati telah dibawa oleh pihak polis menaiki kenderaan polis dari Balai Polis Sungai Rengit untuk pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi bagi tujuan menguruskan permohonan reman ke atas si mati berkaitan kes di mana si mati di tangkap yang disiasat di bawah seksyen 148 Kanun Keseksaan bersabit Sg. Rengit Rpt: 816/2014.

(vii) Semasa di dalam perjalanan ke IPD Kota Tinggi, anggota polis yang mengiringi si mati mendapati si mati berada di dalam keadaan yang lemah dan tidak bermaya serta tidak memberikan sebarang respon kepada panggilan/pertanyaan yang dibuat oleh anggota pengiring tersebut. Anggota pengiring tersebut serta

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

merta memaklumkan keadaan si mati kepada pegawai tangkapan yang ikut sama di dalam kereta tersebut.

(viii) Di atas arahan pegawai tersebut, mereka terus menuju ke klinik berdekatan iaitu Klinik Kesihatan Bandar Penawar. Setibanya mereka di Klinik Kesihatan Bandar Penawar pada jam lebih kurang 8.30 pagi, pegawai perubatan bertugas iaitu Dr. Mohd Mahdzan Bin Mazelan telah melakukan pemeriksaan ke atas si mati dan mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia.

(ix) Satu laporan polis tentang kematian si mati telah dibuat oleh pegawai iaitu ketua pasukan tangkapan pada 3 November 2014, jam 10.15 pagi (hari yang sama) melalui Bandar Penawar Report No. 002169/14.

(x) Pada 4 November 2014, bedah siasat (*post mortem*) telah dijalankan ke atas mayat si mati oleh Dr. Rohayu binti Shahar Adnan di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru yang mengesahkan punca kematian adalah akibat daripada trauma hentakan tumpul pada dada (*blunt force trauma to chest*). Pemeriksaan juga mendapati si mati mengalami 61 jenis kesan luka/lebam/calaran (*bruises*) pada tubuh badan termasuk pada bahagian muka, badan dan kedua-dua belah kaki si mati. Satu laporan *post mortem* telah disediakan oleh doktor pakar tersebut.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

Siasatan kes kematian si mati tersebut telah selesai dijalankan oleh Pasukan Petugas EAIC dan dilerima oleh EAIC selari dengan terma-terma rujukan siasatan. Dapatan (*findings*) siasatan adalah seperti berikut:

1. Kematian Syed Mohd Azlan Bin Syed Mohamed Nur (si mati) mempunyai kaitan dengan penggunaan kekerasan secara fizikal oleh pihak polis yang menjalankan tangkapan dan soal siasat ke atas si mati;
2. Pakar Perunding dan Ketua Jabatan, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati mendapati kematian Syed Mohd Azlan disebabkan oleh trauma hentakan tumpul (*blunt force trauma to the chest*) ke atas dada si mati tersebut. Pemeriksaan juga mendapati si mati mengalami 61 jenis kecederaan di bahagian muka, badan dan kedua-dua belah kaki. Sebahagian daripada kecederaan yang dialami oleh si mati konsisten dengan kecederaan semasa berusaha mempertahankan diri daripada kekerasan fizikal yang dilakukan ke atasnya oleh anggota-anggota polis.
3. Terdapat perlakuan gangguan bahan bukti yang material oleh anggota PDRM iaitu, (i) membersihkan tempat kejadian sebelum dilawati dan diperiksa oleh pegawai perubatan,(ii) melupuskan tikar getah dan karpet yang dipercayai mempunyai kesan darah si mati di tempat kejadian tangkapan, dan (iii) perlakuan menyembunyikan/menghilangkan saksi mata (*eye witness*) yang melihat kejadian tangkapan si mati;
4. Terdapat anggota tangkapan yang menggunakan gari milik persendirian anggota tersebut yang bukan dibekalkan oleh PDRM bagi menggari si mati selepas ditangkap yang telah menyumbang kepada berlakunya kecederaan di pergelangan tangan si mati.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

5. Terdapat beberapa pemecahan serius (*serious breach*) ke atas *Standard Operating Procedure* (SOP) PDRM berkaitan tatacara tangkapan dan pengendalian orang tangkapan, sitaan barang kes dan integriti keterangan (SOP Tangkapan Jabatan Siasatan Jenayah PDRM); SOP Jabatan Siasatan Jenayah (Prosedur Penggeledahan dan Rampasan) telah dilakukan oleh pegawai dan anggota pasukan serbuan yang dikenalpasti oleh siasatan ini;
6. Terdapat perlakuan serangan bersifat jenayah yang melibatkan unsur niat bersama atau pensubahatan (*abetment*) oleh anggota PDRM yang terdiri daripada anggota pasukan tangkapan bagi melakukan kekerasan fizikal secara sengaja ke atas si mati yang telah mengakibatkan kecederaan dan kematian ke atas si mati, dan perlakuan ini adalah merupakan jenis kesalahan bersifat jenayah di bawah undang-undang, khususnya kesalahan di bawah seksyen 302 dan seksyen 325 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan atau secara alternatif seksyen 107 Kanun yang sama;
7. Selaras dengan peruntukan seksyen 30(1)(b) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], Suruhanjaya mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Patatertib (PBT) PDRM untuk tindakan tatatertib dibawa terhadap pegawai dan anggota-anggota yang dikenalpasti di dalam laporan penuh Suruhanjaya yang didapati telah melakukan salah laku seperti mana skop salah laku yang diberikan di bawah seksyen 24 Akta 700;
8. Selaras dengan peruntukan seksyen 30(1)(c) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], EAIC mengesyorkan kepada Pendakwa Raya (Peguam Negara) bagi pendakwaan jenayah dibawa terhadap pegawai dan anggota PDRM yang didapati telah melakukan salah laku bersifat kesalahan jenayah seperti yang dikenalpasti di dalam laporan penuh siasatan ini.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

EAIC juga sebagai tambahan mengemukakan syor dan cadangan berikut kepada PDRM sebagai penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kualiti pengurusan orang tahanan atau orang tangkapan bagi mengelakkan insiden kematian orang tahanan atau orang tangkapan semasa berada di dalam tahanan:

1. PDRM menambahbaik SOP berkaitan dengan tangkapan. Jika sekiranya orang tangkapan didapati mengalami kecederaan fizikal (walaupun kecederaan nampak seperti tidak serius), maka saspek itu hendaklah dirujuk terus kepada mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan bagi memastikan tahap keseriusan kecederaan serta status kesihatan saspek tersebut;
2. PDRM mengadakan *"refresher course"* atau *"refresher training"* yang berterusan secara berkumpulan dan berperingkat kepada semua lapisan pegawai dan anggota yang terlibat di dalam operasi serbuan/tangkapan untuk memastikan supaya pegawai dan anggota benar-benar memahami dan mengamalkan kehendak serta tatacara yang diperuntukkan dalam kes-kes tangkapan atau operasi yang berkaitan dengan tangkapan;
3. PDRM memperketatkan dan menjalankan pemantauan dengan lebih berkesan ke atas pematuhan oleh pegawai dan anggota PDRM ke atas SOP Jabatan Siasatan Jenayah atau Perintah Tetap khususnya berkaitan soalsiasat ke atas orang tahanan, penyitaan barang kes dan kewajipan menyediakan borang geledah atau borang bongkar. Di dalam perkara ini terdapat SOP yang melarang sebarang penggunaan kekerasan ke atas orang tahanan semasa disoalsiasat (PTKPN A 118);
4. PDRM mengemaskini SOP yang berkaitan bagi melarang sama sekali mana-mana pegawai atau anggota dari menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan atau peralatan yang bukan dibekalkan oleh PDRM dalam apa-apa operasi tangkapan; dan

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526
LAMAN WEB: *www.eaic.gov.my*

Selain itu, EAIC juga mengesyorkan supaya kajian dibuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara ke atas kesesuaian untuk meminda peruntukan Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan peruntukan anggapan (*presumption*) yang akan meletakkan beban bukti ke atas pihak yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas orang tahanan sebagai bertanggungan ke atas kecederaan atau kematian orang tahanan sehingga diakaskan atau dibuktikan sebaliknya. Ini akan dapat mengimbangi keadaan di mana monopoli keterangan hanya dimiliki oleh pihak yang melakukan tahanan ke atas orang tahanan atau mangsa bagi kes-kes kejadian kematian dan kecederaan orang tahanan di bawah jagaan mana-mana pihak berkuasa berkaitan.

EAIC berasa kesal ke atas kes-kes kematian tahanan dalam lokap yang berulang kali berlaku dalam negara dan memandang serius kepada perkara ini. Kejadian kematian orang tahanan akibat daripada kecederaan tubuh badan semasa di dalam tempoh tahanan oleh perlakuan salah laku anggota penguat kuasa hendaklah dibasmi sama sekali. Demi menjaga integriti semua pihak, diharapkan syor-syor Suruhanjaya ini diberi perhatian dan tindakan serius oleh semua pihak-pihak yang berkaitan.

Untuk mendapatkan butiran lanjut kandungan laporan siasatan ini orang awam boleh mendapat akses melalui laman sesawang EAIC di alamat www.eaic.gov.my.

-TAMAT-

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM
Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Bertarikh 30 Oktober 2015

(I)

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: ***www.eaic.gov.my***

EDITOR, NEWSROOM **FOR IMMEDIATE RELEASE**

MEDIA STATEMENT

CASE AGAINST IMMIGRATION DEPARTMENT: INVESTIGATION IS OVER AND COMPLAINANTS WERE INFORMED

23 December 2015, Putrajaya - EAIC refers to the editorial published by The Sun Daily on 14 December 2015 entitled *EAIC Proposal Misplaced* concerning the complaint made by Mr. David Mauricio Velez Hernandez against the Immigration Department of Malaysia.

EAIC wishes to comment on and clarify certain statements made in this editorial.

1. A full investigation has been conducted and the Commission has found that the Immigration Department of Malaysia, Putrajaya has failed to adhere to the proper Standard Operating Procedures in regards to the condition of the Putrajaya Immigration Depot and the treatment given to Mr. David Velez throughout his detention at the said depot.

2. An investigation visit has also been carried out by EAIC at the said Immigration depot on 4 August 2015 as means to complete the investigation in regards to the complaint made.

3. The Commission also confirms the notification letter informing its decision has been sent to both complainants Mr. David Mauricio Velez Hernandez on 9 December 2015 and Mrs. Chew Vee Lyn on 10 December 2015.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: ***www.eaic.gov.my***

4. The findings and recommendations of this case will be sent to the Director General of Immigration Department and the Secretary General of Ministry of Home Affairs.

5. EAIC insists a serious and pro-active actions to be taken by the Immigration Department of Malaysia to improve the conditions of the depot and also to improve the treatments given to the detainees to be in compliance with the SOPs.

The Commission hopes this response helps to clarify the above issues. EAIC has always been serious in attending to every complaint lodged by the public as integrity is our priority.

-END-

Enforcement Agency Integrity Commission
23 December 2015

LAMPIRAN VII
APPENDIXES VII

KERATAN AKHBAR
CLIPPINGS

Commission may set up zone offices

NATIONWIDE:
Branching out for better management

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
tharanya@nst.com.my

THE Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) is considering setting up zone offices nationwide for better and smoother handling of complaints on misconduct among enforcement officers in the 21 agencies that fall under its purview.

EAIC chairman Datuk Yaacob Md Sam said the commission currently only had its headquarters in Putrajaya, adding that for now, if there were complaints from other regions, it would deploy officers to the respective states to carry out investigations.

However, he said during a dialogue sessions with personnel from enforcement agencies, it was suggested that the commission set up a branch in each state for smoother complaint management.

"We are heeding the suggestions and looking into setting up offices at the zone level, such as in the northern (Kedah, Perlis, Perak and Penang), southern (Johor Baru and Malacca) and east coast regions (Kelantan, Terengganu and Pahang), as well as one each in Sabah and Sarawak, for a start," he told the *New Straits Times*.

"Once we have established ourselves, have enough manpower and are financially equipped, we will set up offices in Sabah and Sarawak by having a minimum number of officers or staff man-

S Sooian
Lupa tanggungjawab punca integriti merosot

PRIME NEWS
Govt may split police integrity dept from force

Civil service retirees to get 2pc pension raise

BH
85 peratus aduan diterima EAIC babitkan anggota PDRM

NEWS
756 complaints filed against cops in 4 years

EAIC terima 990 aduan
Sejumlah 85 peratus salah laku babit polis

Integrity units to be under one roof


THE Integrity EXCLUSIVE
'POLICE'

C2
監督21政府機構
EAIC提供投訴管道
運作至今接1139投訴
去年今年案件增加

51 deaths in police lock-ups since 2010'

38 Setempat
SIAP siasat semula
Suruhanjaya terima 777 aduan terhadap polis

EAIC BUKAN 'POSMEN'

Rasionaleya adalah bagi memastikan ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC yang diberitahu tidak terikat atau terdapatnya unsur 'bias' terhadap mana-mana agensi penguatkuasaan. Syor untuk hukuman yang patut dikenakan dalam tertuduh adalah bagi undang-undang IPCMC.

EAIC pushes for power to act

MELAKA HARI INI MAJU SAJA !!
Suruhanjaya EAIC kunjung hormat TYT
LPM catat keuntungan lebih RM3.5 juta

廉正公署有權建議如何處罰警員

設官網供填寫投訴資料

执法员不公滥权
廉正委会欢迎投报

LPPR tolak cadangan EAIC

» Suruhanjaya dipantau secara efektif beberapa panel bebas

EAIC bid to oversee MACC 'timely'

MIXED RESPONSE: It will allow monitoring of misconduct, says civil society group

37 pegawai imigresen langgar integriti kena tindakan

Putrajaya: Seramai 37 pegawai imigresen yang melakukan kesalahan perlanggaran integriti sudah dikenakan tindakan tatatertib oleh jabatan itu sejak Januari lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Mustafa Ibrahim, dalam satu kenyataan semalam, berkata jabatan itu tidak akan berkompromi soal integriti dan akan mengenakan hukuman serius jika pegawainya benar-benar bersalah.

"Kita memandang serius sebarang isu integriti dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai yang terbabit dalam kegiatan haram atau jenayah," katanya.

Beliau mengulas penahanan empat pegawai imigresen yang memeras ugut pemegang kad Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR) di Depot Tahanan Imigresen di Perak.

Kegiatan itu dikesan berlaku di Depot Tahanan Imigresen di Langkap, Teluk Intan, sejak November tahun lalu, selain pusat tahanan sama di Pahang, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Laksana Pelan Integriti Jabatan

Mustafa berkata, bagi memastikan integriti pegawai pada tahap maksimum, Bahagian Integriti Jabatan Imigresen akan melaksanakan Pelan Integriti Jabatan membabitkan program pematuhan dan kempen kesedaran memerangi rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

"Ini bagi memastikan setiap pegawai imigresen melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan berintegriti, sekali gus meningkatkan mutu penyampaian," katanya.

"Kita juga sentiasa menjalinkan kerjasama erat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia serta menghantar laporan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)," katanya.

EAIC mahu pinda Akta Suruhanjaya Integriti

耶谷末森：確認健康狀況
被拘留者應做體檢

廉正公署監督21部門
公僕沒紀律？舉報

Kes SPRM perlu diselia EAIC



PRIME NEWS

EAIC may set up regional offices to monitor grouses

MISCONDUCT: Move will help agency to better manage complaints against enforcement officers, says its chief

LAMPIRAN VIII
APPENDIXES VIII

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
AUDITOR GENERAL'S REPORT

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700). Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(LIM CHIN TEONG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
26 FEBRUARI 2016

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Saya, **Ahmad Razif Bin Mohd Sidek**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun,1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
Diakui oleh penama diatas)
Di **PUTRAJAYA**)
pada 29 JAN 2016

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
A-W-388
MOHD ASRI BIN MAT NUN
JAB. AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

1

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI PESURUHJAYA

Saya, **Yang Arif Datuk Yaacob Bin Md. Sam**, dan **Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli Bin A. Hassan** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Pesuruhjaya **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Pesuruhjaya,

.....

NAMA: YAACOB BIN MD.SAM
GELARAN: YANG ARIF DATUK
TARIKH: 25/2/2016
TEMPAT: PUTRAJAYA

Bagi pihak Pesuruhjaya,

.....

NAMA: ZULKEFLI BIN A.HASSAN
GELARAN: TAN SRI DATUK DR.
TARIKH: 25/2/2016
TEMPAT: PUTRAJAYA

2

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

	NOTA	2015 RM	2014 RM
ASET			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	1,093,579	1,309,627
		1,093,579	1,309,627
ASET SEMASA			
Pembayaran Terdahulu	5	12,070	8,500
Tunai dan Baki di Bank	6	3,882,513	4,984,147
		3,894,583	4,992,647
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	7	(101,604)	(9,937)
ASET SEMASA BERSIH		3,792,979	4,982,710
		4,886,558	**6,292,337**
DIBIAYAI OLEH :			
Lebihan Terkumpul		**4,886,558**	**6,292,337**

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	NOTA	2015 RM	2014 RM
PENDAPATAN			
Geran Kerajaan	**8**	5,095,705	3,475,800
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Faedah Diterima	**9**	27,103	54,126
Pendapatan Lain		2,802	2,007
JUMLAH PENDAPATAN		**5,125,610**	**3,531,933**
Tolak: BELANJA OPERASI			
Kos Kakitangan	**10**	(3,574,812)	(2,254,037)
Pentadbiran dan Pengurusan	**11**	(2,572,153)	(1,524,695)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	**4**	(382,773)	(291,541)
Kurangan daripada Operasi		(6,529,738)	(4,070,273)
Kos Kewangan	**12**	(1,651)	(342)
Kurangan Bersih Tahun Semasa		**(1,405,779)**	**(538,682)**

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2014	6,831,019
Kurangan bersih tahun 2014	(538,682)
Baki pada 31 Disember 2014	**6,292,337**
Kurangan bersih tahun semasa	(1,405,779)
Baki pada 31 Disember 2015	**4,886,558**

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi		
Kurangan Bersih Tahun Semasa	(1,405,779)	(538,682)
Pelarasan untuk:		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	382,773	291,541
Perubahan Modal Kerja:		
Pertambahan Pembayaran Terdahulu	(3,570)	-
Pertambahan / (Pengurangan) Pelbagai Pemiutang dan Akruan	91,667	(4,320)
	(934,909)	**(251,461)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan		
Pembelian ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan	(166,725)	(785,295)
Pengurangan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	**(1,101,634)**	**(1,036,756)**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	4,984,147	6,020,903
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	**3,882,513**	**4,984,147**
Terdiri Daripada:		
Tunai di Bank	3,881,513	4,983,647
Tunai di Tangan	1,000	500
	3,882,513	**4,984,147**

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Suruhanjaya) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Aktiviti utama Suruhanjaya adalah seperti berikut:

1.1. Menerima aduan salah laku dan menjalankan siasatan;

1.2. Mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;

1.3. Melindungi kepentingan orang awam daripada salah laku;

1.4. Mengaudit dan memantau operasi serta tatacara agensi penguatkuasaan;

1.5. Menggalakkan kesedaran dan pendidikan tentang integriti;

1.6. Membantu merumuskan perundangan dan mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan;

1.7. Mengkaji apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat syor;

1.8. Membuat lawatan ke premis agensi penguatkuasaan dan membuat syor; dan

1.9. Melakukan semua perkara yang suai manfaat dan perlu untuk melaksanakan fungsi-fungsi di atas.

2. TARIKH KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diluluskan untuk dikeluarkan oleh Suruhanjaya pada tarikh 25 Februari 2016 melalui Kertas Resolusi Secara Edaran Bil. 2/2016.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi entiti selain daripada entiti persendirian. Suruhanjaya boleh menerima pakai sepenuhnya pekeliling yang telah disediakan oleh Kerajaan Malaysia.

3.2 Dasar-dasar perakaunan penting yang diterima pakai oleh Suruhanjaya

a) Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai oleh Suruhanjaya untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

MASB 1 : Pembentangan Penyata Kewangan

MASB 5 : Penyata Aliran Tunai

MASB 9 : Hasil

MASB 14 : Perakaunan Susutnilai

MASB 15 : Hartanah, Loji dan Peralatan

MASB 20 : Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka, Aset Luar Jangka

MASB 31 : Perakaunan bagi Geran Kerajaan

b) Penyata Kewangan Suruhanjaya telah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Suruhanjaya.

3.3 Pengiktirafan Pendapatan

Sumber pendapatan Suruhanjaya terdiri daripada terimaan Geran Mengurus daripada Kerajaan dan pendapatan faedah atas simpanan. Pengiktirafan pendapatan adalah seperti berikut:

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

a) Pendapatan Geran Kerajaan
Pendapatan Geran Kerajaan diiktiraf apabila hak menerima geran dikenalpasti.

b) Pendapatan Faedah
Pendapatan faedah diiktiraf apabila faedah diterima.

3.4 Hartanah, Loji dan Peralatan; dan Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah terdiri daripada Kenderaan, Peralatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan, Peralatan Komputer, Perisian Komputer dan Peralatan Keselamatan di mana perolehan asalnya RM1,000 dan ke atas atau yang memerlukan penyelenggaraan tanpa mengira harga perolehan asal. Ianya dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atau rosotnilai harta jika ada. Susutnilai dikira sama rata berasaskan kaedah garis lurus pada kadar berdasarkan penilaian di sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya.

Susutnilai dikira bermula pada bulan perolehan dalam sesuatu tahun sehingga tamat tempoh hayat penggunaannya. Sekiranya perolehan tersebut berlaku selepas 15hb pada bulan perolehan, maka susutnilai akan dikira bermula pada bulan berikutnya.

Kadar utama susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Peratus (%)	Jangka Hayat (Tahun)
Kenderaan	20	5 Tahun
Peralatan Pejabat	20	5 Tahun
Perabot dan Kelengkapan	20	5 Tahun
Peralatan Komputer	20	5 Tahun
Peralatan Keselamatan	20	5 Tahun
Perisian Komputer	33.33	3 Tahun

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Suruhanjaya menggunakan kaedah tidak langsung bagi menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai di tangan dan di bank.

3.6 Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

3.7 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan Liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai kewajipan hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

3.8 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah terdiri daripada baki tunai dan di bank. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan keseluruhan Suruhanjaya bagi pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan kesan pendedahan terhadap risiko kecairan dan risiko aliran tunai.

b) Risiko Kecairan

Risiko Kecairan diambil kira untuk memastikan kecairan tunai, memadai bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan melalui langkah kawalan kredit, penerimaan hasil dan geran.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

c) Risiko Aliran Tunai

Aliran tunai Suruhanjaya adalah mencukupi bagi tujuan pembangunan dan pengurusan.

3.9 Manfaat Kakitangan

a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit, bonus dan manfaat-manfaat bukan kewangan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan tersebut kepada Suruhanjaya.

b) Manfaat selepas tamat perkhidmatan

Suruhanjaya mempunyai skim yang dikenali sebagai sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

i. Sumbangan kepada KWSP dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

Suruhanjaya membuat sumbangan kepada KWSP dan diakaunkan dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan tahun perkhidmatan. Suruhanjaya tidak mempunyai tanggungan untuk lain-lain bayaran sebaik sahaja pembayaran sumbangan dibuat. Suruhanjaya turut mempunyai skim dana persaraan yang dibuat bagi semua kakitangan Suruhanjaya yang layak dan disahkan jawatan.

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2015 Kos	KENDERAAN RM	PERALATAN PEJABAT RM	PERABOT & KELENGKAPAN RM	PERALATAN KOMPUTER RM	PERISIAN KOMPUTER RM	PERALATAN KESELAMATAN RM	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2015	964,488	398,401	16,680	219,180	80,228	51,716	1,730,693
Penambahan	145,711	17,764	-	-	-	3,250	166,725
Baki pada 31 Disember 2015	1,110,199	416,165	16,680	219,180	80,228	54,966	1,897,418
Susutnilai Terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2015	208,223	137,875	1,505	26,962	41,147	5,354	421,066
Susutnilai	217,183	81,227	3,336	43,836	26,740	10,451	382,773
Baki pada 31 Disember 2015	425,406	219,102	4,841	70,798	67,887	15,805	803,839
Nilai Buku Bersih	**684,793**	**197,063**	**11,839**	**148,382**	**12,341**	**39,161**	**1,093,579**

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

2014	KENDERAAN	PERALATAN PEJABAT	PERABOT & KELENGKAPAN	PERALATAN KOMPUTER	PERISIAN KOMPUTER	PERALATAN KESELAMATAN	JUMLAH
Kos	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2014	439,604	383,586	5,310	56,820	60,078	-	945,398
Penambahan	524,884	14,815	11,370	162,360	20,150	51,716	785,295
Baki pada 31 Disember 2014	964,488	398,401	16,680	219,180	80,228	51,716	1,730,693
Susutnilai Terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2014	48,194	60,590	443	4,772	15,526	-	129,525
Susutnilai	160,029	77,285	1,062	22,190	25,621	5,354	291,541
Baki pada 31 Disember 2014	208,223	137,875	1,505	26,962	41,147	5,354	421,066
Nilai Buku Bersih	**756,265**	**260,526**	**15,175**	**192,218**	**39,081**	**46,362**	**1,309,627**

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

5. PEMBAYARAN TERDAHULU

	2015 RM	2014 RM
Deposit Touch & Go	8,500	8,500
Pendahuluan Diri/Pelbagai	3,570	-
	12,070	8,500

6. TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2015 RM	2014 RM
Baki tunai di bank	3,881,513	4,983,647
Baki tunai di tangan	1,000	500
	3,882,513	4,984,147

7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai Pemiutang	88,958	1,126
Peruntukan Yuran Audit	6,840	6,591
Perbelanjaan Pejabat Terakru	-	390
Elaun Pelajar Praktikal Terakru	615	-
Tuntutan Perubatan Terakru	1,487	551
Tuntutan Perjalanan Terakru	892	279
Tuntutan Perjalanan Pesuruhjaya Terakru	1,302	-
Tuntutan Elaun Pesuruhjaya Terakru	1,480	-
Perbelanjaan Telefon Kakitangan Terakru	30	1,000
	101,604	9,937

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

8. GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan yang diterima bagi perbelanjaan mengurus Suruhanjaya adalah seperti berikut:

	2015 RM	2014 RM
Suku Tahun Pertama	1,737,900	1,737,900
Suku Tahun Kedua	1,480,434	1,737,900
Suku Tahun Ketiga	498,617	-
Suku Tahun Keempat	1,378,754	-
	5,095,705	3,475,800

9. FAEDAH DITERIMA

Faedah Diterima merupakan faedah akaun semasa di bank CIMB Islamic.

10. KOS KAKITANGAN

	2015 RM	2014 RM
Upah, Gaji dan Bonus	2,914,232	1,904,589
Sumbangan Berkanun	627,677	300,481
Pakaian Seragam	16,941	25,907
Latihan dan Kursus	15,962	23,060
	3,574,812	2,254,037

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

11. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

	2015 RM	2014 RM
Elaun Pesuruhjaya	1,040,479	269,991
Pengiklanan	65,293	27,990
Penerbitan Video Korporat	-	51,500
Tuntutan Perjalanan Kakitangan	183,827	119,372
Penginapan dan Kemudahan	169,453	36,428
Bayaran Telefon Kakitangan dan Pentadbiran	63,352	55,899
Kemudahan Pos	10,837	10,524
Alatulis dan Percetakan	23,907	92,526
Perbelanjaan Mesyuarat	66,199	10,942
Perbelanjaan Pejabat	184,343	266,733
Perbelanjaan Am	101,434	65,116
Perbelanjaan Kakitangan Kontrak	20,300	-
Perbelanjaan Utiliti	5,350	-
Seminar dan Konvensyen	1,500	6,884
Juruperunding Luar	130,266	-
Yuran Langganan Perkhidmatan	52,595	41,531
Yuran Audit	6,840	6,591
Barangan Promosi	86,057	324,079
Langganan Buku/Majalah	7,234	20,184
Belanja Petrol dan Tol	66,816	37,261
Penyelenggaraan Kenderaan	52,037	29,495
Penyelenggaraan Peralatan Pejabat	31,473	51,649
Sewaan	158,813	-
Cukai Perkhidmatan Kerajaan	43,748	-
	2,572,153	1,524,695

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

12. KOS KEWANGAN

Kos Kewangan Suruhanjaya terdiri daripada bayaran perkhidmatan daripada bank-bank tempatan yang diiktiraf.

13. MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Suruhanjaya pada akhir tahun 2015 adalah 69 (2014:54).